



JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

HANDBOOK

AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990

AKTA 446

TAHUN 2022

HANDBOOK AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 (AKTA 446)

PRAKATA

Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] yang dipinda pada tahun 2019 dan berkuatkuasa pada 1 Jun 2020 adalah suatu Akta yang ditambah baik daripada Akta asal iaitu Akta Pekerja (Standard-Standard Minimum Perumahan) 1966 yang kemudiannya digantikan dengan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] dan mula berkuat kuasa pada 30 Ogos 1990.

Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bertanggungjawab memastikan pematuhan terhadap piawaian penginapan pekerja melalui Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Akta ini adalah untuk memastikan semua pekerja yang disediakan penginapan tanpa mengira sektor dapat menikmati kemudahan penginapan yang selamat, sihat dan kondusif.

Handbook Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] ini adalah kesinambungan dari *Handbook* Akta Kerja 1955 (Akta 256). *Handbook* ini akan menjadi panduan yang jelas dan seragam kerana dilengkapi dengan tafsiran undang-undang, arahan-arahan dan garis panduan yang berkaitan.

Handbook ini diharapkan dapat memberi manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada semua pegawai JTKSM dalam mengawal selia aktiviti yang berkaitan dengan Akta 446.

Tujuan *handbook* ini adalah sebagai rujukan dalaman pegawai-pegawai di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dalam memberikan khidmat nasihat kepada pelanggan Jabatan dan bukan merupakan dokumen perundangan yang boleh digunapakai sebagai autoriti.

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan salam sejahtera



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas penerbitan *handbook* Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) untuk pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JKSM). Ini merupakan satu lagi langkah ke hadapan jabatan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Penghasilan *handbook* ini adalah susulan daripada keputusan *Retreat* Pelan Tindakan Resolusi 2020 JKSM pada 16 hingga 19 November 2019 yang memutuskan supaya jabatan menyediakan *handbook* bagi akta-akta utama yang dikuatkuasakan oleh JKSM untuk kegunaan dalaman pegawai. Oleh itu, penerbitan *handbook* Akta 446 adalah penting untuk memberi dan memangkinkan kefahaman yang standard kepada para pegawai JKSM bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruh adalah profesional, efektif dan efisien.

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penghasilan *handbook* ini terutamanya kepada pasukan pengarang yang diketuai oleh Encik Pezman bin Che Hussin, Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Pahang, koordinator iaitu Tuan Haji Yusoff bin Harun, Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan pasukan penyelaras.

Harapan saya agar semua pegawai JKSM dapat memanfaatkan *handbook* ini sebagai rujukan dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai perhubungan perusahaan yang kompeten. *Handbook* Akta 446 ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

YBhg. Dato' Haji Asri bin Ab Rahman
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
Putrajaya
Julai 2022

ISI KANDUNGAN

HANDBOOK AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 (AKTA 446)

PRAKATA

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

BAHAGIAN I PERMULAAN

<i>Seksyen 1- Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa</i>	1-2
<i>Seksyen 2- Takat pemakaian Bahagian II</i>	3-4
<i>Seksyen 3- Tafsiran</i>	4-8
<i>Seksyen 4- Pengecualian</i>	9

BAHAGIAN II PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN LAIN

<i>Seksyen 5- Bangunan hendaklah mematuhi kehendak</i>	9-12
<i>Seksyen 6- Bekalan air dan elektrik dan penyenggaraan rumah</i>	12-15
<i>Seksyen 7- Pembinaan bangunan bertujuan untuk digunakan bagi perumahan pekerja, sebagai pusat asuhan kanak-kanak atau sebagai dewan komuniti</i>	15-16
<i>Seksyen 8- Bangunan yang mengancam kesihatan atau keselamatan</i>	16-18
<i>Seksyen 9- Bangunan yang asalnya tidak dibina bagi perumahan pekerja</i>	18
<i>Seksyen 10- Pusat asuhan kanak-kanak</i>	19-20
<i>Seksyen 11- Penguntukan tanah</i>	20-22
<i>Seksyen 12- Dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain</i>	22-23
<i>Seksyen 13- Tiada sewa atau caj boleh dilevikan bagi faedah di bawah Bahagian ini</i>	23

BAHAGIAN III KESIHATAN, HOSPITAL, RAWATAN PERUBATAN DAN KEBERSIHAN

<i>Seksyen 14- Takrif tanggungan</i>	23-24
<i>Seksyen 15- Majikan hendaklah membina dan menyelenggarakan hospital estet</i>	24-26
<i>Seksyen 16- Bayaran dan mendapatkan kembali perbelanjaan hospital oleh majikan</i>	27
<i>Seksyen 17- Pekerja sakit yang dimasukkan ke hospital Kerajaan</i>	27-28
<i>Seksyen 18- Mengangkut pekerja yang sakit ke hospital</i>	28-29
<i>Seksyen 19- Rawatan perubatan di estet di mana suatu hospital tidak diselenggarakan</i>	29-30
<i>Seksyen 20- Kewajipan melaporkan kes yang disyaki penyakit berjangkit</i>	30-31
<i>Seksyen 21- Kewajipan majikan untuk mengasingkan pekerja yang menghidap penyakit Berjangkit</i>	31-32
<i>Seksyen 22- Kuasa Pegawai Perubatan Kesihatan untuk memerintahkan imunisasi terhadap penyakit berjangkit</i>	32
<i>Seksyen 23- Pemeriksaan mingguan ke atas perumahan pekerja</i>	33-34
<i>Seksyen 24- Beban pembuktian</i>	34-35

BAHAGIAN III A PENGINAPAN

<i>Seksyen 24A- Pemakaian</i>	35
<i>Seksyen 24B- Tafsiran</i>	35-36
<i>Seksyen 24C- Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah berhubung dengan penginapan</i>	36-37
<i>Seksyen 24D- Penginapan hendaklah diperakukan dengan Perakuan Penginapan</i>	37-38
<i>Seksyen 24E- Majikan hendaklah memberi notis pendudukan</i>	38

<i>Seksyen 24F- Penginapan hendaklah mematuhi standard minimum</i>	38
<i>Seksyen 24G- Pemotongan berkeenaan dengan sewa atau caj bagi penginapan</i>	38-39
<i>Seksyen 24H- Penginapan hendaklah mematuhi undang-undang pihak berkuasa tempatan</i>	39-40
<i>Seksyen 24I- Kemudahan</i>	40
<i>Seksyen 24J- Kewajipan dan tanggungjawab berkeenaan dengan keselamatan dan kesihatan</i>	41-42
<i>Seksyen 24K- Penyelenggaraan</i>	42
<i>Seksyen 24L- Pelantikan orang yang bertanggungjawab bagi penginapan</i>	42-43
<i>Seksyen 24M- Notis untuk mengosongkan penginapan</i>	43
<i>Seksyen 24N- Majikan tidak berkewajipan untuk menyediakan penginapan bagi tanggungan pekerja</i>	43

BAHAGIAN IV PERATURAN-PERATURAN

<i>Seksyen 25- Peraturan-peraturan</i>	44-45
--	-------

BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM, RAYUAN DAN KESALAHAN

<i>Seksyen 26- Menteri boleh meletak hak pada pegawai tertentu kuasa dan kewajipan</i>	46
<i>Seksyen 26A- Kuasa untuk mengeluarkan arahan</i>	46
<i>Seksyen 27- Kuasa Ketua Pengarah, dsb. untuk memeriksa, menyiasat dan untuk mengeluarkan saman</i>	46-49
<i>Seksyen 28- Permulaan pendakwaan</i>	49
<i>Seksyen 28A- Pengkompaunan kesalahan</i>	50-51
<i>Seksyen 28B- Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang</i>	51-52
<i>Seksyen 29- Ketua Pengarah dan pegawai disifatkan sebagai pekhidmat awam</i>	52
<i>Seksyen 29A- Kesalahan oleh syarikat, dsb.</i>	52-53
<i>Seksyen 30- Rayuan</i>	53-54
<i>Seksyen 31- Kegagalan mematuhi perintah di bawah seksyen 5, 8, 12, 15 atau 19</i>	54-55
<i>Seksyen 32- Kegagalan mematuhi seksyen 20 atau 21</i>	55-56
<i>Seksyen 33- Penalti am</i>	56

BAHAGIAN VI PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

<i>Seksyen 34- Pemansuhan dan kecualian berkeenaan dengannya</i>	56-57
--	-------

PERATURAN-PERATURAN STANDARD-STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 [P.U.(A) 411] BERKUATKUASA PADA 1 DISEMBER 1990

BAHAGIAN I PERMULAAN

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	58
<i>Peraturan 2-Tafsiran</i>	58
<i>Peraturan 3- Kelulusan bagi kegunaan tetap atau sementara sesuatu kediaman</i>	58-59

BAHAGIAN II KEDIAMAN TETAP

<i>Peraturan 4- Pemakaian</i>	59
<i>Peraturan 5- Kehendak-kehendak am</i>	59-60
<i>Peraturan 6- Jarak kediaman daipada jalan</i>	60
<i>Peraturan 7- Jarak di antara kediaman-kediaman atau blok kediaman</i>	60
<i>Peraturan 8- Bilangan kediaman dalam setiap blok</i>	60-61
<i>Peraturan 9- Saliran</i>	61
<i>Peraturan 10- Lantai</i>	61
<i>Peraturan 11- Dinding-dinding</i>	61-62
<i>Peraturan 12- Saiz bilik-bilik tidur</i>	62

<i>Peraturan 13- Bumbung dan siling</i>	62
<i>Peraturan 14- Cucur atap dan pengalihudaraan</i>	63
<i>Peraturan 15- Katil-katil dan almari-almari dalam setiap bilik tidur</i>	63
<i>Peraturan 16- Dapur</i>	64-65
<i>Peraturan 17- Bilik Mandi</i>	65-66
<i>Peraturan 18- Kemudahan-kemudahan kebersihan</i>	66-69
<i>Peraturan 19- Gabungan bilik mandi dan tandas</i>	69
<i>Peraturan 20- Pencahayaan dan punca kuasa</i>	69
<i>Peraturan 21- Kediaman-kediaman hendaklah dicat</i>	69
<i>Peraturan 22- Berkongsi tempat tinggal dengan orang lain selain daripada anggota keluarga</i>	70

BAHAGIAN III KEDIAMAN SEMENTARA

<i>Peraturan 23- Pemakaian</i>	70
<i>Peraturan 24- Kehendak-kehendak am</i>	71
<i>Peraturan 25- Bilangan kediaman dalam setiap blok</i>	71
<i>Peraturan 26- Lantai dan dinding-dinding</i>	72
<i>Peraturan 27- Dapur</i>	72-74
<i>Peraturan 28- Kemudahan-kemudahan membasuh</i>	74-75
<i>Peraturan 29- Tandas</i>	75-76
<i>Peraturan 30- Pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu Bahagian II</i>	76
<i>Peraturan 31- Kediaman bagi pekerja-pekerja bujang</i>	77-78

BAHAGIAN IV PROSEDUR BERHUBUNGAN DENGAN PENGEMUKAAN DAN KELULUSAN PELAN-PELAN

<i>Peraturan 32- Tafsiran</i>	78-79
<i>Peraturan 33- Pengemukaan pelan-pelan</i>	79
<i>Peraturan 34- Pelan tapak</i>	80-81
<i>Peraturan 35- Pelan bangunan</i>	81
<i>Peraturan 36- Orang-orang yang mengemukakan pelan hendaklah diberitahu mengenai keputusan Ketua Pengarah</i>	81
<i>Peraturan 37- Permulaan kerja berkenaan dengan pelan yang diluluskan dan pengubahan, pindaan atau pembatalan pelan itu</i>	81-82
<i>Peraturan 38- Perakuan kelayakan</i>	82-83
<i>Peraturan 39- Pengecualian daripada pengemukaan pelan baru bagi pembinaan bangunan berdasarkan pelan yang diluluskan</i>	83-84
<i>Peraturan 40- Tempoh lanjutan bagi penggunaan kediaman sementara</i>	84

PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK) 1990 [P.U.(A) 413] BERKUATKUASA PADA 1 DISEMBER 1990

<i>Peraturan 1- Nama dan mula berkuatkuasa</i>	85
<i>Peraturan 2- Pusat asuhan kanak-kanak hendaklah mematuhi kehendak-kehendak</i>	85-87
<i>Peraturan 3- Pusat asuhan kanak-kanak yang membahayakan kesihatan atau keselamatan</i>	87-88
<i>Peraturan 4- Ruang lantai bertutup pusat asuhan kanak-kanak</i>	88
<i>Peraturan 5- Beranda</i>	88
<i>Peraturan 6- Ketinggian pusat asuhan kanak-kanak</i>	88
<i>Peraturan 7- Ruang lantai minimum bagi lebih daripada sepuluh orang tanggungan</i>	88
<i>Peraturan 8- Jarak pusat asuhan kanak-kanak dari jalan dan bangunan lain</i>	88-89
<i>Peraturan 9- Saliran</i>	89

<i>Peraturan 10- Lantai</i>	89
<i>Peraturan 11- Bumbung dan Siling</i>	90
<i>Peraturan 12- Dinding</i>	90
<i>Peraturan 13- Cucur atap</i>	90
<i>Peraturan 14- Persediaan tempat tidur, almari-almari, bilik mandi dan tandas</i>	91
<i>Peraturan 15- Dapur</i>	91-92
<i>Peraturan 16- Pusat asuhan kanak-kanak hendaklah dicat</i>	92
<i>Peraturan 17- Penyenggaraan pusat asuhan kanak-kanak</i>	92
<i>Peraturan 18- Bekalan susu</i>	93
<i>Peraturan 19- Nisbah pengasuh kanak-kanak berbanding degan kanak-kanak dan penyenggaraan rekod-rekod</i>	93-94
<i>Peraturan 20- Umur minimum dan kelayakan bagi seorang pengasuh kanak-kanak</i>	94
<i>Peraturan 21- Program aktiviti-aktiviti harian</i>	94
<i>Peraturan 22- Alat permainan</i>	95
<i>Peraturan 23- Pemeriksaan oleh pengamal perubatan berdaftar</i>	95
<i>Peraturan 24- Takrif tanggungan</i>	96

PERATURAN-PERATURAN STANDAR DMINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK) (PINDAAN) 2020 [P.U.(A) 247]

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	97
<i>Peraturan 2- Pindaan peraturan 1</i>	97
<i>Peraturan 3- Pindaan peraturan 19</i>	97

PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (FI PEMROSESAN BAGI PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN) 2020 [P.U.(A) 248]

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	98
<i>Peraturan 2- Fi pemprosesan</i>	98-99

PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (KADAR SEWA ATAU CAJ MAKSIMUM BAGI PENGINAPAN) 2020 [P.U.(A) 249]

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	100
<i>Peraturan 2- Kadar sewa atau caj maksimum bagi penginapan</i>	100

PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PENGINAPAN DAN PENGINAPAN BERPUSAT) 2020 [P.U.(A) 250]

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	101
<i>Peraturan 2- Pemakaian</i>	101
<i>Peraturan 3- Kehendak minimum</i>	101-102
<i>Peraturan 4- Kemudahan asas yang tidak boleh dikongsi</i>	102-103
<i>Peraturan 5- Saiz keluasan lantai bagi bilik tidur dan ruang tidur</i>	103
<i>Peraturan 6- Bekalan air dan bekalan elektrik</i>	104

PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PEKERJA YANG DIKEHENDAKI UNTUK DISEDIAKAN DENGAN PENGINAPAN) 2021 [P.U.(A) 81]

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	105
<i>Peraturan 2- Pekerja yang dikehendaki untuk disediakan dengan penginapan</i>	105

**PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2021 [P.U.(A) 82]**

<i>Peraturan 1- Nama dan permulaan kuat kuasa</i>	106
<i>Peraturan 2- Kesalahan yang boleh dikompaun</i>	106
<i>Peraturan 3- Tatacara mengkompaun</i>	107
<i>Peraturan 4- Penyetujuteraan kompaun</i>	107
<i>Peraturan 5- Pembayaran kompaun</i>	107-108
<i>Peraturan 6- Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat</i>	108

RUJUKAN

<i>SENARAI PINDAAN</i>	109
<i>SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA</i>	110
<i>SENARAI AKTA</i>	111
<i>SENARAI RUJUKAN</i>	112-114

SIDANG REDAKSI

<i>Senarai Sidang Redaksi</i>	115
-------------------------------	-----

HANDBOOK PEGAWAI JTKSM

**AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990
(AKTA 446)**

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Preamble	
<p>Suatu Akta untuk menetapkan standard minimum perumahan dan pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerja dan tanggungan mereka, penginapan untuk pekerja yang tidak ditemani oleh tanggungan dan penginapan berpusat, untuk menghendaki majikan menguntukkan tanah bagi penanaman dan peragutan di tempat pekerjaan, untuk menghendaki majikan menyediakan kemudahan kesihatan, hospital, perubatan dan sosial dan untuk memperuntukkan bagi perkara yang bersampingan dengannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Suatu Akta yang memperuntukkan standard minimum berkaitan perumahan kepada pekerja dan tanggungan serta penginapan kepada pekerja. <p>(a) Perumahan kepada pekerja dan tanggungan merangkumi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. standard minimum perumahan (bangunan, air, elektrik dan kemudahan); ii. pusat asuhan kanak-kanak (PAKK); iii. dewan komuniti; iv. kemudahan sukan dan rekreasi; v. kemudahan kesihatan (klinik, hospital estet, pengangkutan orang sakit); vi. untukkan tanah; vii. penyelenggaraan bangunan; viii. kelulusan pelan dan pembinaan bangunan; dan ix. perakuan kelayakan (kekal dan sementara). <p>(b) Penginapan kepada pekerja merangkumi perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. standard minimum penginapan; ii. perakuan penginapan; iii. kemudahan; dan iv. penyelenggaraan penginapan.
BAHAGIAN I: PERMULAAN	
Seksyen 1: Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa	
<p>S.1(1) Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sebelum ini, Akta dikenali sebagai Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. ● Selepas pindaan dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020 Akta ini dikenali sebagai Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.1(2) Akta ini hendaklah terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemakaian Akta ini hanya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.
<p>S.1(3) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i>, dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini dan bagi Negeri yang berlainan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) berkuat kuasa pada 1 Disember 1990. ● Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 berkuat kuasa pada 1 Jun 2020. ● Senarai peraturan di bawah Akta ini dan tarikh kuat kuasa: <ul style="list-style-type: none"> i. Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [P.U (A) 411 berkuat kuasa pada 1 Disember 1990 ii. Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) 1990 [P.U (A) 413 berkuat kuasa pada 1 Disember 1990. iii. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) (Pindaan) 2020 [P.U. (A) 247] berkuat kuasa pada 1 September 2020. iv. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Fi Pemprosesan Bagi Permohonan Perakuan Penginapan) 2020 [P.U. (A) 248] berkuat kuasa pada 1 September 2020. v. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Kadar Sewa atau Caj Maksimum Bagi Penginapan) 2020 [P.U.A.249] berkuat kuasa pada 1 September 2020. vi. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020 [P.U.(A) 250] berkuat kuasa pada 1 September 2020. vii. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan kemudahan Pekerja (Pekerja Yang Dikehendaki Untuk Disediakan Dengan Penginapan) 2021 [P.U. (A) 81] berkuat kuasa pada 25 Februari 2021. viii. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan kemudahan Pekerja

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	(Pengkompunan Kesalahan) 2021 [P.U. (A) 82] berkuat kuasa pada 25 Februari 2021.
Seksyen 2: Takat pemakaian Bahagian II	
<p>S.2(1) Bahagian II Akta ini tidak terpakai bagi mana-mana tempat pekerjaan atau sebahagian daripadanya, yang terletak di dalam Kawasan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Wilayah Persekutuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bahagian II Akta (bangunan dan kemudahan-kemudahan lain) tidak terpakai bagi mana-mana tempat pekerjaan atau “sebahagian” daripadanya, yang terletak dalam kawasan: <ul style="list-style-type: none"> (a) Majlis Bandaraya; (b) Majlis Perbandaran; atau (c) Wilayah Persekutuan. <p>Nota: “Sebahagian” bermaksud mana-mana bahagian tempat pekerjaan tanpa mengira peratusan keluasan. Contohnya, jika sebahagian besar tempat pekerjaan terletak di bawah Majlis Daerah dan sebahagian kecil terletak di bawah Majlis Perbandaran, berdasarkan peruntukan ini, Bahagian II Akta tidak terpakai.</p> <p>Rujukan Kes</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perwaja Steel Sdn. Bhd. & Lagi Lwn. Majlis Daerah Kemaman, Terengganu [1994] 2 CLJ 504 (R1)
<p>S.2(2) Walau apapun subseksyen (1), Menteri boleh, melalui perintah, mengisytiharkan Akta ini atau mana-mana peruntukannya terpakai bagi mana-mana tempat pekerjaan atau bagi mana-mana kelas tertentu tempat pekerjaan yang terletak di dalam kawasan mana-mana Majlis Perbandaran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Akta memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah membolehkan Bahagian II Akta ini terpakai kepada mana-mana tempat pekerjaan di Majlis Perbandaran. <p>Nota: Akta tidak memberi kuasa sedemikian kepada Menteri untuk tempat pekerjaan yang terletak di Majlis Bandaraya dan Wilayah Persekutuan.</p>
<p>S.2(3) Apabila mula berkuat kuasanya apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2), mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di kawasan itu yang berhubungan dengan kawalan ke atas pembinaan bangunan hendaklah, berkenaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Apabila berkuat kuasanya perintah Menteri di bawah Seksyen 2(2), akta lain yang berkuat kuasa berhubungan dengan kawalan ke atas pembinaan bangunan di kawasan itu tidak terpakai. Peruntukan Akta ini akan terpakai.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
dengan tempat pekerjaan itu, terhenti berkuat kuasa.	<p>Nota: Akta lain merujuk kepada akta yang dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 [Akta 133] - Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] - Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] - Undang-undang kecil lain
Seksyen 3: Tafsiran	
Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-	
“bangunan” ertinya, berhubung dengan Bahagian II, mana-mana bangunan yang digunakan untuk perumahan pekerja dan termasuklah pusat asuhan kanak-kanak dan dewan komuniti;	<ul style="list-style-type: none"> ● Bagi maksud Bahagian II Akta, ‘bangunan’ bermaksud: <ul style="list-style-type: none"> (a) Rumah pekerja; (b) PAKK; dan (c) Dewan komuniti
“estet” ertinya mana-mana tanah pertanian yang melebihi dua puluh hektar luasnya yang di atasnya apa-apa jenis urusan pertanian dijalankan atau yang di atasnya hasil apa-apa tumbuhan atau pokok dikutip atau diproses, atau mana-mana lombong atau mana-mana tempat pekerjaan lain yang diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah;	<ul style="list-style-type: none"> ● ‘Estet’ bermaksud: <ul style="list-style-type: none"> (a) tanah pertanian dengan keluasan yang melebihi 20 hektar dan di atasnya: <ul style="list-style-type: none"> i. apa-apa jenis urusan pertanian dijalankan; atau ii. apa-apa hasil tumbuhan atau pokok yang dikutip atau diproses contohnya kilang sawit dan kilang getah. (b) mana-mana lombong; (c) mana-mana tempat pekerjaan lain yang diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah. (setakat ini tiada pengisytiharan oleh Menteri). <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Jenis urusan pertanian termasuk ternakan dan perikanan. (b) “Lombong” didefinisikan sebagai estet bagi membolehkan Seksyen 11 dan Bahagian III terpakai kepada lombong.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>Isu: Jika tanah yang dimiliki oleh syarikat atau persendirian adalah di tempat yang berbeza-beza, adakah jumlah 20 hektar?</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tanah pertanian yang bersaiz kecil yang terletak berselerak dalam lokasi yang sama (berdekatan) dan dimiliki serta diuruskan oleh entiti yang sama boleh dianggap sebagai satu estet jika keluasan keseluruhannya melebihi 20 hektar.
<p>“Jurutera Daerah”, berkenaan dengan suatu daerah, ertinya mana-mana jurutera dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang sedang menjalankan kewajipan Jabatan Kerja Raya bagi daerah itu dan, bagi maksud subseksyen 27(1), termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Jurutera Daerah;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jurutera yang berkhidmat di Jabatan Kerja Raya Daerah dan bagi maksud Seksyen 27(1) (pemeriksaan dan siasatan) termasuk mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Jurutera Daerah tersebut.
<p>“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Tenaga Kerja yang dilantik di bawah subseksyen 3(1) Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan termasuklah mana-mana pegawai yang, menurut kuasa suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 26, diletak hak dengan kesemua atau mana-mana kuasa Ketua Pengarah;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Dilantik di bawah Seksyen 3(1) Akta Kerja 1955 dan termasuk pegawai-pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 26 Akta ini. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● PU(B) 120/1990 - Perintah Peletakhakan Kuasa-kuasa bertarikh 21 Januari 1991
<p>“kontrak perkhidmatan” ertinya mana-mana perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, yang mana seseorang bersetuju mengambil seorang yang lain sebagai pekerja dan orang yang lain itu bersetuju berkhidmat dengan majikannya sebagai seorang pekerja;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Suatu perjanjian antara majikan dan pekerja: <ul style="list-style-type: none"> (a) secara bertulis atau lisan. (b) nyata atau tersirat.
<p>“majikan” ertinya-</p> <p>(a) mana-mana orang yang telah membuat suatu kontrak perkhidmatan untuk mengambil kerja mana-mana orang lain sebagai pekerja dan termasuklah ejen,</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Seseorang yang menggajikan mana-mana orang di bawah suatu kontrak perkhidmatan termasuk ejen, pengurus atau elemen majikan berkenaan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>pengurus dan faktor bagi orang yang mula-mula disebut itu; atau</p> <p>(b) jika pemunya atau penerima pajak (termasuklah ejen, pengurus dan faktor bagi pemunya atau penerima pajak itu) suatu tempat pekerjaan (kemudian daripada ini disebut “orang yang mula-mula disebut”) telah membuat suatu perjanjian, sama ada secara lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, dengan orang yang lain bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja bagi atau berkaitan dengan apa-apa perniagaan, perdagangan, urusan atau kepentingan orang yang mula-mula disebut itu, istilah majikan hendaklah juga termasuk orang yang mula-mula disebut itu.</p> <p>dan perkataan “mengambil kerja”, dengan variasi gramatis dan ungkapan seasal, hendaklah ditafsirkan sewajarnya;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jika pemunya atau pemajak berkontrak dengan orang lain untuk melaksanakan apa-apa kerja berkaitan dengan perniagaannya, istilah majikan termasuklah pemunya atau majikan. <p>Contoh 1: Satu estet melantik kontraktor bagi kerja-kerja menuai buah kelapa sawit dan estet menyediakan perumahan kepada pekerja-pekerja kontraktor tersebut dan bagi maksud Akta ini estet juga merupakan majikan.</p> <p>Contoh 2: Kontraktor utama melantik sub-kontraktor bagi kerja-kerja pembinaan dan kontraktor utama menyediakan penginapan kepada pekerja-pekerja sub-kontraktor tersebut dan bagi maksud Akta ini, kontraktor utama juga merupakan majikan.</p> <p>Rujukan Kes</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Guthrie Sdn Bhd v. Valaithan Raman Nair & Ors (1990) 2 CLJ (rep.) 299 (R2) • Chin Well Fasterners lwn. Sampath Kumar Velinggiri & Anor. (2005) 4 CLJ 394 (R3) • Mashyur Mutiara Sdn Bhd lwn. Abdul Samat Bin Ishak & Ors. (2019) 1 LNS 1394 (R4)
<p>“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sumber manusia</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menteri Sumber Manusia. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 2 Akta Kerja 1955
<p>“Pegawai Perubatan” ertinya seorang pengamal perubatan berdaftar yang diambil kerja dalam kapasiti perubatan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor Kerajaan. <p>Takrifan Pegawai Perubatan Di Bawah Akta Lain</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akta Perubatan 1971 (Akta 50)
<p>“Pegawai Perubatan Kesihatan” ertinya mana-mana pengamal perubatan dalam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengamal perubatan kerajaan persekutuan atau negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan yang menjalankan tugas-

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>perkhidmatan Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang sedang menjalankan kewajipan seorang Pegawai Perubatan Kesihatan di mana-mana kawasan, daerah atau kawasan pihak berkuasa tempatan, dan termasuklah Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, mana-mana Pengarah Perubatan dan Perkhidmatan Kesihatan Negeri dan mana-mana Timbalan Pengarah Perubatan dan Perkhidmatan Kesihatan Negeri, bagi maksud subseksyen 27(1), termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pegawai Perubatan Kesihatan.</p>	<p>tugas Pegawai Perubatan Kesihatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi maksud seksyen 27(1) Pegawai Perubatan Kesihatan termasuk mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Perubatan Kesihatan.
<p>“pekerja” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Kerja 1955;</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana orang yang bekerja dengan seorang majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan. <p>Rujukan</p> <p>Skop pekerja bagi maksud Akta seperti di bawah Jadual Pertama, Akta Kerja 1955. (R5)</p> <p>Nota</p> <p>Berdasarkan pindaan Akta Kerja 1955 dan Jadual Pertama, pekerja bermaksud seorang pekerja yang bekerja di bawah kontrak pekerjaan tanpa mengira gaji dan jawatan.</p> <p>Rujukan</p> <p>Perintah Menteri di bawah Seksyen 2(3) atau Seksyen 2A Akta Kerja 1955. (R6)</p>
<p>“pengamal perubatan berdaftar” ertinya seorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50];</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Doktor swasta yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50]. <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 28 Akta Perubatan 1971 [Akta 50] - seseorang pengamal perubatan yang kepadanya dikeluarkan perakuan pendaftaran sementara di bawah seksyen 12 atau pendaftaran penuh di bawah seksyen 14; Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>“pengamal perubatan residen yang berdaftar”, berhubung dengan suatu estet, ertinya mana-mana pengamal perubatan berdaftar yang diambil kerja oleh majikan dan yang tinggal di estet di mana pekerja diambil kerja;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Merupakan seorang pengamal perubatan berdaftar yang diambil kerja oleh majikan estet dan tinggal di estet. ● Definisi ini hanya terpakai untuk estet.
<p>“pengurus residen”, berhubungan dengan suatu estet, ertinya mana-mana majikan atau ejen seorang majikan yang tinggal di, atau secara langsung bertanggungjawab ke atas, estet di mana pekerja itu diambil kerja;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Mana-mana majikan atau ejen seorang majikan yang tinggal di estet atau bertanggungjawab ke atas estet ● Definisi ini hanya terpakai untuk estet.
<p>“tanggungan” ertinya suami atau isteri, ibu atau bapa (termasuk bapa tiri dan ibu tiri), datuk atau nenek, anak (termasuk anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan (termasuk saudara lelaki dan perempuan seibu atau sebapa dan saudara tiri lelaki dan saudara tiri perempuan) seseorang pekerja, yang bergantung kepada pekerja itu, dan termasuklah—</p> <p>a) mengenai seorang anak, anak tidak sah taraf atau anak angkat mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan pengangkatan; dan</p> <p>b) mengenai ibu atau bapa, ibu atau bapa seorang anak tidak sah taraf, dan mana-mana orang yang mengambil pekerja sebagai anak angkat mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan pengangkatan;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tanggungan: <ul style="list-style-type: none"> i. pasangan pekerja; ii. ibu dan bapa (termasuk ibu dan bapa tiri); iii. datuk dan nenek; iv. anak (termasuk anak kandung, anak tiri, anak angkat, anak tak sah taraf); dan v. adik beradik; <p>yang bergantung kepada pekerja tersebut.</p> <p>Seksyen berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen 14 Akta ini. <p>Bagi maksud pengiraan jumlah penghuni dalam perumahan pekerja, dua orang kanak-kanak yang berumur lebih 3 tahun tetapi di bawah umur 12 tahun disifatkan sebagai seorang dewasa.</p> <p>Peraturan berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan 5(2), Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990.
<p>“tempat pekerjaan” ertinya suatu tempat yang kerja dijalankan oleh atau bagi pihak atau bagi seseorang majikan dan hendaklah termasuk</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Suatu tempat di mana kerja dibuat oleh pekerja untuk seseorang majikan dan termasuk tempat di mana pekerja ditempatkan (perumahan atau penginapan) oleh majikan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
mana-mana tempat yang pekerja ditempatkan oleh seorang majikan.	
Seksyen 4: Pengecualian	
Menteri boleh melalui perintah mengecualikan mana-mana majikan atau kelas majikan atau apa-apa bangunan atau kelas bangunan yang ditentukan dalam perintah itu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini.	<ul style="list-style-type: none"> ● Akta memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan mana-mana majikan atau kelas majikan atau mana-mana bangunan atau kelas bangunan daripada pemakaian semua atau mana-mana peruntukan Akta ini. ● Pengecualian dibuat melalui perintah. <p>Nota:</p> <p>(a) Kelas Majikan (merujuk kepada kategori majikan):</p> <ul style="list-style-type: none"> - sektor contohnya estet, pembinaan, perkilangan. - organisasi contohnya Malayan Agricultural Producers Association (MAPA). <p>(b) Kelas Bangunan (merujuk kepada kategori bangunan):</p> <ul style="list-style-type: none"> - perumahan pekerja dan penginapan, dewan komuniti dan PAKK. <p>Rujukan</p> <p>Pengecualian di bawah Seksyen 4 Akta ini:</p> <p><i>Worker's Minimum Standard of Housing and Amenities (Exemption) order 1996</i> PU(A) 243/1996 (R7)</p>
BAHAGIAN II	
PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN LAIN	
Seksyen 5: Bangunan hendaklah mematuhi kehendak	
<p>S.5(1)</p> <p>Kecuali diperuntukkan dalam subseksyen (2), tiada majikan boleh menempatkan atau menyebabkan atau membenarkan supaya ditempatkan mana-mana pekerja yang diambil kerja olehnya atau oleh mana-mana orang lain (yang dibuat kontrak olehnya bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja bagi maksud melaksanakan apa-apa kerja bagi atau</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan tidak boleh menempatkan mana-mana pekerja atau pekerja yang digajikan oleh kontraktornya dalam apa-apa bangunan yang dimilikinya atau di bawah kawalannya yang tidak mematuhi peruntukan Akta atau mana-mana peraturan di bawahnya.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>berkaitan dengan perniagaan, perdagangan, urusan atau kepentingannya) di dalam mana-mana bangunan yang sama ada dimiliki olehnya atau berada dalam milikan atau kawalannya yang tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.</p>	
<p>S.5(2) Mana-mana bangunan yang sebaik sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini telah digunakan bagi perumahan pekerja atau sebagai pusat asuhan kanak-kanak atau sebagai dewan komuniti oleh seseorang majikan dan telah dibina atau ditukarkan mengikut kehendak mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa pada waktu pembinaan atau penukarannya bolehlah terus digunakan oleh majikan itu:</p> <p>Dengan syarat bahawa bangunan sedemikian ditukarkan bagi mematuhi peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana bangunan yang dibina berdasarkan undang-undang sedia ada sebelum kuat kuasa Akta 446 bagi tujuan perumahan pekerja, PAKK dan dewan komuniti yang tidak mematuhi Akta 446 (substandard) boleh terus digunakan dengan syarat bangunan tersebut diubahsuai mengikut kehendak Akta 446 dan peraturan di bawahnya. <p>Contoh: Rumah yang dibina tanpa siling tetapi mematuhi lain-lain peruntukan akta boleh diubahsuai dengan memasang siling.</p> <p>Seksyen Berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Seksyen 5(4) - Notis • Seksyen 5(5) - Perintah • Seksyen 30 - Rayuan
<p>S.5(3) Walau apa pun peruntukan dalam subseksyen (2), Ketua Pengarah, atas permohonan oleh seseorang majikan, boleh membenarkan bangunan sedemikian terus digunakan tanpa penukaran bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut, tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan olehnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Atas permohonan majikan, Ketua Pengarah boleh membenarkan bangunan substandard untuk terus digunakan tanpa pertukaran bagi tempoh tertentu.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.5(4)</p> <p>Menurut apa-apa penyiataan yang dijalankan ke atas mana-mana tempat pekerjaan, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa mana-mana bangunan yang sebaik sebelum atau selepas mula berkuat kuasanya Akta ini telah digunakan bagi perumahan pekerja atau tanggungan mereka atau sebagai pusat asuhan kanak-kanak atau sebagai dewan komuniti tidak mematuhi peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada majikan berkenaan suatu notis, yang tidak kurang daripada tiga bulan, tentang niatnya untuk memerintahkan perobohan dan penggantian, pengubahan, pembaikan atau penampungan apa-apa kekurangan atau kecacatan padanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Berdasarkan siasatan, bangunan yang digunakan sebagai perumahan pekerja, PAKK atau dewan komuniti sebelum atau selepas kuat kuasa Akta ini yang tidak mematuhi Akta atau peraturan di bawahnya, Ketua Pengarah jika berpuas hati boleh: <ul style="list-style-type: none"> - mengeluarkan suatu notis tidak kurang dari tiga bulan tentang niatnya untuk mengeluarkan perintah sama ada bangunan berkenaan perlu: <ul style="list-style-type: none"> i. diroboh dan digantikan; atau ii. pengubahan atau ubahsuai; atau iii. pembaikan atau penampungan apa-apa kecacatan pada bangunan berkenaan. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Notis Perobohan Dan Penggantian / Pengubahan / Pembaikan atau Penampungan Apa-Apa Kekurangan Atau Kecacatan Bangunan Kediaman/Dewan Komuniti/Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) (R8)
<p>S.5(5)</p> <p>Jika, apabila notis itu tamat tempoh, majikan gagal untuk mengambil tindakan sebagaimana yang dikehendaki sehingga Ketua Pengarah berpuas hati, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada majikan berkenaan suatu perintah bertulis menghendaki majikan tersebut merobohkan dan menggantikan, mengubah atau membaiki bangunan itu, atau menampung apa-apa kekurangan atau kecacatan padanya dalam masa enam bulan dari perintah itu dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam perintah itu; dan mana-mana perintah sedemikian boleh memasukkan arahan bahawa tiada seorang pekerja atau tanggungannya boleh dibenarkan menduduki mana-mana bangunan sedemikian sementara menunggu perobohan dan penggantian, pengubahan atau pembaikan, atau penampungan apa-apa kekurangan atau kecacatan padanya, atau sehingga kehendak</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Selepas tamat tempoh notis yang dikeluarkan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada majikan berkenaan suatu perintah bertulis menghendaki majikan tersebut: <ul style="list-style-type: none"> (a) meroboh dan menggantikan; atau (b) pengubahan atau ubahsuai; atau (c) pembaikan atau penampungan apa-apa kecacatan pada bangunan berkenaan. ● Pematuhan perintah adalah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah dikeluarkan. ● Ketua Pengarah boleh mengenakan syarat-syarat tertentu. ● Ketua Pengarah boleh memasukkan arahan bahawa tiada seorang pekerja atau tanggungan boleh menduduki bangunan berkenaan sementara menunggu pematuhan perintah.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>perintah itu telah dipatuhi:</p> <p>Dengan syarat bahawa jika suatu rayuan telah dibuat di bawah seksyen 30 berkenaan dengan perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen ini, maka perintah sedemikian hendaklah digantung sementara menunggu penentuan ke atas rayuan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya majikan membuat rayuan terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, perintah tersebut adalah ditangguh sementara menunggu keputusan rayuan. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perintah di bawah Seksyen 5(5) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (R9)
<p>Seksyen 6: Bekalan air dan elektrik dan penyenggaraan rumah</p>	
<p>S.6 (1)</p> <p>Jika pekerja dan tanggungan mereka disediakan dengan perumahan di tempat pekerjaan mereka, hendaklah menjadi kewajipan majikan bagi tempat pekerjaan sedemikian—</p> <p>(a) untuk menyediakan air paip percuma dan mencukupi yang diambil daripada saluran bekalan awam, atau jika Ketua Pengarah memberikan kebenaran bertulis, untuk menyediakan bekalan air paip yang boleh diminum yang percuma dan mencukupi yang diambil daripada mana-mana sumber lain yang hendaklah dituras dan diproses mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;</p> <p>(b) untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi;</p> <p>(c) untuk memastikan bahawa bangunan itu dipelihara dalam keadaan baik dan dicat supaya kelihatan memuaskan; dan</p> <p>(d) untuk memastikan bahawa tiada penambahan atau pengubahan struktur yang tidak dibenarkan dibuat kepada bangunan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan yang menyediakan perumahan kepada pekerja dan tanggungan pekerja berkewajipan untuk: <ul style="list-style-type: none"> (a) menyediakan bekalan air paip daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. sumber awam: <ul style="list-style-type: none"> - percuma; - mencukupi; atau ii. selain sumber awam: <ul style="list-style-type: none"> - kebenaran bertulis Ketua Pengarah (dalam memberi kelulusan Ketua Pengarah perlu pastikan sumber air minum sesuai untuk diminum, cara air dirawat, mempunyai kelulusan SPAN dan kelulusan pihak berkuasa air negeri) - dituras dan diproses mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; - percuma; - mencukupi. (b) menyediakan bekalan elektrik mencukupi (waktu bekalan). (c) memastikan bangunan dipelihara dan dicat. (d) memastikan tiada penambahan atau pengubahan struktur bangunan tanpa kebenaran.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pekeliling Bahagian Standard Perburuhan Bil. 4/2008 berkaitan prosedur kelulusan bekalan air selain sumber awam (R10) ● Contoh permit kebenaran menggunakan bekalan air persendirian di bawah Seksyen 6(1)(a) (R11)
<p>S.6(2) Bagi maksud seksyen ini, kecukupan bekalan air dan elektrik hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah:</p> <p>Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, jika dia berpuas hati dalam mana-mana hal bahawa ia tidak praktikal untuk menyediakan bekalan air paip bagi setiap rumah, meluluskan apa-apa cara lain untuk membekalkan air:</p> <p>Dengan syarat selanjutnya bahawa Ketua Pengarah boleh, dalam mana-mana hal jika dia berpuas hati bahawa penyediaan bekalan elektrik tidak praktikal atau tidak dapat dilaksanakan, mengecualikan majikan secara bertulis daripada kehendak peruntukan sedemikian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kecukupan bekalan air ditentukan oleh Ketua Pengarah <ul style="list-style-type: none"> - mengikut persetujuan UPAM/NUPW, setiap pekerja atau setiap tanggungan hendaklah disediakan bekalan air awam secara percuma sebanyak 35 gelen setiap hari. <p>Rujukan</p> <p>Minit Mesyuarat Mengenai Penentuan Kualiti Air di Ladang-ladang di antara Jabatan Buruh, Pegawai NUPW dan Pegawai-pegawai UPAM (R12)</p> <p>Nota:</p> <p>Peraturan 17(3)(a) - penakung air yang sesuai.</p> <p>Peraturan 17(3)(b) - tangki simpanan air atas dengan muatan 270 liter - 360 liter.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kecukupan bekalan elektrik. <ul style="list-style-type: none"> - tiada ketetapan untuk waktu bekalan ditentukan oleh Ketua Pengarah - peraturan 20, Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, mencukupi di bawah peraturan adalah: <ul style="list-style-type: none"> - enam punca pencahayaan (lampu); - dua punca kuasa (salah satu plug di dapur). ● Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bekalan air ke setiap rumah tidak praktikal untuk diadakan, Ketua Pengarah boleh meluluskan cara lain untuk membekalkan air. (contohnya: paip komunal, lori tangki). ● Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa penyediaan bekalan elektrik tidak praktikal atau tidak dapat dilaksanakan boleh mengecualikan majikan secara bertulis daripada kehendak menyediakan bekalan elektrik.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.6(3) Jika bekalan air diambil daripada sumber selain saluran bekalan awam, Ketua Pengarah boleh, bagi maksud memastikan bahawa bekalan air itu sesuai untuk digunakan, menyebabkan supaya Pegawai Perubatan Kesihatan mengambil sampel bekalan air untuk analisis dan laporan yang kosnya hendaklah ditanggung oleh majikan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika bekalan air daripada sumber sendiri, Ketua Pengarah bagi memastikan bekalan air sesuai untuk digunakan boleh: <ul style="list-style-type: none"> (a) memohon Pegawai Perubatan Kesihatan mengambil sampel untuk dianalisis dan laporan; dan (b) kos ditanggung oleh majikan. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pekeliling Bahagian Standard Perburuhan Bil. 4/2008 berkaitan prosedur kelulusan bekalan air selain sumber awam (R10)
<p>S.6(4) Jika bekalan air diperolehi daripada suatu saluran bekalan awam dan disalurkan dengan paip ke setiap rumah, Ketua Pengarah boleh, apabila permohonan dibuat kepadanya, mengecualikan majikan sebahagiannya atau kesemuanya secara bertulis daripada kehendak untuk menyediakan bekalan air percuma kepada pekerja tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh atas permohonan membenarkan majikan mengenakan bayaran untuk bekalan air sebahagian atau keseluruhan dengan syarat: <ul style="list-style-type: none"> (a) bekalan diperolehi dari sumber awam; dan (b) disalurkan ke setiap rumah melalui paip. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Majikan dibenarkan untuk mengenakan bayaran bagi bekalan yang melebihi ketetapan mengikut persetujuan UPAM/NUPW iaitu setiap pekerja atau setiap tanggungan hendaklah disediakan bekalan air awam secara percuma sebanyak 35 gelen setiap hari; - Berdasarkan persetujuan di atas, majikan tidak perlu memohon kebenaran untuk pengecualian bagi mengenakan bayaran; - Permohonan untuk mengutip bayaran melalui potongan gaji hendaklah diproses di bawah Seksyen 24 Akta Kerja 1955. - Majikan tidak boleh kenakan bayaran jika bekalan dari sumber sendiri.
<p>Sek.6(5) Jika apa-apa penambahan atau perubahan struktur telah dibuat kepada bangunan tanpa kebenaran Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh, setelah memberi satu bulan notis,</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh menghendaki perobohan apa-apa tambahan atau perubahan struktur yang dibuat tanpa kebenaran setelah memberi 1 bulan notis.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>menghendaki majikan supaya merobohkan penambahan atau pengubahan struktur itu.</p>	<p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Notis Perobohan Apa-Apa Tambahan Atau Perubahan Struktur Pada Bangunan Kediaman / Dewan Komuniti / Pusat Asuhan Kanak-Kanak (R13)
<p>Seksyen 7: Pembinaan bangunan bertujuan untuk digunakan bagi perumahan pekerja, sebagai pusat asuhan kanak-kanak atau sebagai dewan komuniti</p>	
<p>S.7(1) Berhubungan dengan suatu bangunan yang hendak dibina atau ditukar bagi perumahan pekerja atau bagi kegunaan sebagai pusat asuhan kanak-kanak atau sebagai dewan komuniti, hendaklah dikemukakan oleh majikan kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan pihak berkuasa yang meluluskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) pelan bangunan dan pelan tapaknya, dan tiada kerja yang berhubungan dengan bangunan itu boleh dimulakan melainkan jika dan sehingga pelan yang dikemukakan itu telah diluluskan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan yang hendak membina atau menukar bangunan bagi kegunaan perumahan pekerja, PAKK atau dewan komuniti perlu kemukakan pelan berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) pelan bangunan; dan (b) pelan tapak. ● Kerja berhubung dengan bangunan hanya boleh dibuat selepas mendapat kelulusan. <p>Nota: Mengikut PU(B) 120 bertarikh 21 Januari 1991, seksyen ini hanya boleh dilaksanakan oleh Pengarah dan ke atas.</p>
<p>S.7(2) Pihak berkuasa yang meluluskan yang disebut terdahulu hendaklah—</p> <p>(a) dalam hal pelan suatu bangunan, Ketua Pengarah; dan</p> <p>(b) dalam hal pelan suatu tapak bangunan, dan perkiraan sanitari, Pegawai Perubatan Kesihatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan: <ul style="list-style-type: none"> (a) pelan bangunan - Ketua Pengarah <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - berdasarkan Perletakhakan kuasa-kuasa di bawah Seksyen 26 Akta ini selain Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah diberi kuasa. (b) pelan tapak dan pengaturan kebersihan - Pegawai Perubatan Kesihatan. <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Rujuk <ul style="list-style-type: none"> - Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654). - Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). (c) Pelan Tangki Septik - Pegawai Perubatan Kesihatan. <ul style="list-style-type: none"> - Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>(Peraturan 18).</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Selain dari itu, majikan perlu rujuk kepada SPAN untuk kelulusan. - Rujuk Akta SPAN <ul style="list-style-type: none"> - Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654). - Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). <p>Seksyen berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bahagian 4 (Peraturan standard-standard minimum perumahan dan kemudahan pekerja 1990).
<p>S.7(3) Bagi maksud menjamin bahawa standard minimum yang dikehendaki di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dipatuhi, pihak berkuasa yang meluluskan boleh meluluskan pelan sedemikian tertakluk kepada apa-apa syarat (termasuklah perubahan pelan itu) sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan ke atasnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya terdapat kekurangan yang tidak memenuhi kehendak minimum Akta, pihak berkuasa boleh memberi kelulusan. ● Dengan syarat, pihak berkuasa boleh mengenakan syarat-syarat tertentu berdasarkan peruntukan Akta termasuk membuat perubahan terhadap pelan. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990.
<p>Seksyen 8: Bangunan yang mengancam kesihatan atau keselamatan</p>	
<p>S.8(1) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan supaya diperiksa—</p> <p>(a) oleh Pegawai Perubatan Kesihatan, mana-mana bangunan, hospital estet, hospital estet kumpulan atau klinik di tempat pekerjaan yang, oleh sebab reka bentuk, tapak, saiz, kebersihannya, kuantiti dan kualiti bekalan air yang disediakan untuk penghuni bangunan sedemikian atau keadaan lain, didapati oleh Ketua Pengarah mungkin mengancam kesihatan; dan</p> <p>(b) oleh Jurutera Daerah, mana-mana bangunan, hospital estet, hospital estet</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Undang-undang mewajibkan Ketua Pengarah mendapatkan pandangan dari agensi teknikal sebelum tindakan lanjut diambil. <p>(a) arahan Ketua Pengarah untuk pemeriksaan atas alasan:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. ancaman kesihatan <ul style="list-style-type: none"> - siasatan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan. ii. ancaman keselamatan <ul style="list-style-type: none"> - siasatan oleh Jurutera Daerah.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>kumpulan atau klinik di tempat pekerjaan yang, oleh sebab pembinaannya, keadaan pembaikan atau keadaannya, didapati oleh Ketua Pengarah mungkin mengancam keselamatan mana-mana orang.</p>	<p>(b) laporan pemeriksaan daripada Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - hasil pemeriksaan; dan - syor berkaitan langkah-langkah yang perlu diambil.
<p>S.8(2) Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, selepas memeriksa mana-mana bangunan, hospital estet, hospital estet kumpulan atau klinik di bawah seksyen ini, mengemukakan laporan kepada Ketua Pengarah tentang hasil pemeriksaannya atau pemeriksaan mereka, beserta dengan apa-apa syor yang dibuat dalamnya yang berhubungan dengan langkah-langkah perlu yang dikehendaki untuk diambil berkenaan dengan bangunan, hospital estet, hospital estet kumpulan atau klinik itu.</p>	<p>(c) salinan laporan daripada Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah kepada majikan (Seksyen 8(4))</p> <ul style="list-style-type: none"> i. representasi oleh majikan; dan ii. pertimbangan oleh Ketua Pengarah. <p>(d) perintah oleh Ketua Pengarah kepada majikan (Seksyen 8(3)) selepas mengambil kira representasi majikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - roboh dan ganti; - ubah; - membaiki; - menampung kekurangan atau kecacatan; dan - mengenakan syarat untuk mengosongkan bangunan jika perlu.
<p>S.8(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), apabila menerima laporan yang disebut dalam subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perintah bertulis kepada majikan berkenaan yang menghendaki majikan itu merobohkan dan menggantikan, mengubah atau membaiki bangunan, hospital estet, hospital estet kumpulan atau klinik itu atau menampung apa-apa kekurangan atau kecacatan dalam masa dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam perintah itu dan perintah sedemikian boleh, jika perlu, mengarahkan bahawa tiada pekerja atau tanggungannya boleh dibenarkan menduduki mana-mana bangunan yang disebut terdahulu sementara menunggu perobohan dan penggantian, perubahan atau pembaikan atau sehingga perintah itu telah dipatuhi:</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. rayuan oleh majikan - Seksyen 30 - dalam tempoh rayuan, pengantungan perintah Ketua Pengarah sehingga keputusan rayuan - tindakan seterusnya tertakluk kepada keputusan rayuan <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bangunan Yang Mengancam Kesihatan Atau Keselamatan (R14) ● Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (Perintah Di Bawah Seksyen 8(3) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990) (R15)

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>Dengan syarat bahawa jika suatu rayuan dibuat di bawah seksyen 30 berkenaan dengan perintah itu, maka perintah sedemikian hendaklah digantung sementara menunggu keputusan ke atas rayuan itu.</p>	
<p>S.8(4) Tiada perintah di bawah subseksyen (3), boleh dikeluarkan melainkan jika satu salinan laporan yang diterima oleh Ketua Pengarah daripada Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah atau kedua-duanya telah diberikan kepada majikan, dan dalam membuat perintah itu Ketua Pengarah hendaklah memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap apa-apa representasi yang mungkin dibuat oleh majikan berkenaan dengan laporan ini.</p>	
Seksyen 9: Bangunan yang asalnya tidak dibina bagi perumahan pekerja	
<p>S.9(1) Suatu bangunan yang asalnya dibina bagi maksud selain perumahan pekerja tidak boleh digunakan untuk, atau ditukarkan bagi maksud, perumahan pekerja melainkan jika suatu permohonan bagi maksud itu telah dibuat kepada dan diluluskan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bangunan yang dibina bukan bertujuan untuk perumahan pekerja boleh dijadikan perumahan pekerja dengan syarat mengemukakan permohonan dan mendapat kelulusan Ketua Pengarah.
<p>S.9(2) Permohonan yang dikehendaki dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah disertakan dengan satu plan tapak bangunan dan satu plan yang menunjukkan butir-butir tentang bangunan atau tentang pertukaran yang dicadangkan dibuat kepadanya dan subseksyen 7(2) dan (3) hendaklah terpakai bagi plan sedemikian sebagaimana ia terpakai bagi plan suatu bangunan atau tapak bangunan yang disebut dalam seksyen itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan majikan untuk menukar kegunaan bangunan kepada kediaman pekerja hendaklah dengan mengemukakan: <ul style="list-style-type: none"> (a) plan tapak; (b) plan mengandungi butir-butir bangunan atau perubahan yang di mohon; dan (c) seksyen 7(2) dan 7(3) terpakai. <p>Nota: Plan yang dikemukakan perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa melulus walaupun kelulusan telah diperolehi sebelum ini.</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Seksyen 10: Pusat asuhan kanak-kanak	
<p>S.10(1) Jika terdapat pekerja yang menetap di tempat pekerjaan dan pekerja sedemikian mempunyai tidak kurang daripada lima orang tanggungan di bawah umur empat tahun yang tinggal bersama-sama mereka, Ketua Pengarah boleh, melalui perintah, menghendaki supaya majikan kepada pekerja itu membina di tempat pekerjaan itu dalam masa yang munasabah sebagaimana yang boleh ditentukan dalamnya suatu pusat asuhan kanak-kanak yang saiznya dapat menempatkan apa-apa bilangan tanggungan pekerja sebagaimana yang ditentukan dalamnya, dan apabila dikehendaki berbuat demikian, majikan hendaklah membina pusat asuhan kanak-kanak itu dengan sewajarnya:</p> <p>Dengan syarat bahawa apa-apa pengurangan berikutnya dalam bilangan tanggungan selepas perintah itu dikeluarkan tidaklah menidaksahkan perintah itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Akta memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menghendaki majikan membina PAKK jika terdapat tidak kurang dari lima orang tanggungan di bawah umur empat tahun yang tinggal bersama pekerja di tempat pekerjaan. ● Perintah yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah masih sah walaupun bilangan orang tanggungan di bawah umur empat tahun telah berkurangan bagi tujuan pembinaan PAKK. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (Perintah Di Bawah Seksyen 10(1) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990) (R16)
<p>S.10(2) Majikan hendaklah menyenggarakan pusat asuhan kanak-kanak dan hendaklah menempatkan di dalamnya tanggungan pekerja semasa tempoh pekerja itu keluar bekerja untuk majikan:</p> <p>Dengan syarat bahawa dia tidak boleh menempatkan di dalamnya tanggungan yang lebih daripada apa-apa bilangan yang ditentukan dalam kehendak yang disebut dalam subseksyen (1).</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan yang menyediakan PAKK hendaklah menyenggarakan dan menempatkan bilangan kanak-kanak. ● Tanggungjawab majikan: <ol style="list-style-type: none"> (a) menyenggara PAKK dengan baik; (b) menempatkan kanak-kanak di dalam PAKK semasa pekerja keluar bekerja. Bermula dari waktu keluar rumah untuk bekerja sehingga habis waktu kerja (termasuk kerja lebih masa dan kerja tambahan) dan balik ke rumah. (c) memastikan bilangan kanak-kanak tidak melebihi kapasiti (Peraturan 7 PU(A) 413). <p>Peraturan berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● PU(A) 413 - Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) 1990.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.10(3) Pada setiap hari seseorang tanggungan ditempatkan di pusat asuhan kanak-kanak, dia hendaklah disediakan oleh majikan atas perbelanjaannya sendiri dengan bekalan susu dalam kuantiti yang mencukupi dan kualiti yang baik, serta kelengkapan permainan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tanggungjawab majikan menyediakan atas perbelanjaan sendiri: <ul style="list-style-type: none"> (a) bekalan susu yang mencukupi dan kualiti baik; dan (b) kelengkapan permainan. <p>Peraturan berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jadual di bawah Peraturan 18[2], PU(A) 413 Jenis Dan Amaun Susu Untuk Disediakan Kepada Kanak-Kanak Tanggungan Yang Ditempatkan Di Pusat Asuhan Kanak-Kanak, Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) 1990.
<p>S.10(4) Seorang majikan yang tidak mematuhi peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika disabitkan denda tidak melebihi RM50,000.00 dan denda tambahan RM1,000.00 setiap hari.
Seksyen 11: Penguntukan tanah	
<p>S.11(1) Jika terdapat pekerja yang menetap di tempat pekerjaan, majikan bagi pekerja sedemikian hendaklah mengetepikan tanah yang telah dibersihkan, bagi diuntukkan kepada pekerja itu bagi penanaman, peragutan atau sebahagiannya penanaman dan sebahagian lagi peragutan:</p> <p>Dengan syarat bahawa seorang majikan tidak dikehendaki untuk membuang apa-apa tanaman kekal yang telah ditanam olehnya sekurang-kurangnya dua belas bulan sebelumnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Untukan tanah: <ul style="list-style-type: none"> (a) tujuan untuk ragut dan tanaman. (b) syarat kelayakan: <ul style="list-style-type: none"> i. bekerja lebih enam bulan; ii. menetap di estet; dan iii. berhak untuk tidak kurang 250 m.p. seorang pekerja. (c) majikan tidak diwajibkan untuk membuang apa-apa tanaman kekal yang telah ditanam lebih 12 bulan untuk tujuan ini. (d) majikan boleh menamatkan untukan tanah kepada seseorang pekerja dan beri kepada pekerja lain jika:

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.11(2) Seorang pekerja yang menetap di tempat pekerjaan yang telah diambil kerja untuk tempoh tidak kurang daripada enam bulan oleh majikan adalah berhak diuntukkan kepadanya suatu kawasan seluas 250 meter persegi daripada tanah yang diketepikan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. sebahagian atau keseluruhan belum bertanam dalam tempoh enam bulan dari tarikh utukan; ii. digunakan bagi maksud berlainan daripada utukan; atau iii. tidak digunakan sama sekali. <p>(e) jarak tanah yang diuntukan dari rumah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. untuk tanaman - seberapa dekat; ii. untuk ragut - tidak kurang 183 meter (kecuali mendapat kebenaran bertulis Pegawai Perubatan Kesihatan).
<p>S.11(3) Jika suatu kawasan tanah yang diuntukkan bagi penanaman (sama ada kesemuanya atau sebahagiannya) masih belum bertanam dalam tempoh enam bulan dari tarikh pengutukan, atau jika seorang pekerja menggunakan kawasan tanah yang diuntukkan kepadanya bagi maksud yang berlainan daripada yang diuntukkan, atau jika dia tidak menggunakannya sama sekali bagi maksud ia diuntukkan, majikan boleh menamatkan pengutukan itu dan selepas boleh mengutukkan kawasan tanah itu kepada pekerja lain.</p>	<p>(f) Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana majikan daripada pematuhan Seksyen 11 Akta. Perlu ada sebab yang mencukupi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan tempoh tertentu.</p> <p>(g) mana-mana majikan yang melanggar seksyen ini melakukan kesalahan. Denda bagi kesalahan tidak melebihi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. RM50,000.00; ii. RM1,000.00 (denda lanjut bagi setiap hari kesalahan berterusan).
<p>S.11(4) Berhubungan dengan pengetepian tanah di bawah seksyen ini—</p> <p>(a) tanah yang diuntukkan kepada pekerja hendaklah terletak seberapa dekat yang boleh dengan rumah pekerja; dan</p> <p>(b) tanah untuk peragutan hendaklah, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada seorang Pegawai Perubatan Kesihatan, terletak pada jarak yang tidak kurang daripada 183 meter dari rumah pekerja.</p>	<p>(h) peruntukan seksyen ini hanya terpakai kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. estet; atau ii. mana-mana tempat yang ditetapkan oleh Menteri sebagai satu tempat pekerjaan bagi seksyen ini. <p>Nota: Seksyen ini memperuntukkan supaya pekerja boleh menggunakan tanah untuk mendapatkan sumber makanan untuk kegunaan sendiri dan bukan bagi tujuan komersial. Oleh itu, tidak timbul isu bilangan ternakan yang dibela.</p> <p>Seksyen ini tidak memperuntukkan berkaitan dengan ternakan unggas (poultry) bermakna undang-undang tidak berniat untuk mengawalselia perkara ini, oleh itu ia dibenarkan.</p>
<p>S.11(5) Ketua Pengarah boleh, atas sebab yang mencukupi, mengecualikan setakat yang mungkin, sebagaimana yang dinyatakan dalam pengecualian itu, mana-mana majikan</p>	

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>daripada mematuhi seksyen ini mengikut apa-apa terma dan syarat dan selama apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut.</p>	
<p>S.11(6) Mana-mana majikan yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	
<p>S.11(7) Dalam seksyen ini “tempat pekerjaan”, berhubung dengan penguntukan tanah yang diketepikan itu, ertinya suatu estet atau mana-mana tempat lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri sebagai suatu tempat pekerjaan yang baginya seksyen ini terpakai.</p>	
<p>Seksyen 12: Dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain</p>	
<p>S.12(1) Ketua Pengarah boleh, melalui perintah, menghendaki majikan di mana-mana tempat pekerjaan jika terdapat tidak kurang daripada satu ratus orang pekerja yang menetap di tempat pekerjaan itu—</p> <p>(a) supaya membina di tempat pekerjaan itu, dalam masa yang munasabah sebagaimana yang ditentukan, suatu dewan komuniti yang dapat menempatkan apa-apa bilangan orang sebagaimana yang ditentukan; dan</p> <p>(b) supaya menyediakan kemudahan bagi sukan dan aktiviti rekreasi lain sebagaimana yang ditentukan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika 100 orang pekerja menetap di tempat pekerjaan, Ketua Pengarah boleh melalui perintah menghendaki majikan: <ul style="list-style-type: none"> (a) bina dewan komuniti; dan (b) menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (Perintah Di Bawah Seksyen 12(1) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990) (R17)

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.12(2) Majikan hendaklah menyenggarakan dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain itu dalam keadaan yang memuaskan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan bertanggungjawab menyenggara kemudahan-kemudahan tersebut dalam keadaan memuaskan.
<p>S.12(3) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Gagal mematuhi perintah kesalahan Seksyen 31, hukuman RM50,000.00. ● Gagal menyenggara kemudahan tersebut adalah satu kesalahan di bawah Seksyen ini, hukuman tidak melebihi RM50,000.00 dan tambahan denda sebanyak RM1,000.00 setiap hari kesalahan yang diteruskan. <p>Nota: Undang-undang tidak menetapkan standard minimum dalam pembinaan dewan komuniti, kelulusan adalah berdasarkan kapasiti atau boleh menampung sebilangan orang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.</p>
<p>Seksyen 13: Tiada sewa atau caj boleh dilevikan bagi faedah di bawah Bahagian ini</p>	
<p>Seorang pekerja tidak boleh dikehendaki untuk membuat apa-apa bayaran bagi sewa atau caj berhubung dengan apa-apa perumahan, pusat asuhan kanak-kanak, dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain, kebersihan atau penguntukan tanah yang disediakan untuk pekerja di bawah Bahagian ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan tidak boleh dikenakan bayaran sewa atau caj bagi kemudahan yang disediakan di bawah Bahagian ini. ● Kemudahan-kemudahan tersebut ialah: <ul style="list-style-type: none"> (a) perumahan; (b) PAKK; (c) dewan komuniti; (d) kemudahan sukan dan rekreasi lain; (e) kebersihan; atau (f) untukan tanah.
<p>BAHAGIAN III</p>	
<p>KESIHATAN, HOSPITAL, RAWATAN PERUBATAN DAN KEBERSIHAN</p>	
<p>Seksyen 14: Takrif tanggungan</p>	
<p>Bagi maksud Bahagian ini, “tanggungan” ertinya mana-mana anggota keluarga pekerja, iaitu, suami atau isteri, bapa, ibu dan anak-anak di bawah umur lapan belas tahun,</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bagi maksud kemudahan kesihatan, hospital, rawatan perubatan dan kebersihan, tanggungan bererti: <ul style="list-style-type: none"> - anggota keluarga terdiri daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. suami atau isteri; ii. ibu dan bapa; dan

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>termasuklah anak-anak yang diambil sebagai anak angkat mengikut mana-mana undang-undang bertulis, yang tinggal bersama-sama dengan dan bergantung kepada pekerja.</p>	<p>iii. anak-anak bawah 18 tahun (termasuk anak angkat) yang tinggal bersama dan bergantung kepada pekerja.</p> <p>Nota: Definisi tanggungan di bawah peruntukan ini tidak memasukkan bapa tiri, ibu tiri, anak melebihi 18 tahun dan datuk serta nenek. Hanya khusus kepada yang tinggal bersama pekerja sahaja.</p>
<p>Seksyen 15: Majikan hendaklah membina dan menyenggarakan hospital estet</p>	
<p>S.15(1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa melalui perintah bertulis, menghendaki mana-mana majikan supaya membina dalam suatu masa yang munasabah yang hendaklah dinyatakan dalam perintah itu dan selepas itu menyenggarakan atas perbelanjaannya sendiri, sebuah hospital, kemudian daripada ini disebut “hospital estet”, di mana-mana estet atau kawasan berhampiran dengan mana-mana estet yang pekerja diambil kerja olehnya dengan tempat penginapan bagi apa-apa bilangan pesakit sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh melalui perintah menghendaki majikan: <ul style="list-style-type: none"> (a) membina dan menyenggara hospital estet atas perbelanjaannya sendiri; (b) membesarkan hospital atau menambah tempat tinggal (katil) berdasarkan bilangan pesakit tambahan; dan (c) menyediakan doktor residen dan menyediakan rumah kediaman untuknya. <p>Nota: Akta tidak menetapkan syarat untuk pembinaan hospital tetapi Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perintah.</p>
<p>S.15(2) Jika sudah ada suatu hospital yang disenggarakan oleh majikan itu, Ketua Pengarah boleh, melalui perintah bertulis, menghendaki majikan itu supaya membesarkan atau menambah kepada hospital itu bagi menyediakan tempat penginapan bagi suatu bilangan pesakit tambahan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.</p>	
<p>S.15(3) Bagi maksud subseksyen (1) atau (2), Ketua Pengarah boleh menghendaki selanjutnya supaya majikan mengambil kerja seorang pengamal perubatan berdaftar, yang</p>	

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971, untuk tinggal dan bertanggungjawab ke atas hospital itu atau mana-mana hospital yang disenggarakan oleh majikan itu, dan menyediakan pengamal perubatan itu dengan rumah kediaman yang layak dan sesuai yang memuaskan hati Pegawai Perubatan Kesihatan.</p>	
<p>S.15(4)</p> <p>Jika dua atau lebih estet terletak sedemikian rupa sehingga tempat penginapan yang dikehendaki bagi pesakit dari estet itu dapat disediakan dengan mudah dalam satu hospital, Ketua Pengarah boleh, sebagai ganti memerintahkan setiap majikan membina dan menyenggarakan suatu hospital yang berasingan, memerintahkan semua majikan yang berkenaan untuk membina dalam suatu masa yang munasabah yang dinyatakan dalam perintah itu dan selepas itu menyenggarakan atas perbelanjaan mereka sendiri sebuah hospital, kemudian daripada ini disebut "hospital estet kumpulan", bagi semua estet itu dengan tempat penginapan bagi apa-apa bilangan pesakit sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, atau jika sudah ada suatu hospital yang didirikan dan disenggarakan secara bersesama oleh dua atau lebih majikan (sama ada dibina di bawah peruntukan seksyen ini atau tidak) boleh memerintahkan mereka untuk membesarkan atau menambah kepada hospital itu bagi menyediakan tempat penginapan bagi apa-apa bilangan pesakit tambahan dari estet mereka sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah boleh arahkan pembinaan hospital estet kumpulan jika: <ul style="list-style-type: none"> (a) beberapa estet berlainan majikan berada dalam lokasi berhampiran; (b) pekerja-pekerja tinggal dalam tempat yang berhampiran; ● Ketua Pengarah boleh arahkan hospital estet disenggarakan secara bersama. ● Ketua Pengarah boleh arahkan membesarkan hospital atau menambah tempat tinggal (katil) berdasarkan bilangan pesakit tambahan. ● Menyediakan doktor residen dan menyediakan rumah kediaman untuknya yang memuaskan hati Pegawai Perubatan Kesihatan.
<p>S.15(5)</p> <p>Bagi maksud subseksyen (4), Ketua Pengarah boleh menghendaki selanjutnya supaya majikan mengambil kerja seorang pengamal</p>	

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>perubatan berdaftar, yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971, untuk bertanggungjawab ke atas hospital kumpulan itu dan menyediakan pengamal perubatan itu dengan rumah kediaman yang layak dan sesuai yang memuaskan hati Pegawai Perubatan Kesihatan.</p>	
<p>S.15(6) Jika sudah sedia ada suatu hospital estet atau hospital estet kumpulan Ketua Pengarah boleh memerintahkan majikan yang berkenaan menyertai hospital estet atau hospital estet kumpulan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan bersesama bertanggungjawab bagi penyenggaraan hospital itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Pengarah boleh memerintahkan majikan yang tidak menyediakan kemudahan hospital estet untuk menyertai hospital estet atau hospital kumpulan yang berhampiran dan majikan tersebut perlu bertanggungjawab secara bersama-sama bagi penyenggaraan hospital tersebut.
<p>S.15(7) Tiap-tiap majikan yang disebut dalam seksyen ini dan pengurus residen bagi tiap-tiap estet yang berkenaan hendaklah bertanggungjawab bagi pendaftaran dan penyenggaraan yang wajar hospital estet atau hospital estet kumpulan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang didaftarkan mengikut peruntukan *Akta Hospital Persendirian 1971 [Akta 43] dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan dan pengurus residen estet bertanggungjawab untuk mendaftarkan hospital estet atau hospital estet kumpulan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) dan bertanggungjawab menyenggara hospital tersebut. <p>Nota: *Akta Hospital Persendirian 1971 [Akta 43] telah dimansuhkan oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2006.</p> <p>- lihat Seksyen 119, Akta 586 dan P.U.(B)93/2006</p>
<p>S.15(8) Tiada majikan yang telah membina dan menyenggarakan suatu hospital estet atau suatu hospital estet kumpulan, sama ada menurut suatu perintah daripada Ketua Pengarah di bawah seksyen ini atau selainnya, boleh mengurangkan bilangan katil atau menghentikan penyenggaraan dan urusan hospital estet atau hospital estet kumpulan itu tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan tidak boleh kurangkan katil atau hentikan penyenggaraan hospital tanpa kelulusan Ketua Pengarah tanpa mengira ia dibina sendiri atau melalui perintah.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Seksyen 16: Bayaran dan mendapatkan kembali perbelanjaan hospital oleh majikan	
<p>S.16(1) Hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan untuk menyediakan bagi tiap-tiap pekerja yang diambil kerja di suatu estet termasuk tanggungannya yang tinggal di estet itu atau mana-mana tanah lain yang dipunyai atau dipajak oleh atau dalam kawalan majikan itu, layanan, jagaan dan rawatan perubatan termasuk sajian makanan di hospital estet atau hospital estet kumpulan yang ditubuhkan di bawah seksyen 15 atau di klinik estet yang ditubuhkan di bawah seksyen 19.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan bertanggungjawab untuk menyediakan kepada pekerja dan tanggungan yang tinggal di estet rawatan perubatan termasuk sajian makanan, layanan dan jagaan di hospital estet atau klinik secara percuma selama 30 hari.
<p>S.16(2) Majikan boleh mendapatkan kembali daripada pekerja itu perbelanjaan bagi jagaan, rawatan dan sara hidup pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i> berkenaan dengan mana-mana tempoh melebihi tiga puluh hari yang pekerja itu atau mana-mana daripada tanggungannya berada di dalam hospital.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya pekerja itu dimasukkan ke hospital melebihi 30 hari, majikan boleh mendapat kembali kos perbelanjaan bagi hari-hari yang melebihi 30 hari tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Menteri sebagaimana warta. ● Majikan boleh buat tuntutan balik jika pekerja atau tanggungan tinggal di hospital melebihi 30 hari pada kadar yang diwartakan. <p>Nota: Tiada kadar yang sedemikian ditetapkan oleh Menteri.</p>
Seksyen 17: Pekerja sakit yang dimasukkan ke hospital Kerajaan	
<p>S.17(1) Jika seorang pekerja pada waktu dia dimasukkan ke hospital Kerajaan bekerja dan tinggal di mana-mana estet, majikan hendaklah membayar perbelanjaan sara hidup dan rawatan di hospital itu bagi pekerja itu dan bagi mana-mana tanggungan pekerja itu pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam <i>Warta</i>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pekerja atau tanggungan diwadkan di hospital kerajaan. ● Majikan bertanggungjawab untuk membayar perbelanjaan rawatan hospitalisasi pekerja dan tanggungan mereka di hospital Kerajaan pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri. <p>Kadar:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mulai dari 5 April 1995, pekerja dan tanggungan - RM3.00 sehari P.U.(B) 204/1995 (R18) - Pekerja Asing - RM15.00 sehari P.U(B) 274/2004 (R19)

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.17(2) Perbelanjaan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) hendaklah, apa jua pun amaunnya, boleh didapatkan kembali daripada majikan dalam suatu Mahkamah Sivil atas guaman Pegawai Perubatan yang menjaga hospital itu, dan perakuan Pegawai Perubatan itu adalah keterangan <i>prima facie</i> yang mencukupi bahawa amaun yang dinyatakan dalamnya kena dibayar oleh majikan:</p> <p>Dengan syarat bahawa tidak lebih daripada perbelanjaan tiga puluh hari di dalam hospital berkenaan dengan mana-mana pekerja atau tanggungan boleh didapatkan kembali.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak hospital boleh menuntut balik daripada majikan melalui tuntutan sivil apa-apa amaun perbelanjaan dengan syarat perbelanjaan tidak melebihi 30 hari.
<p>S.17(3) Tiada perbelanjaan yang dibayar oleh seseorang majikan di bawah subseksyen (1) boleh didapatkan kembali daripada mana-mana pekerja.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan tidak boleh menuntut daripada pekerja apa-apa perbelanjaan yang telah dibuat olehnya menurut Seksyen 17(1) iaitu perbelanjaan untuk 30 hari pada kadar yang ditetapkan.
<p>Seksyen 18: Mengangkut pekerja yang sakit ke hospital</p>	
<p>S.18(1) Hendaklah menjadi kewajipan majikan dan pengurus residen atas perbelanjaan mereka sendiri—</p> <p>(a) untuk memastikan tiap-tiap pekerja yang diambil kerja di estet dan mana-mana tanggungan pekerja itu yang memerlukan rawatan perubatan diangkut dengan selamat tanpa lengah pergi ke dan balik dari hospital yang disediakan untuk pekerja yang diambil kerja di estet itu atau, jika tiada hospital sedemikian, pergi ke dan balik dari hospital Kerajaan yang terdekat; dan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tanggungjawab majikan dan pengurus residen untuk membawa pekerja dan tanggungan yang sakit ke hospital estet atau hospital Kerajaan terdekat atas perbelanjaan majikan: <ul style="list-style-type: none"> (a) dengan selamat dan tanpa kelewatan; dan (b) majikan boleh membuat aturan lain dalam melaksanakan tanggungjawab ini. <p>Contoh: Membayar tambang pergi dan balik atau menyediakan kenderaan lain atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai dan bermanfaat.</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(b) untuk membuat apa-apa perkiraan dan untuk menyediakan alat bagi mengangkut dengan selamat seorang pekerja yang sakit atau mana-mana tanggungan pekerja yang sakit pergi ke dan balik dari hospital sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Perubatan Kesihatan atau mana-mana Pegawai Perubatan dari semasa ke semasa.</p>	
<p>S.18(2) Pegawai Perubatan Kesihatan atau mana-mana Pegawai Perubatan boleh menghendaki majikan atau pengurus residen membawa mana-mana pekerja di estet itu yang memerlukan rawatan perubatan ke hospital.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan atau pengurus residen perlu memindahkan mana-mana pekerja estet yang memerlukan rawatan perubatan ke hospital sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan atau mana-mana pegawai perubatan.
<p>S.18(3) Mana-mana majikan atau pengurus residen yang melanggar peruntukan seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesalahan: <ul style="list-style-type: none"> (a) gagal membawa pekerja atau tanggungan pergi dan balik untuk menerima rawatan di hospital tanpa kelewatan dan selamat. (b) gagal memindahkan pekerja ke hospital bagi menerima rawatan sebagaimana arahan Pegawai Perubatan Kesihatan. ● Hukuman tidak melebihi RM50,000.00 dan tambahan denda sebanyak RM1,000.00 setiap hari kesalahan yang diteruskan.
<p>Seksyen 19: Rawatan perubatan di estet di mana suatu hospital tidak diselenggarakan</p>	
<p>S.19(1) Di mana-mana estet yang tiada hospital estet atau hospital estet kumpulan tersedia, Ketua Pengarah boleh, melalui perintah, selepas berunding dengan Pegawai Perubatan Kesihatan, menghendaki supaya seseorang majikan menubuhkan dan menyelenggarakan suatu klinik atau membuat apa-apa peruntukan lain sebagaimana yang perlu bagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika sesuatu estet tiada hospital estet atau hospital estet kumpulan, Ketua Pengarah selepas berunding dengan Pegawai Perubatan Kesihatan boleh melalui perintah menghendaki: <ul style="list-style-type: none"> (a) menubuh dan menyelenggara sesuatu klinik; atau (b) membuat apa-apa peruntukan lain. (contoh: klinik bergerak, pusat rawatan sementara).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
rawatan pekerja dan tanggungan mereka yang sakit.	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk rawatan pekerja dan tanggungan mereka.
<p>S.19(2) Ketua Pengarah hendaklah menyatakan dalam perintah itu perkhidmatan, ubat, kelengkapan dan kakitangan yang hendaklah disediakan dan masa kemudahan rawatan itu hendaklah dijadikan tersedia kepada pekerja dan tanggungan mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perintah Ketua Pengarah harus mengandungi: <ul style="list-style-type: none"> (a) jenis perkhidmatan yang disediakan; (b) ubat; (c) kakitangan; (d) kelengkapan klinik; dan (e) masa kemudahan rawatan.
<p>S.19(3) Jika suatu klinik terdapat di mana-mana estet atau ditubuhkan menurut suatu perintah di bawah subseksyen (1), hendaklah menjadi kewajipan majikan untuk membuat pengiraan supaya seorang pengamal perubatan berdaftar melawat klinik itu sekurang-kurangnya dua minggu sekali untuk mengawasi urusan dan pengurusan klinik itu dan untuk menyediakan rawatan perubatan kepada pekerja dan tanggungan mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan doktor pelawat (VMO) ke klinik estet: <ul style="list-style-type: none"> - sekurang-kurangnya dua minggu sekali. • Tujuan rawatan: <ul style="list-style-type: none"> (a) mengawasi urusan dan pengurusan klinik; (b) menyediakan rawatan perubatan kepada pekerja dan tanggungan.
<p>S.19(4) Tiada majikan yang telah menubuhkan dan menyenggarakan suatu klinik, sama ada menurut suatu perintah Ketua Pengarah yang dibuat di bawah seksyen ini atau selainnya, boleh mengurangkan perkhidmatan, kemudahan atau kakitangan atau menghentikan penyenggaraan dan urusan klinik itu tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan tidak boleh mengurangkan perkhidmatan kemudahan atau kakitangan klinik atau menghentikan urusan klinik tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah.
Seksyen 20: Kewajipan melaporkan kes yang disyaki penyakit berjangkit	
<p>S.20(1) Hendaklah menjadi kewajipan pengamal perubatan residen yang berdaftar atau, dalam ketidakhadiran atau jika tiada pengamal perubatan residen yang berdaftar, pengurus residen, mengasingkan dengan serta-merta</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kewajipan pengamal perubatan residen atau pengurus residen dalam mengendalikan kes penyakit berjangkit di estet: <ul style="list-style-type: none"> (a) mengasingkan pekerja atau orang lain yang disyaki menghidap penyakit berjangkit;

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>mana-mana pekerja atau orang lain di suatu estet yang disyakinya menghidap apa-apa penyakit berjangkit sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], dan untuk menahan di bawah pemerhatian mana-mana orang lain yang disifatkannya berkemungkinan telah mendapat penyakit itu dan dengan secepat mungkin memberitahu Pegawai Perubatan yang terdekat, dan sementara menunggu ketibaan Pegawai Perubatan Kesihatan ke estet itu, pengamal perubatan residen yang berdaftar atau pengurus residen hendaklah mengambil langkah pencegahan yang sesuai dan selepas itu berunding dengan Pegawai Perubatan Kesihatan tentang apa-apa tindakan selanjutnya yang perlu diambil.</p>	<ul style="list-style-type: none"> (b) menahan di bawah pemerhatian mana-mana orang lain yang berkemungkinan telah dijangkiti penyakit; (c) melapor kepada pegawai perubatan tanpa kelewatan; (d) sementara menunggu ketibaan pegawai perubatan, mengambil langkah pencegahan; dan (e) berunding dengan pegawai perubatan untuk mengambil tindakan selanjutnya.
<p>S.20(2) Mana-mana orang yang mengabaikan melaksanakan kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda tambahan sebanyak satu ribu ringgit sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana pengamal perubatan residen atau pengurus residen yang mengikut mana yang berkenaan yang gagal melaksanakan tanggungjawab di atas, melakukan kesalahan. • Hukuman: <ul style="list-style-type: none"> - denda tidak melebihi RM50,000.00 dan denda tambahan RM1,000.00 setiap hari.
<p>Seksyen 21: Kewajipan majikan untuk mengasingkan pekerja yang menghidap penyakit berjangkit</p>	
<p>S.21(1) Apabila berlaku apa-apa penyakit berjangkit di mana-mana estet, adalah menjadi kewajipan majikan supaya dengan serta merta, jika diarahkan sedemikian oleh Pegawai Perubatan Kesihatan atau seorang Pegawai Perubatan, menyediakan suatu tempat bagi seorang pekerja boleh diasingkan bagi kepentingan kesihatan awam atau mana-mana pekerja lain yang bekerja di estet itu dan dengan perbelanjaannya sendiri membuat</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jika berlaku penyakit berjangkit di mana-mana estet, majikan bertanggungjawab seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan atau pegawai perubatan untuk: <ul style="list-style-type: none"> (a) menyediakan suatu tempat untuk mengasingkan pekerja yang terlibat; (b) menyediakan keperluan sara hidup atas perbelanjaan majikan semasa pengasingan tersebut; (c) memberikan rawatan yang perlu mengikut arahan Pegawai Perubatan Kesihatan atau pegawai perubatan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>persiapan bagi penyaraan pekerja itu sementara diasingkan dan bagi rawatan mana-mana pekerja yang menghidap penyakit itu sebagaimana yang dianggap perlu oleh Pegawai Perubatan Kesihatan atau Pegawai Perubatan itu.</p>	
<p>S.21(2) Jika pada bila-bila masa Pegawai Perubatan Kesihatan atau seorang Pegawai Perubatan mendapati bahawa seseorang pekerja yang bekerja di mana-mana estet menghidap suatu penyakit berjangkit atau bahawa selainnya perlu bagi kepentingan kesihatan awam atau kesihatan mana-mana pekerja lain yang bekerja di estet itu dia dipindahkan dan diletakkan di bawah pengawasan perubatan, adalah sah bagi Pegawai Perubatan Kesihatan atau Pegawai Perubatan menyebabkan pekerja itu dipindahkan ke tempat sebagaimana yang boleh diarahkan olehnya dan ditahan di sana sehingga dilepaskan dengan perintah bertulis daripada Pegawai Perubatan Kesihatan atau seorang Pegawai Perubatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Adalah sah bagi Pegawai Perubatan Kesihatan atau pegawai perubatan untuk mengarahkan mana-mana pekerja yang menghidap suatu penyakit berjangkit untuk dipindahkan ke mana-mana tempat sebagaimana diarahkan dan ditahan di tempat tersebut sehingga mendapat perintah pelepasan bertulis daripada Pegawai Perubatan Kesihatan atau pegawai perubatan.
<p>Seksyen 22: Kuasa Pegawai Perubatan Kesihatan untuk memerintahkan imunisasi terhadap penyakit berjangkit</p>	
<p>Pegawai Perubatan Kesihatan boleh, pada bila-bila masa jika didapatinya perlu bagi kesihatan pekerja yang bekerja di mana-mana estet melalui perintah bertulis kepada majikan atau pengurus residen, mengarahkan majikan atau pengurus residen itu membuat persiapan atas perbelanjaannya sendiri supaya kesemua atau mana-mana pekerja dan tanggungan mereka diberi pengimunan terhadap apa-apa penyakit berjangkit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya difikirkan perlu, Pegawai Perubatan Kesihatan boleh memerintahkan secara bertulis supaya majikan estet atas perbelanjaan sendiri mengatur pemberian imunisasi kepada pekerja dan tanggungan mereka terhadap apa-apa penyakit berjangkit.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Seksyen 23: Pemeriksaan mingguan ke atas perumahan pekerja	
<p>S.23(1) Hendaklah menjadi kewajipan majikan suatu tempat pekerjaan di mana pekerja dan tanggungan mereka disediakan rumah tempat tinggal untuk memastikan bahawa—</p> <p>(a) kawasan di sekeliling perumahan pekerja sentiasa bersih daripada semak dan disenggarakan dalam keadaan bersih dan sanitari;</p> <p>(b) saliran keliling di sekeliling setiap kediaman atau blok kediaman termasuk semua saliran keluar dijaga dalam keadaan baik dan bersih daripada sampah atau semak bagi membolehkan air mengalir dengan bebas;</p> <p>(c) semua sampah di tapak perumahan dikutip setiap hari dan dibuang dengan cara yang memuaskan; dan</p> <p>(d) semua tandas dan bilik air komunal dijaga dalam keadaan bersih, sihat dan boleh digunakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan wajib memastikan: <ul style="list-style-type: none"> (a) kawasan perumahan pekerja tidak bersemak samun, bersih dari sampah sarap dan dalam keadaan sanitari; (b) saliran sekeliling rumah dan saliran keluar sentiasa bersih untuk membolehkan air mengalir dengan bebas; (c) sampah dikutip setiap hari dan dilupuskan; dan (d) tandas dan bilik air komunal dijaga dalam keadaan bersih dan boleh guna.
<p>S.23(2) Hendaklah menjadi kewajipan majikan untuk memastikan bahawa semua bangunan yang digunakan bagi perumahan pekerja, pusat asuhan kanak-kanak atau dewan komuniti dilawati dan diperiksa setiap minggu oleh seorang pembantu hospital estet yang didaftarkan di bawah Akta Pembantu Hospital Estet (Pendaftaran) 1965 [Akta 435] atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab yang diberi kuasa oleh majikan hendaklah membuat laporan kepada pengurus residen jika bangunan tidak dijaga</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan perlu memastikan bangunan rumah pekerja, PAKK dan dewan komuniti dilawat dan diperiksa setiap minggu oleh pembantu penyelia estet atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa. ● Pembantu hospital estet atau mana-mana orang yang dipertanggungjawabkan perlu menyediakan laporan kepada pengurus residen jika: <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan tidak dijaga dengan bersih; dan (b) sampah dibiarkan bertimbun. ● Pembantu hospital estet atau mana-mana orang yang

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>dengan bersih atau jika sampah sarap dibiarkan bertimbun di sekitar bangunan, dan juga hendaklah memeriksa dan jika perlu membawa, atau menyebabkan dibawa, ke hospital mana-mana pekerja yang dijumpai dalam bangunan, yang didapati menghidap sesuatu penyakit dan melaporkan kepada pengurus residen dengan sewajarnya.</p>	<p>dipertanggungjawab perlu memeriksa dan jika perlu membawa mana-mana pekerja yang menghidap penyakit ke hospital dan melaporkan kepada pengurus residen.</p>
<p>S.23(3) Hasil pemeriksaan pembantu hospital estet atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa hendaklah direkodkan di dalam suatu buku yang disimpan di tempat pekerjaan dan diadakan bagi pemeriksaan Ketua Pengarah atau Pegawai Perubatan Kesihatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Hasil pemeriksaan pembantu hospital atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa hendaklah direkod dalam suatu buku. ● Buku tersebut disimpan di tempat pekerjaan dan disediakan untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah atau Pegawai Perubatan Kesihatan.
<p>S.23(4) Dalam apa-apa hal jika Pegawai Perubatan Kesihatan berpendapat bahawa lawatan, pemeriksaan atau kewajipan lain, yang ditetapkan oleh subseksyen (2) tidak dijalankan dengan memuaskan, dia boleh memberitahu pengurus residen dengan sewajarnya, menyatakan perkara yang berkenaan dengannya dia tidak berpuas hati, dan pengurus residen hendaklah sesudah itu membuat persiapan tambahan atau yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pegawai Perubatan Kesihatan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika Pegawai Perubatan Kesihatan berpendapat tanggungjawab di bawah seksyen ini tidak dilaksanakan dengan sempurna, dia boleh memberitahu pengurus residen dengan sewajarnya dan pengurus residen perlu mengambil tindakan lanjut terhadap perkara-perkara yang tidak memuaskan hati Pegawai Perubatan Kesihatan.
<p>Seksyen 24: Beban pembuktian</p>	
<p>Dalam semua prosiding di bawah Bahagian ini, beban membuktikan bahawa dia bukan majikan atau pengurus residen atau orang yang menjadi kewajipannya di bawah peruntukan Bahagian ini untuk melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa perkara hendaklah terletak pada orang yang mengatakan bahawa dia bukan majikan,</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Beban membuktikan bahawa dia bukan: <ul style="list-style-type: none"> (a) majikan; atau (b) pengurus residen; atau (c) orang yang diletakkan kewajipan terletak pada orang yang berkenaan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
pengurus residen atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.	
BAHAGIAN III A	
PENGINAPAN	
Seksyen 24A: Pemakaian	
Bahagian ini hendaklah terpakai bagi pekerja yang diambil kerja selain untuk bekerja di estet.	<ul style="list-style-type: none"> ● Bahagian ini terpakai kepada semua tempat pekerjaan tanpa mengambil kira kategori Pihak Berkuasa Tempatan. ● Bahagian ini tidak terpakai kepada estet.
Seksyen 24B: Tafsiran	
<p>S.24B Dalam Bahagian ini— “orang yang bertanggungjawab bagi penginapan” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat yang bertanggungjawab bagi pengurusan penginapan, serta keselamatan dan kesihatan pekerja dan kemudahan lain di dalam penginapan itu;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Orang yang dilantik oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat bagi tujuan menguruskan: <ol style="list-style-type: none"> (a) penginapan; (b) keselamatan dan kesihatan pekerja; dan (c) kemudahan lain.
<p>“penginapan” ertinya mana-mana bangunan atau struktur kekal atau sementara termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan berbumbung yang digunakan bagi maksud kediaman manusia;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Semua jenis bangunan yang disediakan oleh majikan sebagai kediaman kepada pekerja ditakrifkan sebagai penginapan. <p>Rujukan Soalan-Soalan Berhubung Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] (R20)</p>
<p>“penginapan berpusat” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan bagi perumahan pekerja yang diambil kerja oleh seorang atau lebih majikan;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bangunan yang digunakan oleh penyedia penginapan berpusat untuk menempatkan pekerja sama ada seorang atau lebih majikan. ● Ia diuruskan oleh penyedia penginapan berpusat dan bukan oleh majikan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Definisi ini hendaklah dibaca bersama dengan “penyedia penginapan berpusat”. ii. Jika majikan menyediakan penginapan secara setempat untuk pekerja-pekerjanya sahaja, ia bukanlah penginapan berpusat seperti yang dimaksudkan di dalam akta ini.
<p>“penyedia penginapan berpusat” ertinya mana-mana orang yang menyediakan dan menguruskan penginapan berpusat dan menyelia perkhidmatan yang disediakan di dalamnya bagi seorang atau lebih majikan, tetapi tidak termasuk majikan yang menyediakan penginapan bagi pekerjaanya sendiri.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pihak ketiga yang bukan majikan: <ul style="list-style-type: none"> (a) menyediakan; (b) mengurus; dan (c) menyelia perkhidmatan penginapan berpusat. ● Majikan yang menyediakan sendiri penginapan kepada pekerjaanya tidak boleh dikategorikan sebagai “penyedia penginapan berpusat”.
<p>Sek 24C: Fungsi dan kuasa Ketua Pengarah berhubung dengan penginapan</p>	
<p>S.24C (1) Bagi maksud Bahagian ini, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) untuk mentadbir dan mengawal selia semua perkara yang berhubung dengan penginapan; (b) untuk mengarahkan majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk mengemukakan apa-apa maklumat dan dokumen yang berhubung dengan penginapan pekerja; (c) untuk mengeluarkan apa-apa arahan kepada majikan atau penyedia penginapan berpusat untuk menyediakan apa-apa kemudahan lain yang berhubung dengan penginapan; (d) untuk mengeluarkan Perakuan Penginapan; dan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Fungsi Ketua Pengarah berhubung penginapan digariskan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) mentadbir dan kawal selia; (b) mendapatkan maklumat dan dokumen penginapan daripada majikan atau penyedia penginapan berpusat; (c) mengarahkan untuk menyediakan apa-apa kemudahan lain; (d) mengeluarkan Perakuan Penginapan; dan (e) fungsi-fungsi lain berkaitan dengan Bahagian IIIA.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
(e) untuk melakukan apa-apa jua perkara yang bersampingan dengan mana-mana fungsinya di bawah Bahagian ini.	
<p>S.24C(2) Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Bahagian ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kuasa Ketua Pengarah berhubung penginapan digariskan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - melakukan semua perkara yang perlu dan suai manfaat berdasarkan fungsi.
Seksyen 24D: Penginapan hendaklah diperakukan dengan Perakuan Penginapan	
<p>S.24D(1) Tiada penginapan boleh disediakan untuk seseorang pekerja melainkan jika diperakukan dengan Perakuan Penginapan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penginapan yang disediakan oleh majikan sendiri kepada pekerja atau melalui penyedia penginapan berpusat perlu ada Perakuan Penginapan oleh Ketua Pengarah.
<p>S.24D(2) Suatu permohonan bagi Perakuan Penginapan hendaklah dibuat oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat kepada Ketua Pengarah mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah disertakan dengan fi pemprosesan yang ditetapkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Permohonan Perakuan Penginapan oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> (a) dalam bentuk dan kaedah yang dibenarkan; dan (b) disertakan fi pemprosesan. <p>Rujukan Jadual Peraturan P.U (A) 248 [Subperaturan 2(1)] : Fi Pemprosesan Bagi Permohonan Perakuan Penginapan (R21)</p>
<p>S.24D(3) Seseorang majikan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan yang menempatkan pekerja di bangunan penginapan yang tidak diperakukan dengan Perakuan Penginapan melakukan kesalahan. ● Hukuman tidak melebihi RM50,000.00.
<p>S.24D(4) Seseorang penyedia penginapan berpusat yang melanggar subseksyen (1) melakukan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyedia penginapan berpusat yang menempatkan pekerja di bangunan penginapan yang tidak diperakukan dengan

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.</p>	<p>Perakuan Penginapan melakukan kesalahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> Hukuman tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.
<p>Seksyen 24E: Majikan hendaklah memberi notis pendudukan</p>	
<p>S.24E(1) Seseorang majikan hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh suatu penginapan diduduki oleh pekerjanya, memaklumkan Ketua Pengarah mengenai pendudukan itu mengikut bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Majikan bertanggungjawab untuk memberi notis pendudukan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pekerja ditempatkan dalam penginapan sama ada penginapan sendiri oleh majikan atau di penginapan berpusat.
<p>S.24E(2) Mana-mana majikan yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Majikan yang gagal memberi notis atau gagal memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan melakukan kesalahan. Hukuman tidak melebihi RM10,000.00.
<p>Seksyen 24F: Penginapan hendaklah mematuhi standard minimum</p>	
<p>Seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap penginapan yang disediakan untuk pekerja mematuhi standard minimum yang dikehendaki di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penginapan yang disediakan oleh majikan atau penyedia penginapan perlu mematuhi standard minimum yang ditetapkan. <p>Rujukan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Dan Penginapan Berpusat) 2020 [P.U (A) 250]</p>
<p>Seksyen 24G: Pmotongan berkenaan dengan sewa atau caj bagi penginapan</p>	
<p>S.24 G(1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Menteri, seseorang majikan boleh memungut daripada seseorang pekerja apa-apa jumlah wang bagi sewa atau caj berkenaan dengan mana-mana penginapan yang disediakan oleh majikan itu atau mana-</p>	<ul style="list-style-type: none"> Majikan yang menyediakan penginapan kepada pekerja sama ada sendiri atau melalui penyedia penginapan berpusat boleh mengenakan sewa atau caj. Kadar sewa atau caj yang boleh dikutip daripada seseorang pekerja adalah seperti yang ditetapkan bawah peraturan yang dibuat di bawah seksyen 25(2)(ac) Akta ini.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>mana penyedia penginapan berpusat di bawah Bahagian ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kadar sewa atau caj maksimum yang ditetapkan ialah tidak lebih RM100.00 sebulan. • Menteri boleh menetapkan syarat-syarat berkaitan berhubung kadar sewa atau caj. <p>Rujukan</p> <p>Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Kadar Sewa Atau Caj Maksimum Bagi Penginapan) 2020 P.U (A) 249</p>
<p>S.24G(2) Jumlah wang yang dipungut di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat melalui pemotongan daripada upah pekerja itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen ini membenarkan sewa atau caj dipungut melalui potongan gaji. Berdasarkan Seksyen 24(2)(d) Akta Kerja 1955 majikan boleh membuat potongan gaji bagi tujuan ini dan tiada keperluan untuk kebenaran Ketua Pengarah dan persetujuan pekerja terlibat. <p>Nota: Walaupun Menteri telah menetapkan kadar maksimum kadar sewa dan caj, amaun kadar sewa dan caj yang boleh dikenakan oleh majikan kepada seorang pekerja masih tertakluk kepada terma-terma berkaitan dalam kontrak perkhidmatan yang dipersetujui antara majikan dan pekerja tetapi tidak boleh melebihi kadar maksimum yang ditetapkan melalui peraturan.</p>
<p>Seksyen 24H: Penginapan hendaklah mematuhi undang-undang pihak berkuasa tempatan</p>	
<p>S.24H(1) Walau apa pun seksyen 24D, tiada majikan atau penyedia penginapan berpusat boleh menggunakan mana-mana bangunan sebagai penginapan jika bangunan itu tidak sesuai untuk didiami manusia mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mana-mana bangunan yang digunakan sebagai penginapan pekerja perlu mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu: <ul style="list-style-type: none"> (a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]; (b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]; (c) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. • Bangunan tersebut hendaklah dibina bagi maksud kediaman dan diperakukan dengan <i>Certificate of Completion and Compliance (CCC)</i> atau <i>Certificate of Fitness (CF)</i> di bawah undang-undang Pihak Berkuasa Tempatan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> ● Bangunan yang dibina bagi maksud kediaman dan telah ada CCC atau CF merupakan <i>prima facie</i> bahawa ia adalah sesuai untuk kediaman manusia dan boleh diperakukan di bawah Seksyen 24D Akta. ● Mana-mana bangunan yang dibina selain di atas perlu ditukar status bagi tujuan kediaman manusia dan hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. <p>Nota Bagi kediaman di luar bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (rumah kampung, rumah dalam tanah pertanian) adalah terkecuali daripada skop liputan seksyen ini. Majikan tersebut perlu mengisi Akuan Berkanun mengesahkan bangunan itu sesuai dan selamat digunakan.</p> <p>Rujukan Perakuan Kendiri (R22)</p>
<p>S.24H(2) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat yang menggunakan bangunan yang tidak sesuai untuk kediaman manusia sebagai penginapan pekerja, melakukan kesalahan. ● Hukuman tidak melebihi RM50,000.00.
Seksyen 24I: Kemudahan	
<p>Seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan kemudahan yang sesuai dan mencukupi mengikut Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penginapan yang disediakan oleh majikan atau penyedia penginapan perlu menyediakan kemudahan-kemudahan yang ditetapkan. <p>Rujukan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja (Penginapan Dan Penginapan Berpusat) 2020 [P.U (A) 250]</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Seksyen 24J: Kewajipan dan tanggungjawab berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan	
<p>Majikan atau penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan untuk pekerja di bawah Bahagian ini hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang berikut:</p> <p>(a) untuk menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja yang berlainan jantina;</p> <p>(b) untuk mengambil langkah pencegahan yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja;</p> <p>(c) untuk mengambil langkah keselamatan kebakaran mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan;</p> <p>(d) untuk memastikan bahawa sistem pendawaian elektrik mematuhi kehendak keselamatan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan;</p> <p>(e) untuk memastikan bahawa pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan; dan</p> <p>(f) untuk mengambil langkah pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan dan majikan hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, membuat perkiraan sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan supaya</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kewajipan dan tanggungjawab majikan atau penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan kepada pekerja: <ul style="list-style-type: none"> (a) menyediakan penginapan berasingan bagi pekerja lelaki dan perempuan; (b) mengambil langkah-langkah pencegahan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja; (c) mengambil langkah-langkah pencegahan kebakaran; (d) memastikan sistem pendawaian elektrik mematuhi undang-undang; (e) memastikan bantuan perubatan kepada pekerja yang memerlukan; dan (f) penyakit berjangkit: <ul style="list-style-type: none"> i. mengawal penyebaran; ii. mengatur untuk memberi imunisasi atas perbelanjaan majikan (jika diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>semua atau mana-mana pekerja diberikan imunisasi terhadap mana-mana penyakit berjangkit.</p>	
Seksyen 24K: Penyelenggaraan	
<p>Seseorang majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap penginapan yang disediakan untuk pekerja di bawah Bahagian ini diselenggara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan dan penyedia penginapan berpusat hendaklah menyelenggara penginapan seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
Seksyen 24L: Pelantikan orang yang bertanggungjawab bagi penginapan	
<p>S.24L (1) Seseorang majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah melantik sekurang-kurangnya seorang yang bertanggungjawab bagi penginapan yang disediakan di bawah Bahagian ini, yang akan bertanggungjawab bagi keselamatan dan kesejahteraan pekerja dan pengurusan penginapan dan kemudahan, mengikut peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan atau penyedia penginapan berpusat perlu melantik sekurang-kurangnya seorang yang bertanggungjawab bagi tujuan menguruskan: <ul style="list-style-type: none"> (a) penginapan; (b) keselamatan dan kesihatan pekerja; dan (c) kemudahan lain. ● Orang yang dilantik tidak semestinya pekerja majikan atau penyedia penginapan berpusat dan boleh merupakan mana-mana pihak lain.
<p>S.24L (2) Hendaklah menjadi kewajipan orang yang bertanggungjawab bagi penginapan —</p> <p>(a) untuk memastikan pekerja mematuhi kaedah-kaedah tatatertib sebagaimana yang ditentukan oleh majikan;</p> <p>(b) untuk melawat dan memeriksa penginapan sekurang-kurangnya dua kali sebulan dan menyimpan rekod pemeriksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di tempat pekerjaan; dan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tugas orang yang bertanggungjawab memastikan: <ul style="list-style-type: none"> (a) pekerja yang tinggal di penginapan mematuhi peraturan tatatertib yang ditetapkan; (b) penginapan dilawati dan diperiksa sekurang-kurangnya dua kali sebulan dan menyimpan rekod pemeriksaan di tempat kerja dalam bentuk yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah; (c) pekerja yang sakit dibawa ke klinik atau hospital dan menyimpan rekod aduan yang berkaitan;

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(c) untuk memastikan seseorang pekerja dibawa ke klinik atau hospital jika pekerja itu mengadu tentang kesihatannya, atau didapati kurang sihat atau menghidap apa-apa penyakit atau keadaan perubatan, dan menyimpan suatu rekod aduan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah di tempat pekerjaan.</p>	
Seksyen 24M: Notis untuk mengosongkan penginapan	
<p>S.24M (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika seseorang pekerja meletak jawatan di bawah kontrak perkhidmatan atau perkhidmatannya ditamatkan melalui notis tidak kurang daripada empat minggu, pekerja itu hendaklah mengosongkan penginapan pada tarikh berkuat kuasanya peletakan jawatannya itu atau tarikh kontrak perkhidmatan itu ditamatkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pekerja perlu mengosongkan penginapan yang disediakan apabila kontrak perkhidmatan ditamatkan. Tarikh pekerja perlu mengosongkan adalah seperti berikut, jika: <ul style="list-style-type: none"> (a) pekerja letak jawatan: <ul style="list-style-type: none"> - perlu kosongkan penginapan pada hari pekerja letak jawatan. (b) pekerja ditamatkan kontrak dengan notis empat minggu dan lebih: <ul style="list-style-type: none"> - perlu kosongkan penginapan pada hari terakhir. (c) i. pekerja ditamatkan kontrak serta merta (tanpa notis): <ul style="list-style-type: none"> - perlu kosongkan penginapan dalam tempoh empat minggu dari tarikh ditamatkan. atau; ii. notis kurang dari empat minggu: <ul style="list-style-type: none"> - perlu kosongkan penginapan dalam tempoh empat minggu.
<p>S.24M (2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pekerja yang kontrak perkhidmatannya ditamatkan melalui notis kurang daripada empat minggu atau ditamatkan dengan kuat kuasa serta-merta hendaklah mengosongkan penginapan dalam masa empat minggu dari tarikh notis itu atau tarikh kontrak perkhidmatan itu ditamatkan.</p>	
Seksyen 24N: Majikan tidak berkewajipan untuk menyediakan penginapan bagi tanggungan pekerja	
<p>Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh menjadikan seseorang majikan berkewajipan untuk menyediakan penginapan bagi tanggungan seseorang pekerja yang disediakan penginapan di bawah Bahagian ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Di bawah Bahagian ini majikan tidak wajib menyediakan penginapan kepada tanggungan pekerja.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
BAHAGIAN IV	
PERATURAN-PERATURAN	
Seksyen 25: Peraturan-peraturan	
<p>S.25 (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, membuat apa-apa peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi memberikan kuat kuasa penuh kepada peruntukan Akta ini, atau bagi pelaksanaan lanjut, lebih baik atau lebih mudah peruntukan Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan berdasarkan keperluan atau suai manfaat dari semasa ke semasa bagi tujuan: <ul style="list-style-type: none"> (a) memperkasa peruntukan Akta; (b) penguatkuasaan yang lebih baik atau mudah peruntukan Akta.
<p>S.25 (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) peraturan-peraturan boleh dibuat—</p> <p>(a) bagi menetapkan kehendak minimum untuk pelbagai kelas bangunan (termasuk bangunan sementara) yang digunakan bagi perumahan pekerja, atau sebagai pusat asuhan kanak-kanak atau dewan komuniti, kehendak sanitari minimum, bekalan air, bekalan air boleh diminum dan bekalan elektrik dan perkara lain mengenai kesihatan berkenaan dengan bangunan itu;</p> <p>(aa) bagi menetapkan kehendak minimum untuk pelbagai kelas bangunan yang digunakan bagi penginapan dan penginapan berpusat pekerja dan kehendak sanitari minimum, bekalan air, bekalan air boleh diminum dan bekalan elektrik dan perkara lain mengenai kesihatan berkenaan dengan bangunan itu;</p> <p>(ab) bagi menetapkan mana-mana kelas, kategori atau pemerihaln pekerja yang</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri boleh membuat peraturan-peraturan berhubung perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) menetapkan kehendak minimum bagi perumahan pekerja: <ul style="list-style-type: none"> - bangunan perumahan pekerja, PAKK, dewan komuniti, sanitari, bekalan air, bekalan air boleh minum, bekalan elektrik dan perkara lain berkaitan kesihatan. (b) menetapkan kehendak minimum bagi penginapan pekerja: <ul style="list-style-type: none"> - bangunan penginapan pekerja atau penginapan berpusat, sanitari, bekalan air, bekalan air boleh minum, bekalan elektrik dan perkara lain berkaitan kesihatan. (c) bagi menetapkan kelas atau kategori pekerja yang perlu disediakan penginapan. <ul style="list-style-type: none"> - P.U. (A) 81/2021 pekerja asing dikehendaki disediakan penginapan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>dikehendaki untuk disediakan dengan penginapan di bawah Bahagian IIIA;</p> <p>(ac) bagi menetapkan kadar sewa atau caj maksimum bagi penginapan yang boleh dipungut di bawah Bahagian IIIA;</p> <p>(b) bagi menetapkan kelengkapan dan kakitangan minimum untuk pusat asuhan kanak-kanak dan jenis dan amaun susu, kelengkapan permainan dan program aktiviti permainan yang hendaklah disediakan bagi tanggungan yang ditempatkan di dalamnya di bawah seksyen 10;</p> <p>(c) bagi menetapkan, selepas berunding dengan Menteri Kesihatan—</p> <p>(i) berkenaan dengan klinik, kelengkapan, perkakas pembedahan dan perubatan, ubat-ubatan, kakitangan dan jenis perkhidmatan minimum yang hendaklah disediakan dan daftar dan rekod yang hendaklah disimpan; dan</p> <p>(ii) berkenaan dengan bekalan air, cara bagaimana air hendaklah dituras dan diproses;</p> <p>(d) bagi menetapkan tatacara bagi mengemukakan dan meluluskan pelan bangunan dan tapaknya;</p> <p>(e) bagi menetapkan bentuk apa-apa daftar, saman atau perintah yang dikehendaki disimpan, dikeluarkan atau dibuat di bawah Akta ini; dan</p> <p>(f) bagi menetapkan apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah Akta ini.</p>	<p>(d) bagi menetapkan sewa atau caj yang boleh dikutip dari pekerja.</p> <p>(e) bagi menetapkan kehendak minimum bagi PAKK:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. kelengkapan dan kakitangan; ii. jenis dan amaun susu; iii. kelengkapan permainan; iv. program aktiviti permainan. <p>(f) bagi menetapkan minimum standard untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. klinik <ul style="list-style-type: none"> - kelengkapan; - perkakas pembedahan perubatan; - ubat-ubatan; - kakitangan; - perkhidmatan minimum yang perlu disediakan; - daftar dan rekod yang perlu disimpan. ii. bekalan air <ul style="list-style-type: none"> - cara air di turas dan diproses <p>(g) bagi menetapkan prosedur berhubung pelan bangunan dan pelan tapak:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. prosedur mengemukakan pelan; ii. prosedur meluluskan pelan. <p>(h) bagi menetapkan apa-apa untuk disimpan, di keluar atau dibuat:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. bentuk daftar; ii. saman; iii. perintah. <p>(i) bagi menetapkan apa-apa perkara ditetapkan di bawah Akta.</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
BAHAGIAN V	
PERUNTUKAN AM, RAYUAN DAN KESALAHAN	
Seksyen 26: Menteri boleh meletak hak pada pegawai tertentu kuasa dan kewajipan	
<p>Menteri boleh, melalui perintah, meletak hak pada seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 3(2) Akta Kerja 1955 dan pada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan pegawai yang diberi kuasa yang dilantik di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] kesemua atau mana-mana kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah oleh Akta ini dan tiap-tiap kewajipan yang dilaksanakan sedemikian dan tiap-tiap kuasa yang dijalankan sedemikian hendaklah disifatkan telah dilaksanakan dan dijalankan bagi maksud Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri boleh meletakhakan semua atau mana-mana kuasa yang diberikan kepada Ketua Pengarah kepada: <ul style="list-style-type: none"> (a) pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 3(2) Akta Kerja 1955; (b) Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; dan (c) pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]. ● Kewajipan yang dilaksanakan oleh pegawai yang diberi kuasa tersebut disifatkan telah dilaksanakan bagi maksud Akta ini. <p>Rujukan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pegawai yang dilantik di bawah Seksyen 3(2) Akta Kerja 1955 P.U (B) 121 - Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; dan - Pegawai-pegawai yang dilantik di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].
Seksyen 26A: Kuasa untuk mengeluarkan arahan	
<p>Menteri boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud memastikan pematuhan kepada Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Menteri boleh mengeluarkan arahan yang difikirkan perlu bagi memastikan pematuhan Akta.
Seksyen 27: Kuasa Ketua Pengarah, dsb. untuk memeriksa, menyiasat dan untuk mengeluarkan saman	
<p>Sek.27(1) Ketua Pengarah, Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah hendaklah mempunyai kuasa pada setiap masa tanpa memerlukan notis terlebih dahulu—</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah, Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah mempunyai kuasa pada setiap masa tanpa perlu pemberitahuan awal untuk:

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(a) untuk memasuki dan memeriksa mana-mana tempat pekerjaan atau mana-mana bangunan yang dia percaya digunakan oleh seorang majikan bagi perumahan pekerja atau sebagai suatu pusat asuhan kanak-kanak atau sebagai suatu dewan komuniti;</p> <p>(b) untuk memasuki dan memeriksa mana-mana hospital estet, hospital estet kumpulan dan klinik di mana pekerja disediakan layanan, jagaan dan rawatan perubatan; dan</p> <p>(c) untuk membuat apa-apa siasatan atau penyiasatan sebagaimana yang difikirkannya perlu berhubung dengan apa-apa perkara dalam peruntukan Akta ini.</p>	<p>(a) memasuki dan memeriksa:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. mana-mana tempat pekerjaan; ii. mana-mana bangunan yang digunakan sebagai perumahan pekerja atau PAKK atau dewan komuniti. <p>(b) memasuki dan memeriksa:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. hospital estet; ii. hospital estet kumpulan; iii. klinik. <p>(c) bagi menjalankan siasatan berkaitan perkara di bawah Akta.</p>
<p>S.27(2) Dalam menjalankan sesuatu pemeriksaan di bawah Akta ini, Ketua Pengarah, Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah boleh—</p> <p>(a) mengemukakan soalan yang berhubung dengan perkara yang diliputi di bawah peruntukan Akta ini, sama ada secara persendirian atau di hadapan saksi, mengikut pilihan mereka, kepada pemunya atau penghuni tempat pekerjaan, atau wakilnya, kepada majikan bagi mana-mana pekerja yang diambil kerja di situ atau wakilnya, kepada mana-mana orang yang menjaga pekerja, kepada pekerja itu sendiri dan kepada mana-mana orang lain yang keterangannya difikirkannya perlu; dan kesemua orang itu adalah terikat</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah, Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah semasa pemeriksaan boleh: <p>(a) Mengemukakan soalan berhubung perkara di bawah Akta kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. pemilik atau penghuni tempat pekerjaan; ii. majikan; iii. orang yang menjaga pekerja; iv. pekerja-pekerja; atau v. mana-mana orang lain. <p>(b) Semua orang terikat untuk menjawab soalan dengan benar seberapa daya mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Menghendaki majikan mengemukakan kepadanya: <ol style="list-style-type: none"> i. semua atau mana-mana pekerja; ii. daftar dan dokumen berkaitan (termasuk kontrak perkhidmatan, daftar gaji dan lain-lain) ● Menghendaki majikan menjawab soalan-soalan berkaitan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>di sisi undang-undang untuk menjawab soalan itu dengan benar dengan seberapa daya mereka;</p> <p>(b) menghendaki majikan membawa ke hadapannya kesemua atau mana-mana pekerja yang diambil kerja olehnya bersama-sama dengan apa-apa rekod, daftar dan dokumen berhubung dengan perkara yang diliputi di bawah peruntukan Akta ini termasuk apa-apa kontrak perkhidmatan, buku akaun upah, daftar dan apa-apa dokumen lain berhubung dengan pekerja itu atau pekerjaan mereka dan menjawab apa-apa soalan berkenaan dengannya yang difikirkannya patut disoal;</p> <p>(c) menyalin atau membuat cabutan daripada apa-apa rekod, kontrak perkhidmatan, buku akaun upah, daftar dan apa-apa dokumen lain yang disebut dalam perenggan (b);</p> <p>(d) mengambil milikan apa-apa rekod, kontrak perkhidmatan, buku akaun upah, daftar dan apa-apa dokumen lain jika pada pendapatnya—</p> <p>(i) pemeriksaan, penyalinan atau pencabutan daripada rekod, kontrak perkhidmatan, buku akaun upah, daftar atau apa-apa dokumen lain tidak dapat dilakukan dengan munasabah tanpa mengambil milikannya;</p> <p>(ii) ia mungkin dipinda atau dimusnahkan melainkan jika dia mengambil milikannya; atau</p> <p>(iii) ia mungkin diperlukan sebagai keterangan dalam mana-mana</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Membuat salinan atau cabutan apa-apa rekod perkhidmatan, daftargaji dan apa-apa dokumen lain. ● Dalam keadaan berikut, daftar-daftar boleh diambil milik: <ul style="list-style-type: none"> (a) penyalinan tidak dapat dilakukan dengan munasabah; (b) ia mungkin dipinda dan dimusnahkan; atau (c) ia diperlukan sebagai keterangan di dalam prosiding. ● Mengambil sampel bekalan air bagi pemeriksaan dan analisis.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>prosiding undang-undang di bawah Akta ini; dan</p> <p>(e) mengambil sampel bekalan air bagi pemeriksaan dan analisis.</p>	
<p>S.27 (3) Berkenaan dengan kuasa untuk memeriksa, menyoal dan menyiasat yang disebut terdahulu, Ketua Pengarah boleh melalui saman dalam borang yang ditetapkan menghendaki mana-mana orang, yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai dapat memberikan apa-apa maklumat yang relevan dengan perkara yang dipersoalkan, untuk memberikan maklumat sedemikian, dan mana-mana orang yang disaman itu adalah terikat untuk hadir di hadapan Ketua Pengarah dan untuk menjawab dengan benar apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh Ketua Pengarah yang berhubungan dengan perkara itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Pengarah boleh menyaman mana-mana orang yang dapat memberikan apa-apa maklumat berkaitan. • Mana-mana orang yang disaman terikat untuk hadir dan menjawab dengan benar. <p>Rujukan Borang saman Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (R23)</p>
<p>S.27(4) Seksyen 82 dan 83 Akta Kerja 1995 hendaklah terpakai bagi penyampaian suatu saman yang dikeluarkan di bawah seksyen ini sebagaimana ia terpakai bagi suatu saman yang dikeluarkan di bawah Bahagian XV Akta itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur penyerahan saman hendaklah mengikut Seksyen 82 dan 83 Akta Kerja 1955. • Seksyen 25(2)(e), Menteri boleh menetapkan apa-apa bentuk saman. Berdasarkan Seksyen 34(2) di bawah Akta 446, saman yang dibuat melalui P.U. 391/1967 di bawah Akta No. 39 tahun 1966 Akta Pekerja (Standard-Standard Minimum Perumahan) 1966 masih boleh dipakai dengan pengubahsuaian.
Seksyen 28: Permulaan pendakwaan	
<p>Suatu pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya tidak boleh dimulakan kecuali oleh, atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Izin Pendakwa Raya adalah wajib bagi memulakan pendakwaan di bawah Akta ini.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Seksyen 28A: Pengkompaunan kesalahan	
<p>S.28A(1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan—</p> <p>(a) mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun;</p> <p>(b) kriteria bagi mengkompaun kesalahan itu; dan</p> <p>(c) kaedah dan tatacara bagi mengkompaun kesalahan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan dengan kelulusan Pendakwa Raya bagi menetapkan perkara berhubung kompaun seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun; (b) kriteria bagi mengkompaun; dan (c) kaedah dan tatacara. <p>Peraturan berkaitan</p> <p>Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pengkompaunan Kesalahan) 2021 P.U (A) 82.</p>
<p>S.28A(2) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, pada bila-bila masa sebelum pertuduhan dimulakan, mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Ketua Pengarah suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kompaun yang ditawarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen ini perlu: <ul style="list-style-type: none"> (a) izin bertulis Pendakwa Raya; (b) meliputi kesalahan yang boleh dikompaun (rujuk Jadual Pertama di bawah Peraturan P.U (A) 82); (c) tawaran kompaun secara bertulis; (d) amaun kompaun tidak melebihi 50% daripada amaun denda maksimum; (e) tempoh tawaran kompaun.
<p>S.28A(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tiada tawaran kompaun boleh diberi selepas pendakwaan telah dimulakan bagi kesalahan tersebut.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.	
<p>S.28A(4) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Amaun kompaun perlu dibayar dalam tempoh tawaran; ● Ketua Pengarah boleh melanjutkan tempoh tawaran kompaun; ● Pendakwaan boleh dimulakan jika amaun kompaun tidak dibayar dalam tempoh tawaran (termasuk sebarang lanjutan tempoh tawaran).
<p>S.28A(5) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah seksyen ini—</p> <p>(a) tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat; dan</p> <p>(b) apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bagi kesalahan yang telah dikompaun dan telah dibayar: <ul style="list-style-type: none"> (a) tiada pendakwaan boleh dibuat; (b) dokumen-dokumen yang disita boleh dipulangkan.
<p>S.28A(6) Semua jumlah wang yang diterima oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Amaun bayaran kompaun yang diterima oleh Ketua Pengarah merupakan hasil Kerajaan.
Seksyen 28B: Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang	
Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa prosiding lain boleh diambil atau	<ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen ini memberi imuniti kepada Menteri, Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa di bawah

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Menteri, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diletak hak padanya kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 26 berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat yang sedemikian.</p>	<p>Seksyen 26 daripada tindakan perundangan (sivil dan jenayah).</p>
<p>Seksyen 29: Ketua Pengarah dan pegawai disifatkan sebagai pekhidmat awam</p>	
<p>Ketua Pengarah dan semua pegawai yang dinamakan dalam mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen 26 hendaklah apabila menjalankan fungsi yang diperuntukkan di bawah Akta ini disifatkan sebagai pekhidmat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574].</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Pengarah dan pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 26 merupakan penjawat awam bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574]. <p>Rujukan</p> <p>Kanun Keseksaan [Akta 574], Bab 10, Seksyen 172 - 190, Menghinakan kuasa yang sah di sisi undang-undang bagi penjawat awam (R24)</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Enggan memberi keterangan semasa rakaman percakapan dan ingkar perintah yang diberi oleh penjawat awam. - Menghalang tugas penjawat awam.
<p>Seksyen 29A: Kesalahan oleh syarikat, dsb.</p>	
<p>Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain, seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal syarikat,</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Seorang Pengarah, pegawai bertanggungjawab, pekongsi, pengurus, setiausaha yang seumpamanya boleh dituduh secara berasingan atau bersesama syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain. • Orang yang dituduh secara bersama atau berasingan tertakluk kepada hukuman yang sama kecuali didapati: <ul style="list-style-type: none"> (a) kesalahan dibuat diluar pengetahuannya; dan (b) kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan dan dia telah cuba menghalang perlakuan kesalahan tersebut.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu atau membantu dalam pengurusannya—</p> <p>(a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang itu; dan</p> <p>(b) jika syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—</p> <p>(i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; atau</p> <p>(ii) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.</p>	
Seksyen 30: Rayuan	
<p>S.30(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana majikan yang terkilan oleh mana-mana</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Seksyen ini membolehkan rayuan terhadap keputusan atau perintah Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai yang diberi

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>perintah atau keputusan yang dibuat di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya boleh, dalam masa tiga puluh hari dari perintah atau keputusan bertulis itu diterima olehnya, merayu kepada Menteri.</p>	<p>kuasa seperti berikut:</p> <p>(a) keputusan atau Perintah oleh pegawai yang diberi kuasa - rayuan kepada Ketua Pengarah</p> <p>(b) keputusan atau Perintah Ketua Pengarah (termasuk (a) di atas) - rayuan kepada Menteri</p>
<p>S.30(2) Sesuatu rayuan terhadap perintah atau keputusan seorang pegawai yang dilantik di bawah seksyen 26 tidak boleh dibawa kepada Menteri melainkan dan sehingga rayuan itu telah terlebih dahulu dibawa kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditetapkan dalam subseksyen (1).</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan perintah. ● Keputusan Menteri adalah muktamad (masih tertakluk kepada semakan kehakiman). <p>Nota: Apa-apa rayuan dalam bentuk bertulis boleh diterima kerana tiada kaedah khusus ditetapkan di dalam Akta.</p>
<p>S.30(3) Keputusan Menteri berkenaan dengan sesuatu rayuan di bawah seksyen ini adalah muktamad.</p>	
<p>Seksyen 31: Kegagalan mematuhi perintah di bawah seksyen 5, 8, 12, 15 atau 19</p>	
<p>Mana-mana majikan yang tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen 5, 8, 12, 15, atau 19 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan yang gagal mematuhi perintah yang dibuat di bawah seksyen-seksyen berikut melakukan suatu kesalahan: <ul style="list-style-type: none"> (a) Seksyen 5 - perintah menghendaki meroboh dan menggantikan, menukar atau membaiki atau menampung apa-apa kecacatan, bangunan (rumah pekerja, PAKK dan dewan komuniti) yang tidak mematuhi peruntukan Akta (substandard). (b) Seksyen 8 - perintah menghendaki meroboh dan menggantikan, menukar atau membaiki atau menampung apa-apa kecacatan, bangunan yang mengancam keselamatan dan kesihatan termasuk klinik dan hospital estet. (c) Seksyen 12 - perintah menghendaki membina dewan komuniti dan menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>(d) Seksyen 15 - perintah menghendaki membina dan menyenggara hospital estet.</p> <p>(e) Seksyen 19 - perintah menghendaki menubuh dan menyenggara klinik estet.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Hukuman <ul style="list-style-type: none"> - tidak melebihi RM50,000.00. - RM1,000.00 setiap hari bagi kesalahan berterusan.
Seksyen 32: Kegagalan mematuhi seksyen 20 atau 21	
<p>Mana-mana pengurus residen yang tidak mematuhi seksyen 20 atau mana-mana kehendak Pegawai Perubatan Kesihatan di bawah seksyen 21 melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya sebanyak satu ribu ringgit sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengurus residen yang gagal mematuhi kehendak Pegawai Perubatan Kesihatan di bawah seksyen melakukan suatu kesalahan: ● Pelanggaran (Seksyen 20): <ul style="list-style-type: none"> (a) mengasingkan pekerja yang disyaki menghidap penyakit berjangkit; (b) menahan (kuarantin) kontak rapat; (c) melapor kepada Pegawai Perubatan Kesihatan yang terdekat; dan (d) mengambil langkah pencegahan yang sesuai (selepas berunding dengan Pegawai Perubatan Kesihatan). ● Hukuman dan kesalahan oleh: <ul style="list-style-type: none"> (a) mana-mana orang (Seksyen 20(2)) <ul style="list-style-type: none"> i. tidak melebihi RM50,000.00 ii. RM1,000.00 setiap hari bagi kesalahan berterusan (b) pengurus residen (Seksyen 32) <ul style="list-style-type: none"> i. tidak melebihi RM10,000.00 ii. RM1,000.00 setiap hari bagi kesalahan berterusan ● Pelanggaran (Seksyen 21): <ul style="list-style-type: none"> (a) menyediakan tempat pengasingan bagi pekerja yang terlibat mengikut arahan Pegawai Perubatan Kesihatan. (b) majikan menyediakan dan menanggung persiapan bagi penyaraan dan rawatan di tempat pengasingan mengikut ketetapan Pegawai Perubatan Kesihatan. ● Hukuman dan kesalahan oleh: <ul style="list-style-type: none"> (a) pengurus residen (Seksyen 32) <ul style="list-style-type: none"> i. tidak melebihi RM10,000.00.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> ii. RM1,000.00 setiap hari bagi kesalahan berterusan. <p>(b) majikan (Seksyen 33 - Penalti Am)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. tidak melebihi RM50,000.00. ii. RM1,000.00 setiap hari bagi kesalahan berterusan.
Seksyen 33: Penalti am	
<p>Mana-mana majikan yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau yang gagal menjalankan mana-mana perintah yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan itu, dan jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata bagi kesalahan itu boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan didenda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Seksyen ini memperuntukkan penalti bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan penalti khusus di bawah seksyen berkenaan. ● Hukuman <ul style="list-style-type: none"> i. tidak melebihi RM50,000.00. ii. RM1,000.00 setiap hari bagi kesalahan berterusan.
BAHAGIAN VI	
PEMANSUHAN DAN KECUALIAN	
Seksyen 34: Pemansuhan dan kecualian berkenaan dengannya	
<p>S.34(1) Undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta ini dimansuhkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Rujuk Jadual Pemansuhan. <p>Rujukan Jadual Pemansuhan (R25)</p>
<p>S.34(2) Mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan dengan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan yang dibuat di bawah undang-undang yang dimansuhkan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan atau digantikan. <ul style="list-style-type: none"> - Workers (Minimum Standards Of Housing) (Summons) Regulations 1967 PU 391/1967.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>S.34(3) Menteri boleh, bila mana didapatinya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian sama ada bagi maksud mengatasi kesulitan atau disebabkan oleh lulusnya Akta ini, melalui perintah membuat ubah suaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana peraturan-peraturan dalam subseksyen (2) sebagaimana yang difikirkannya patut.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Peruntukan ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat Perintah bagi pengubahsuaian kepada mana-mana peruntukan dalam peraturan bagi melancarkan pelaksanaan peruntukan Akta.

HANDBOOK PEGAWAI JKSM
AKTA STANDARD-STANDARD MINIMUM
PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD-STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 [P.U.(A) 411] BERKUATKUASA PADA 1 DISEMBER 1990	
BAHAGIAN I	
PERMULAAN	
Nama dan mula berkuatkuasa	
1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1990.	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini menetapkan kehendak minimum untuk kediaman tetap dan sementara. ● Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 1990.
Tafsiran	
2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain — "jalan" ertinya suatu laluan, sama ada daripada permukaan tanah atau permukaan jalan yang berturap yang digunakan oleh kenderaan-kenderaan empat roda; "kediaman" ertinya suatu bangunan yang digunakan bagi perumahan pekerja-pekerja; "pinggir sesuatu jalan", berhubungan dengan lebuh raya awam, ertinya sempadan jalan rizab.	<ul style="list-style-type: none"> ● Seperti dalam tafsiran. ● Jalan ertinya laluan yang sama ada berturap atau tidak dan digunakan oleh kenderaan empat roda. ● Kediaman bermaksud bangunan yang digunakan untuk perumahan pekerja. ● Pinggir sesuatu jalan: <ul style="list-style-type: none"> i. lebuh raya - pinggir rizab jalan. ii. jalan-jalan lain selain lebuh raya - pinggir jalan.
Kelulusan bagi kegunaan tetap atau sementara sesuatu kediaman	
3. (1) Ketua Pengarah boleh, atas permohonan yang dibuat kepadanya bagi maksud itu, meluluskan suatu kediaman sebagai suatu kediaman tetap atau sementara (kemudian daripada ini disebut "kediaman tetap" dan "kediaman sementara" mengikut susunannya masing-masing).	<ul style="list-style-type: none"> ● Di bawah peraturan ini, kediaman pekerja terbahagi kepada: <ul style="list-style-type: none"> (a) kediaman tetap keluarga. (b) kediaman sementara: <ul style="list-style-type: none"> - bujang; - keluarga. ● Tempoh kegunaan bangunan:

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN									
<p>(2) Tempoh kegunaan hendaklah —</p> <p>(a) berkenaan dengan suatu kediaman yang diluluskan sebagai suatu kediaman tetap, sehingga masa yang belum lagi ditetapkan; dan</p> <p>(b) berkenaan dengan suatu kediaman yang diluluskan sebagai suatu kediaman sementara, tidak lebih daripada tiga tahun pada mulanya dan selepas daripada itu bagi apa-apa tempoh yang dilanjutkan (tidak melebihi dua belas bulan pada bila-bila satu masa) sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.</p>	<p>(a) kediaman tetap keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> - tiada tempoh tamat. <p>(b) kediaman sementara</p> <ul style="list-style-type: none"> - tidak lebih tiga tahun. - tempoh lanjutan tidak lebih 12 bulan bagi setiap permohonan lanjutan. 									
BAHAGIAN II										
KEDIAMAN TETAP										
Pemakaian										
<p>4. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai hanya bagi kediaman-kediaman tetap dan ungkapan "kediaman" yang terkandung di dalamnya hendaklah ditafsirkan sewajarnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bahagian II peraturan ini hanya terpakai kepada kediaman tetap (rumah keluarga). 									
Kehendak-kehendak am										
<p>5. (1) Tiap-tiap kediaman hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan berikut:</p> <p>(a) maka hendaklah ada suatu ruang lantai bertutup yang tidak kurang daripada 27 m.p. luasnya, yang mana tidak kurang daripada 24 m.p. hendaklah bertutup sepenuhnya bagi maksud kediaman manusia, kawasan yang selebihnya itu hendaklah dijadikan beranda atau beranda-beranda kediaman tersebut;</p> <p>(b) maka hendaklah disediakan dalam lingkungan keluasan yang bertutup sepenuhnya itu tidak kurang daripada dua bilik tidur, satu bilik duduk dan ruang yang mencukupi bagi maksud-maksud ruang makan;</p> <p>(c) sebagai tambahan kepada ruang lantai yang bertutup yang disebut terdahulu, maka hendaklah juga disediakan satu</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ciri-ciri asas kediaman tetap: <table border="1" data-bbox="813 1344 1460 2027"> <thead> <tr> <th data-bbox="813 1344 1029 1433">Perkara</th> <th data-bbox="1029 1344 1197 1433">Ciri-ciri</th> <th data-bbox="1197 1344 1460 1433">Keluasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="813 1433 1029 1713">Ruang lantai bertutup (ruang lantai berbumbung termasuk beranda)</td> <td data-bbox="1029 1433 1197 1713">2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan dan beranda</td> <td data-bbox="1197 1433 1460 1713">27 m.p.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="813 1713 1029 2027">Ruang lantai bertutup sepenuhnya (ruang lantai berbumbung dan berinding)</td> <td data-bbox="1029 1713 1197 2027">2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan</td> <td data-bbox="1197 1713 1460 2027">24 m.p. - ukuran minima bagi 5 orang dewasa - tambahan 4 m.p. bagi tambahan</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Ciri-ciri	Keluasan	Ruang lantai bertutup (ruang lantai berbumbung termasuk beranda)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan dan beranda	27 m.p.	Ruang lantai bertutup sepenuhnya (ruang lantai berbumbung dan berinding)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan	24 m.p. - ukuran minima bagi 5 orang dewasa - tambahan 4 m.p. bagi tambahan
Perkara	Ciri-ciri	Keluasan								
Ruang lantai bertutup (ruang lantai berbumbung termasuk beranda)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan dan beranda	27 m.p.								
Ruang lantai bertutup sepenuhnya (ruang lantai berbumbung dan berinding)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan	24 m.p. - ukuran minima bagi 5 orang dewasa - tambahan 4 m.p. bagi tambahan								

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN		
<p>dapur, kemudahan-kemudahan kebersihan dan membasuh sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian ini.</p> <p>(2) Tiada apa-apa kediaman pun yang disebut terdahulu itu boleh didiami oleh lebih daripada lima orang dewasa, melainkan jika terdapat tambahan kepada suatu kediaman yang bertutup sepenuhnya itu suatu keluasan seluas 4 m.p. bagi kediaman bagi tiap-tiap orang dewasa yang melebihi bilangan itu. Bagi maksud subperaturan ini, dua orang kanak-kanak yang berumur lebih daripada tiga tahun tetapi di bawah umur dua belas tahun hendaklah disifatkan sebagai seorang dewasa.</p>	tidak termasuk beranda)		setiap orang dewasa
	Tambahan ruang lantai bertutup (berbumbung dan berinding)	Dapur, bilik mandi dan tandas	Dapur - Peraturan 16 Bilik mandi dan tandas - Peraturan 17, 18 dan 19
	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi maksud peraturan ini, 2 orang kanak-kanak yang berumur lebih 3 tahun tetapi kurang 12 tahun dianggap seorang dewasa. <ul style="list-style-type: none"> - kanak-kanak di bawah umur 3 tahun tidak dianggap sebagai penghuni di bawah peraturan ini. 		
Jarak kediaman daripada jalan			
6. Tiada kediaman pun boleh terletak lebih dekat daripada 6 meter daripada pinggir mana-mana jalan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kediaman tidak boleh terletak dekat dengan mana-mana pinggir jalan: <ul style="list-style-type: none"> (a) jalan biasa - tidak kurang enam meter dari pinggir jalan. (b) lebuh raya - tidak kurang enam meter dari sempadan pinggir rizab jalan. 		
Jarak di antara kediaman-kediaman atau blok kediaman			
7. Jarak di antara mana-mana kediaman atau blok kediaman dengan mana-mana kediaman lain atau blok kediaman hendaklah tidak kurang daripada— <ul style="list-style-type: none"> (a) 8 meter, dalam hal di mana pintu depan kediaman atau blok itu menghadap antara satu sama lain; dan (b) 6 meter dalam mana-mana hal lain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Jarak antara kediaman atau blok kediaman tidak kurang: <ul style="list-style-type: none"> (a) pintu depan kediaman atau blok kediaman pintu depan menghadap pintu depan antara satu sama lain - lapan meter (b) dalam keadaan lain - enam meter (antara pintu belakang dengan pintu belakang atau sisi dinding dengan sisi dinding kediaman yang lain) 		
Bilangan kediaman dalam setiap blok			
8. Maka hendaklah terdapat tidak lebih daripada empat kediaman yang terkandung dalam suatu blok kediaman melainkan jika diberikuasa selainnya oleh Ketua Pengarah.	<ul style="list-style-type: none"> • Satu blok tidak melebihi empat unit. 		

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih daripada empat unit perlu dapat kelulusan Ketua Pengarah. <p>Walaupun berdasarkan Jadual (Peletahakan kuasa-kuasa P.U (B) 120) di bawah seksyen 26, tiada sekatan untuk pegawai yang diturunkan kuasa untuk melaksanakan fungsi ini, namun begitu secara pentadbiran kuasa ini hanya dilaksanakan oleh Ketua Pengarah.</p>
Saliran	
<p>9. Setiap kediaman atau blok kediaman hendaklah disediakan dengan saliran yang mencukupi bagi pembuangan air hujan atau air permukaan lain dengan cara parit permukaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Disediakan mencukupi: <ul style="list-style-type: none"> (a) saliran keliling di sekeliling setiap rumah atau blok kediaman; (b) saliran keluar. • Bagi tujuan membuang air hujan dan apa-apa air permukaan.
Lantai	
<p>10. Suatu kediaman hendaklah mempunyai sama ada—</p> <p>(a) suatu lantai konkrit yang dilepa dengan simen licin tidak kurang daripada 8 sentimeter tebal; atau</p> <p>(b) suatu lantai kayu timbul yang tidak kurang daripada 75 sentimeter dan tidak lebih daripada 137 sentimeter atas aras kawasan sekeliling dan ruang di bawahnya ditutup dengan dawai jaring kekisi dengan bukaan tidak lebih daripada 2 sentimeter garis pusat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jika lantai rumah: <ul style="list-style-type: none"> (a) lantai konkrit <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang lapan sentimeter tebal. (b) lantai kayu <ul style="list-style-type: none"> - aras ketinggian tidak kurang 75 sentimeter dan tidak lebih 137 sentimeter dari permukaan tanah. - ruang bawah ditutup dengan dawai jaring kekisi dengan bukaan tidak lebih dua sentimeter garis pusat (tujuan untuk menghalang binatang masuk).
Dinding-dinding	
<p>11. (1) Dinding-dinding luar suatu kediaman hendaklah mempunyai ketinggian tidak kurang daripada 3 meter daripada aras lantai hingga ke atas plat dinding dan bahagian bawah (tidak kurang daripada 25 sentimeter tinggi) dinding-dinding itu hendaklah, melainkan jika lantai itu adalah lantai kayu timbul di bawah peraturan 10 (b), dibuat daripada bata, konkrit atau lain-lain bahan tak telus, bahagian yang selebihnya merupakan apa-</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jika rumah berlantai konkrit: <ul style="list-style-type: none"> (a) ketinggian tidak kurang tiga meter dari aras lantai hingga ke atas plat dinding. (b) bahan binaan <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang 25 sentimeter dari aras lantai diperbuat daripada bata, konkrit atau lain-lain bahan kalis air. - selebihnya apa-apa bahan binaan yang tahan rintangan cuaca.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>apa bahan yang sesuai dan rintangan cuaca yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p> <p>(2) Jika dinding-dinding suatu kediaman adalah dibuat daripada bata, konkrit atau blok konkrit tuang siap, dinding-dinding itu hendaklah tidak kurang daripada 10 sentimeter tebal.</p> <p>(3) Dinding-dinding yang memisahkan kediaman hendaklah dilanjutkan hingga ke bumbung.</p> <p>(4) Dinding-dinding yang memisahkan bilik-bilik dalam suatu kediaman hendaklah dilanjutkan hingga ke siling.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika rumah berlantai kayu timbul: <ul style="list-style-type: none"> - peraturan tidak menggariskan bahan binaan untuk dinding, ia hendaklah sesuai dan rintangan cuaca yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah. ● Jika dinding bata atau konkrit atau blok konkrit: <ul style="list-style-type: none"> - ketebalan tidak kurang 10 sentimeter. ● Dinding yang memisahkan antara rumah hendaklah sampai ke bumbung. ● Dinding yang memisahkan bilik dalam rumah hendaklah sampai ke siling.
Saiz bilik-bilik tidur	
<p>12. (1) Setiap bilik tidur dalam suatu kediaman itu hendaklah mempunyai –</p> <p>(a) suatu keluasan tidak kurang daripada 8 m.p.; dan</p> <p>(b) suatu sisi yang tidak kurang daripada 2.5 meter.</p> <p>(2) Suatu pintu hendaklah disediakan di muka pintu tiap-tiap bilik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilik tidur: <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang lapan m.p. (b) ukuran mana-mana sisi <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang 2.5 meter. (c) pintu <ul style="list-style-type: none"> - disediakan bagi setiap bilik.
Bumbung dan siling	
<p>13. (1) Bumbung suatu kediaman hendaklah dibuat daripada bahan kalis air yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p> <p>(2) Maka hendaklah ada suatu siling bagi bumbung. Siling itu hendaklah dibuat daripada bahan yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bumbung <ul style="list-style-type: none"> (a) bahan binaan <ul style="list-style-type: none"> - jenis kalis air dan diterima oleh Ketua Pengarah. ● Siling <ul style="list-style-type: none"> (a) bahan binaan <ul style="list-style-type: none"> - yang sesuai (contoh: plaster siling) dan diterima oleh Ketua Pengarah (jenis asbestos tidak sesuai kerana boleh memudaratkan kesihatan). (b) meliputi keseluruhan bumbung termasuk cucur atap.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Cucur atap dan pengalihudaraan	
<p>14. (1) Setiap kediaman hendaklah disediakan dengan cucur atap yang hendaklah menganjur mendatar ke suatu jarak tidak kurang daripada 45 sentimeter daripada dinding luar.</p> <p>(2) Tiap-tiap bilik dalam suatu kediaman hendaklah bagi maksud pengalihudaraan mempunyai satu atau lebih bukaan-bukaan tingkap yang menghala keluar ke kawasan terbuka yang luasnya bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada keluasan lantai bilik itu.</p> <p>(3) Sebagai tambahan kepada bukaan-bukaan tingkap di bawah subperaturan (2), bilik itu hendaklah mempunyai bukaan-bukaan tetap yang tidak kurang daripada lima peratus daripada keluasan lantai dan sekurang-kurangnya setengah daripada bukaan-bukaan tetap itu hendaklah menghala keluar ke kawasan terbuka. Bukaan-bukaan tetap itu hendaklah—</p> <p>(a) ditempatkan sedekat-dekat yang praktik di bawah aras siling;</p> <p>(b) menahan daripada dimasuki air hujan; dan</p> <p>(c) menghalang pandangan terus ke dalam bilik itu pada apa-apa titik di bawah 2 meter daripada aras lantai kediaman itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Cucur atap <ul style="list-style-type: none"> (a) tidak kurang 45 sentimeter dari dinding luar. (b) bagi menghalang air hujan dan cahaya matahari terus ke dalam rumah. ● Bukaan pengalihudaraan bagi bilik: <ul style="list-style-type: none"> (a) bukaan tingkap <ul style="list-style-type: none"> i. luas tidak kurang 10% daripada luas bilik. ii. menghala ke ruang terbuka. (b) bukaan tetap <ul style="list-style-type: none"> i. luas tidak kurang 5% daripada luas bilik. ii. kedudukan: <ul style="list-style-type: none"> - menghala keluar ke ruang terbuka; - di bawah aras siling; - tidak kurang dari dua meter dari aras lantai; - menghalang air hujan masuk. <p>Nota: Bagi mengelakkan serangga masuk melalui bukaan tetap, disarankan bukaan tetap dipasang jejaring.</p>
Katil-katil dan almari-almari dalam setiap bilik tidur	
<p>15. Setiap bilik bagi suatu kediaman hendaklah disediakan dengan—</p> <p>(a) katil-katil yang mempunyai ruang tidak kurang daripada 1.7 m.p. bagi setiap orang dewasa; dan</p> <p>(b) suatu almari dengan tetingkat dengan keluasan permukaan minimum yang tidak kurang daripada 2.3 m.p..</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kelengkapan bilik tidur <ul style="list-style-type: none"> (a) katil <ul style="list-style-type: none"> - luas katil tidak kurang 1.7 m.p. bagi setiap orang dewasa. (b) almari <ul style="list-style-type: none"> - tetingkat. - luas permukaan (panjang X lebar) tidak kurang 2.3 m.p.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Dapur	
<p>16. Setiap kediaman hendaklah disediakan dengan suatu dapur yang hendaklah —</p> <p>(a) tidak kurang daripada 5 m.p. luasnya, dengan suatu sisi tidak kurang daripada 2 meter;</p> <p>(b) tidak kurang daripada 2.4 meter tinggi pada mana-mana titik;</p> <p>(c) bagi maksud pengaliharaan menyediakan bukaan-bukaan yang menghala keluar ke kawasan terbuka yang luasnya bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 20 peratus daripada keluasan lantai dapur (termasuk suatu keluasan yang bersamaan tetapi tidak kurang daripada 5 peratus daripada keluasan lantai itu adalah dalam bentuk bukaan-bukaan tetap);</p> <p>(d) dibina sedemikian rupa supaya asap tidak masuk ke kawasan kediaman;</p> <p>(e) disediakan dengan suatu pendiang yang mempunyai hud asap dan suatu corong asap dengan suatu garis pusat minimum 21 sentimeter atau suatu meja konkrit dan kompor gas atau minyak yang mempunyai tidak kurang daripada dua pembakar;</p> <p>(f) disediakan dengan suatu meja kerja yang kukuh dengan keluasan permukaan yang mencukupi;</p> <p>(g) disediakan dengan almari yang mempunyai jejaring penghalang lalat dengan tettingkat dengan keluasan permukaan minimum tidak kurang daripada 1.7 m.p.;</p> <p>(h) mengadakan lantai konkrit yang dilepa dengan simen licin yang dibuat supaya masuk ke dalam alur keluar yang menghala ke dalam parit atau apa-apa punca pembuangan lain;</p> <p>(i) disediakan dengan paip dan bekalan air paip yang mencukupi yang boleh diminum;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Dapur <ul style="list-style-type: none"> (a) ukuran <ul style="list-style-type: none"> i. luas tidak kurang lima m.p.; ii. sisi tidak kurang dua meter; iii. tinggi tidak kurang 2.4 meter dari lantai ke siling. (b) pengaliharaan <ul style="list-style-type: none"> i. keluasan bukaan menghala keluar - 20% (tidak kurang 5% daripadanya bukaan tetap) daripada keluasan lantai dapur; ii. Rumah yang disediakan pendiangan (tempat bakar) perlu memastikan susun atur supaya asap tidak masuk ke dalam kawasan kediaman. (c) tempat memasak disediakan <ul style="list-style-type: none"> i. samaada: <ul style="list-style-type: none"> - pendiang yang mempunyai hud asap dan corong asap; atau - meja konkrit dan kompor gas atau minyak dengan dua pembakar. <p>Nota: Corong asap - suatu garis pusat minimum 21 sentimeter.</p> <ul style="list-style-type: none"> (d) meja kerja <ul style="list-style-type: none"> - keluasan mencukupi. (e) almari <ul style="list-style-type: none"> i. keluasan permukaan 1.7 m.p.; ii. tettingkat; iii. dilengkapi jejaring penghalang lalat. (f) lantai konkrit <ul style="list-style-type: none"> - dilepa dengan simen licin menghala ke alur keluar. <p>Nota: Tujuan memudahkan air mengalir keluar</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(j) disediakan dengan sink; dan</p> <p>(k) disediakan dengan pintu di muka pintu yang menghala ke ruang hunian.</p>	<p>(g) air paip</p> <ul style="list-style-type: none"> - disediakan paip; - bekalan air paip mencukupi yang boleh diminum. <p>(h) singki</p> <ul style="list-style-type: none"> - disediakan singki. <p>(i) pintu</p> <ul style="list-style-type: none"> - disediakan antara dapur dan ruang tamu.
Bilik Mandi	
<p>17. (1) Suatu bilik mandi tidak kurang daripada 1.7 m.p. luasnya, dengan suatu Sisi tidak kurang daripada 1 meter hendaklah disediakan di dalam setiap kediaman.</p> <p>(2) Bekalan air ke bilik mandi itu hendaklah melalui paip.</p> <p>(3) Suatu bilik mandi hendaklah disediakan—</p> <p>(a) dengan suatu penakung air yang sesuai;</p> <p>(b) dengan suatu tangki simpanan air atas dengan muatan 270 ke 360 liter;</p> <p>(c) dengan lantai konkrit yang dilepa dengan simen yang dibuat supaya masuk ke dalam alur keluar yang menghala ke dalam parit atau apa-apa punca pembuangan lain;</p> <p>(d) dengan dinding-dinding untuk memastikan penyendirian yang mana 1.3 meter pertama dinding di atas aras tanah hendaklah dibuat daripada batu; dan</p> <p>(e) dengan bukaan-bukaan tetap yang menghala keluar ke kawasan terbuka yang keluasannya bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada keluasan lantai, bagi</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilik mandi <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang 1.7 m.p. (b) ukuran mana-mana sisi <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang satu meter. ● Bekalan air <ul style="list-style-type: none"> i. melalui paip; ii. disediakan penakung air (kolah); iii. tangki simpanan air atas (kapasiti 270 ke 360 liter). ● Lantai konkrit <ul style="list-style-type: none"> - dilepa dengan simen licin menghala ke alur keluar. <p>Nota: Tujuan memudahkan air mengalir keluar.</p> ● Dinding <ul style="list-style-type: none"> (a) bahan binaan <ul style="list-style-type: none"> - 1.3 meter pertama dari lantai hendaklah batu bata bagi penyendirian, selebihnya batu bata atau lain-lain bahan yang sesuai. ● Pengalihudaraan <ul style="list-style-type: none"> a) bukaan tetap <ul style="list-style-type: none"> - menghala keluar; - keluasan tidak kurang 10% dari luas lantai;

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>maksud pengalihudaraan, dan dibina sedemikian rupa untuk menghalang pandangan terus ke dalam bilik mandi dan untuk memastikan penyendirian.</p>	<ul style="list-style-type: none"> - kedudukan terletak di ketinggian yang sesuai bagi menghalang pandangan terus.
Kemudahan-kemudahan kebersihan	
<p>18. (1) Bagi setiap kediaman hendaklah disediakan dengan suatu tandas dari jenis tangki septik (mengandungi air), sebagaimana yang diluluskan oleh seorang Pegawai Perubatan Kesihatan:</p> <p>Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, dalam mana-mana hal jika dia berpuashati bahawa penyediaan tandas dari jenis tangki septik (mengandungi air) adalah tidak praktik, membenarkan tandas-tandas jenis curah, korek atau lubang disediakan.</p> <p>(2) Jika tandas-tandas yang disediakan adalah daripada jenis tandas curah, tandas korek atau tandas lubang, hendaklah terdapat satu tempat duduk bagi tiap-tiap kediaman.</p> <p>(3) Peruntukan-peruntukan berikut hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan tandas-tandas dari jenis tangki Septik (mengandungi air), tandas curah, tandas korek atau tandas lubang mengikut mana-mana yang berkenaan:</p> <p>(a) tandas curah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) suatu tandas curah hendaklah tidak kurang daripada 3 meter dari, dan juga tidak boleh mempunyai laluan langsung ke dalam, kawasan kediaman atau dapur bagi mana-mana kediaman; (ii) tangki bagi mana-mana tandas curah hendaklah mempunyai keupayaan bekerja tidak kurang daripada 700 liter tambah 70 liter bagi tiap-tiap orang dewasa yang melebihi lima orang yang menggunakannya; dan (iii) rekabentuk dan pembinaan tiap-tiap tandas curah dan cara-cara pembuangan cecair keluar 	<ul style="list-style-type: none"> • Tandas <ul style="list-style-type: none"> (a) jenis tangki septik bagi setiap kediaman. <p>Nota: Mesti disediakan di dalam rumah dan dibaca bersama peraturan 5(1)(c) Akta ini.</p> (b) diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan. (c) pengecualian dari penyediaan jenis tangki septik: <ul style="list-style-type: none"> i. dalam keadaan tangki septik tidak praktik; ii. pengecualian diberi oleh Ketua Pengarah; iii. jenis-jenis yang dibenarkan: <ul style="list-style-type: none"> - tandas curah; - tandas korek; - tandas lubang. iv. setiap kediaman disediakan satu tempat duduk; v. spesifikasi tandas. <ul style="list-style-type: none"> (a) tandas curah (R26) <ul style="list-style-type: none"> i. terletak tidak kurang tiga meter dari Kawasan kediaman atau dapur. ii. tiada laluan langsung ke dalam kawasan kediaman atau dapur. iii. kapasiti tangki tidak kurang 700 liter dan tambahan 70 liter bagi setiap orang dewasa melebihi 5 orang. iv. reka bentuk, pembinaan dan cara pembuangan cecair hendaklah diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan;</p> <p>(b) tandas tangki septik (mengandungi air):</p> <p>(i) tiap-tiap jamban pam hendaklah disediakan dengan susunan yang diluluskan oleh seorang Pegawai Perubatan Kesihatan, bagi pembuangan dan pembuangan ke dalam suatu tangki septik atau apa-apa bentuk pembuangan kumbahan lain, dan bagi pembuangan keluar cecair; dan</p> <p>(ii) tangki septik hendaklah mempunyai keupayaan bekerja tidak kurang daripada 700 liter tambah 70 liter bagi tiap-tiap orang dewasa yang melebihi lima orang yang menggunakan jamban pam untuk pembuangan ke dalamnya;</p> <p>(c) tandas korek:</p> <p>(i) tapak bagi suatu tandas korek hendaklah tidak kurang daripada 15 meter dari mana-mana kediaman atau 46 meter dari mana-mana perigi, dan tidak di atas aras air mana-mana perigi itu;</p> <p>(ii) tiada tandas korek boleh kurang daripada 3 meter dalamnya dari aras alas kaki tandas cangkung. Garis pusat bagi suatu lubang bulat atau lebar suatu lubang segiempat bujur (segiempat tepat) hendaklah tidak melebihi 90 sentimeter. Panjang lubang segiempat bujur (segiempat tepat) hendaklah tidak melebihi 4 meter;</p> <p>(iii) lubang itu hendaklah dilapik dan hendaklah ditutup dengan alas kaki tandas cangkung konkrit bertetulang yang tebalnya mencukupi dan tidak kurang daripada 30 sentimeter lebih lebar daripada lebar lubang itu pada ras</p>	<p>(b) tandas tangki septik</p> <p>i. pembuangan dan pembuangan ke dalam tangki septik hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Perubatan Kesihatan.</p> <p>ii. kapasiti tangki tidak kurang 700 liter dan tambahan 70 liter bagi setiap orang dewasa melebihi lima orang.</p> <p>(c) tandas korek (R27)</p> <p>i. kedudukan tapak</p> <ul style="list-style-type: none"> - terletak tidak kurang 15 meter dari kediaman; - terletak tidak kurang 46 meter dari mana-mana perigi; dan - tidak di atas aras air mana-mana perigi. <p>ii. lubang tandas</p> <ul style="list-style-type: none"> - kedalaman tidak kurang tiga meter - saiz lubang: <ul style="list-style-type: none"> ➤ jenis lubang bulat: garis pusat tidak melebihi 90 sentimeter ➤ jenis lubang bujur: lebar tidak melebihi 90 sentimeter, panjang tidak melebihi empat meter - kapasiti lubang: <ul style="list-style-type: none"> ➤ apabila mencapai 60 sentimeter daripada permukaan dan lubang

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>tanah; alas kaki itu hendaklah menurun ke arah suatu lubang atau lubang-lubang yang setiap satunya berukuran 25 sentimeter x 11 sentimeter dan disediakan dengan tempat letak kaki timbul di setiap bahagian sisinya yang hendaklah digabungkan dengan alas kaki tandas cangkung itu.</p> <p>(iv) alas kaki tandas cangkung itu hendaklah dikelilingi di setiap bahagian sisinya dengan suatu lapis lindung konkrit tidak kurang daripada 60 sentimeter lebar dan menurun ke suatu talang konkrit yang muatannya mencukupi untuk menghalang lubang itu daripada melimpah; dan</p> <p>(v) bila kandungannya sampai ke 60 sentimeter daripada permukaan itu, lubang itu hendaklah ditimbus dengan memuaskan hati Pegawai Perubatan Kesihatan;</p> <p>(d) tandas lubang:</p> <p>(i) tapak bagi suatu tandas lubang hendaklah tidak kurang daripada 15 meter dari mana-mana kediaman atau 46 meter dari mana-mana perigi, dan tidak di atas aras air mana-mana perigi itu;</p> <p>(ii) tandas lubang hendaklah tidak kurang daripada 5.5 meter dalam atau hendaklah lebih dalam sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan dan garis pusat bagi mana-mana lubang itu hendaklah tidak kurang daripada 40 sentimeter atau lebih daripada 45 sentimeter;</p> <p>(iii) lubang itu hendaklah dilapik dan ditutup dengan alas kaki tandas cangkung konkrit bertetulang yang tebalnya mencukupi dan tidak kurang</p>	<p>tersebut hendaklah ditimbus.</p> <p>iii. permukaan tandas</p> <ul style="list-style-type: none"> - lubang tandas dilapik dan ditutup dengan alas kaki cangkung bertetulang konkrit. - tebal mencukupi. - lebar tidak kurang dari 30 sentimeter lebih lebar dari lubang tandas. - menurun ke arah lubang yang berukuran 25 sentimeter X 11 sentimeter. - disediakan dengan tempat letak kaki timbul. - permukaan sekeliling tandas hendaklah dikelilingi lapis lindung konkrit tidak kurang daripada 60 sentimeter dan menurun ke suatu talang konkrit bagi mengelakkan air di sekeliling masuk ke dalam lubang. <p>(d) tandas lubang (R28)</p> <p>i. kedudukan tapak</p> <ul style="list-style-type: none"> - terletak tidak kurang 15 meter dari kediaman; - terletak tidak kurang 46 meter dari mana-mana perigi; dan - tidak di atas aras air mana-mana perigi. <p>ii. lubang tandas</p> <ul style="list-style-type: none"> - kedalaman tidak kurang 5.5 meter atau lebih dalam seperti diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan. - saiz lubang: <ul style="list-style-type: none"> ➤ garis pusat tidak kurang 40 sentimeter atau tidak lebih dari 45 sentimeter.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>daripada 30 sentimeter lebih lebar daripada lebar lubang itu pada aras tanah; alas kaki itu hendaklah menurun ke arah suatu lubang atau lubang-lubang yang setiap satunya berukuran adalah 25 sentimeter x 11 sentimeter dan disediakan dengan tempat letak kaki timbul di setiap bahagian sisinya yang hendaklah digabungkan dengan alas kaki tandas cangkung; dan</p> <p>(iv) alas kaki tandas cangkung itu hendaklah dikelilingi di setiap bahagian sisinya dengan suatu lapis lindung konkrit tidak kurang daripada 60 sentimeter lebar dan menurun ke suatu talang konkrit yang muatannya mencukupi untuk menghalang lubang itu daripada melimpah.</p>	<p>iii. permukaan tandas</p> <ul style="list-style-type: none"> - lubang tandas dilapik dan ditutup dengan alas kaki cangkung bertetulang konkrit. - tebal mencukupi. - lebar tidak kurang dari 30 sentimeter lebih lebar dari lubang tandas. - menurun ke arah lubang yang berukuran 25 sentimeter X 11 sentimeter. - disediakan dengan tempat letak kaki timbul. - permukaan sekeliling tandas hendaklah dikelilingi lapis lindung konkrit tidak kurang daripada 60 sentimeter dan menurun ke suatu talang konkrit bagi mengelakkan air di sekeliling masuk ke dalam lubang.
Gabungan bilik mandi dan tandas	
<p>19. Kedua-dua kemudahan bilik mandi dan tandas bagi mana-mana kediaman boleh disediakan dalam satu bilik bujang yang hendaklah tidak kurang daripada 2 m.p. luas lantai dengan suatu sisi tidak kurang daripada 1 meter.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika bilik mandi dan tandas disediakan bersekali dalam satu bilik, maka ukuran hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan tidak kurang dua m.p.; (b) setiap sisi tidak kurang satu meter.
Pencahayaan dan punca kuasa	
<p>20. Dalam tiap-tiap kediaman di mana bekalan elektrik disediakan maka hendaklah ada minimumnya enam punca pencahayaan dan dua punca kuasa, salah satunya hendaklah ditempatkan di dapur.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilangan lampu - minimum enam. ● Bilangan soket (plug) - minimum dua termasuk satu mesti di dapur. ● Kehendak ini tidak terpakai bagi kediaman yang telah diberi pengecualian oleh Ketua Pengarah di bawah proviso kedua, seksyen 6(2) Akta.
Kediaman-kediaman hendaklah dicat	
<p>21. Tiap-tiap kediaman hendaklah dicat dalam dan di luar dengan cat warna terang supaya kelihatan menarik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Setiap kediaman hendaklah dicat: <ul style="list-style-type: none"> (a) luar dan dalam; (b) warna terang; dan (c) kelihatan menarik.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Berkongsi tempat tinggal dengan orang lain selain daripada anggota keluarga	
<p>22. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan peraturan 5(2), tiada kediaman yang didiami oleh pasangan suami-isteri atau oleh seorang pekerja dengan tanggungan-tanggungannya yang tinggal dengannya boleh digunakan bagi perumahan mana-mana orang lain selain daripada tanggungan-tanggungan pasangan suami isteri atau pekerja itu.</p> <p>(2) Jika suatu kediaman dikongsi dengan pekerja-pekerja bujang, maka hendaklah disediakan berkenaan dengan setiap pekerja itu suatu ruang bertutup sepenuhnya yang tidak kurang daripada 4 m.p., dan majikan itu hendaklah memberitahu Ketua Pengarah bahawa kediaman itu dikongsi.</p> <p>(3) Suatu kediaman tidak boleh dikongsi oleh pekerja-pekerja bujang yang berlainan jantina.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kediaman tidak boleh dikongsi dengan orang luar selain ahli keluarga jika: <ul style="list-style-type: none"> (a) didiami oleh pasangan suami isteri; (b) seorang pekerja dengan tanggungannya. <p>Nota: Tidak menjadi kesalahan sekiranya kediaman dikongsi oleh pekerja bujang yang tiada hubungan keluarga.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Jika kediaman dikongsi oleh pekerja bujang: <ul style="list-style-type: none"> (a) setiap pekerja hendaklah disediakan ruang bertutup sepenuhnya tidak kurang daripada empat m.p. <p>Contoh: Jika ruang bertutup sepenuhnya 24 m.p., ia boleh didiami oleh enam orang pekerja bujang. Jika kediaman ini diduduki oleh pekerja dengan tanggungannya, bilangan penghuni yang boleh mendiami ialah lima orang dewasa.</p> <ul style="list-style-type: none"> (b) pemberitahuan kepada Ketua Pengarah melalui notis oleh majikan. (c) tidak boleh dikongsi berlainan jantina.
BAHAGIAN III	
KEDIAMAN SEMENTARA	
Pemakaian	
<p>23. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai hanya bagi kediaman sementara dan ungkapan "kediaman" yang terkandung di dalamnya hendaklah ditafsirkan sewajarnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bahagian ini terpakai kepada kediaman sementara iaitu kediaman sementara bujang dan kediaman sementara keluarga.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN									
Kehendak-kehendak am										
<p>24. (1) Melainkan diperuntukkan selainnya dalam Bahagian ini, tiap-tiap kediaman hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan berikut:</p> <p>(a) maka hendaklah ada suatu ruang lantai bertutup tidak kurang daripada 26 m.p. luasnya, yang mana tidak kurang daripada 22 m.p. hendaklah bertutup sepenuhnya bagi kediaman manusia, kawasan yang selebihnya itu hendaklah dijadikan beranda atau beranda-beranda kediaman itu; dan</p> <p>(b) hendaklah ada kemudahan-kemudahan kebersihan dan membasuh dengan spesifikasi-spesifikasi yang diperuntukkan dalam Bahagian ini.</p> <p>(2) Bumbung suatu kediaman hendaklah daripada bahan kalis air yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ciri-ciri asas kediaman sementara (keluarga): <table border="1" data-bbox="813 488 1460 1305"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Ciri-ciri</th> <th>Keluasan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ruang lantai bertutup (ruang lantai berbumbung termasuk beranda)</td> <td>2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan dan beranda</td> <td>26 m.p.</td> </tr> <tr> <td>Ruang lantai bertutup sepenuhnya (ruang lantai berbumbung dan berinding tidak termasuk beranda)</td> <td>2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan</td> <td>22 m.p. - ukuran minimum bagi lima orang dewasa - tambahan empat m.p. bagi tambahan setiap orang dewasa</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> ● Kediaman sementara perlu disediakan kemudahan kebersihan dan membasuh mengikut spesifikasi yang ditetapkan. ● Bumbung <ul style="list-style-type: none"> (a) bahan binaan <ul style="list-style-type: none"> - jenis kalis air dan diterima oleh Ketua Pengarah. 	Perkara	Ciri-ciri	Keluasan	Ruang lantai bertutup (ruang lantai berbumbung termasuk beranda)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan dan beranda	26 m.p.	Ruang lantai bertutup sepenuhnya (ruang lantai berbumbung dan berinding tidak termasuk beranda)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan	22 m.p. - ukuran minimum bagi lima orang dewasa - tambahan empat m.p. bagi tambahan setiap orang dewasa
Perkara	Ciri-ciri	Keluasan								
Ruang lantai bertutup (ruang lantai berbumbung termasuk beranda)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan dan beranda	26 m.p.								
Ruang lantai bertutup sepenuhnya (ruang lantai berbumbung dan berinding tidak termasuk beranda)	2 bilik tidur, 1 ruang rehat dan makan	22 m.p. - ukuran minimum bagi lima orang dewasa - tambahan empat m.p. bagi tambahan setiap orang dewasa								
Bilangan kediaman dalam setiap blok										
<p>25. Maka hendaklah terdapat tidak lebih daripada sepuluh dalam suatu blok kediaman melainkan dibenarkan selainnya oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Satu blok tidak melebihi 10 unit. ● Lebih dari 10 unit perlu dapat kelulusan Ketua Pengarah. 									

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN									
Lantai dan dinding-dinding										
<p>26. (1) Suatu kediaman hendaklah mempunyai sama ada—</p> <p>(a) suatu lantai konkrit yang dilepa dengan simen yang hendaklah tidak kurang daripada 10 sentimeter atas aras tanah kawasan sekeliling; atau</p> <p>(b) suatu lantai kayu timbul yang hendaklah tidak kurang daripada 60 sentimeter daripada aras kawasan sekeliling dan ruang di bawahnya ditutup dengan dawai jaring kekisi dengan bukaan tidak lebih daripada 2 sentimeter garis pusat.</p> <p>(2) Dinding luar suatu kediaman hendaklah mempunyai ketinggian tidak kurang daripada 2.5 meter daripada aras lantai sehingga ke puncak plat dinding dan hendaklah dibuat daripada bahan rintangan cuaca yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p> <p>(3) Dinding-dinding yang memisahkan kediaman-kediaman hendaklah dilanjutkan hingga ke bumbung dan bilik-bilik yang dipisahkan di dalam suatu kediaman hendaklah dilanjutkan hingga ke suatu ketinggian tidak kurang daripada 2.2 meter.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika lantai rumah: <ul style="list-style-type: none"> (a) lantai konkrit <ul style="list-style-type: none"> i. dilepa dengan simen; ii. aras ketinggian tidak kurang 10 sentimeter dari aras tanah. (b) lantai kayu timbul <ul style="list-style-type: none"> i. aras ketinggian tidak kurang 60 sentimeter. ii. ruang bawah ditutup dengan dawai jaring kekisi dengan bukaan tidak lebih dua sentimeter garis pusat (tujuan untuk menghalang binatang masuk). ● Dinding luar: <ul style="list-style-type: none"> (a) ketinggian tidak kurang 2.5 meter dari aras lantai hingga ke atas plat dinding. (b) bahan binaan yang tahan rintangan cuaca yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah. ● Dinding yang memisahkan antara rumah hendaklah sampai ke bumbung. ● Dinding yang memisahkan bilik dalam rumah hendaklah tidak kurang 2.2 meter. 									
Dapur										
<p>27. (1) Maka hendaklah ada berkenaan dengan suatu kediaman disediakan dengan suatu dapur:</p> <p>Dengan syarat bahawa jika suatu kediaman digunakan untuk menempatkan pekerja-pekerja bujang suatu dapur komunal boleh disediakan bagi suatu bilangan kediaman.</p> <p>(2) Suatu dapur yang disediakan berkenaan dengan suatu kediaman hendaklah—</p> <p>(a) tidak kurang daripada 4.5 m.p. luasnya dengan suatu sisi tidak kurang daripada 1.5 meter;</p> <p>(b) tidak kurang daripada 2.5 meter tinggi pada mana-mana titik;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Dapur <table border="1" data-bbox="794 1541 1487 2011"> <thead> <tr> <th data-bbox="794 1541 962 1776">Item</th> <th data-bbox="962 1541 1225 1776">Kediaman Sementara (Keluarga)</th> <th data-bbox="1225 1541 1487 1776">Kediaman Sementara (Bujang) - Dapur komunal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="794 1776 962 1883">Keluasan</td> <td data-bbox="962 1776 1225 1883">tidak kurang 4.5 m.p.</td> <td data-bbox="1225 1776 1487 1883">1 m.p. untuk seorang</td> </tr> <tr> <td data-bbox="794 1883 962 2011">Ukuran sisi</td> <td data-bbox="962 1883 1225 2011">tidak kurang 1.5 m.p</td> <td data-bbox="1225 1883 1487 2011">-</td> </tr> </tbody> </table>	Item	Kediaman Sementara (Keluarga)	Kediaman Sementara (Bujang) - Dapur komunal	Keluasan	tidak kurang 4.5 m.p.	1 m.p. untuk seorang	Ukuran sisi	tidak kurang 1.5 m.p	-
Item	Kediaman Sementara (Keluarga)	Kediaman Sementara (Bujang) - Dapur komunal								
Keluasan	tidak kurang 4.5 m.p.	1 m.p. untuk seorang								
Ukuran sisi	tidak kurang 1.5 m.p	-								

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN		
<p>(c) mempunyai pengalihudaraan dalam bentuk bukaan-bukaan yang menghala ke kawasan terbuka yang luasnya bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 20 peratus daripada keluasan lantai dapur (termasuk suatu keluasan yang bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 5 peratus daripada keluasan lantai dalam bentuk bukaan-bukaan tetap);</p> <p>(d) dibina sedemikian rupa supaya asap tidak masuk ke dalam kawasan kediaman;</p> <p>(e) menyediakan suatu pendingang yang mempunyai hud asap dan suatu corong asap yang mempunyai garis pusat minimum 21 sentimeter atau suatu meja konkrit dan kompor gas atau minyak yang mempunyai tidak kurang daripada dua pembakar;</p> <p>(f) menyediakan suatu meja kerja dan suatu jejaring penghalang lalat;</p> <p>(g) mengadakan tetingkat yang mempunyai permukaan minimum 1 m.p.; dan</p> <p>(h) menyediakan kemudahan saliran yang mencukupi.</p> <p>(3) Suatu dapur komunal yang disediakan berkenaan dengan suatu kediaman hendaklah-</p> <p>(a) mempunyai ruang tidak kurang daripada 1 m.p. berkenaan dengan setiap pekerja yang ditempatkan di kediaman itu;</p> <p>(b) tidak kurang daripada 2.5 meter tinggi pada mana-mana titik;</p> <p>(c) mempunyai pengalihudaraan dalam bentuk bukaan-bukaan yang menghala ke kawasan terbuka yang luasnya bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 20 peratus daripada keluasan lantai dapur (termasuk suatu keluasan yang bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 5 peratus daripada keluasan lantai dalam bentuk bukaan-bukaan tetap);</p>	Ketinggian	tidak kurang 2.5 m.p dari mana-mana titik	tidak kurang 2.5 m.p dari mana-mana titik
	Pengalihudaraan	keluasan bukaan menghala keluar - 20% (tidak kurang 5% daripadanya bukaan tetap) daripada keluasan lantai dapur.	keluasan bukaan menghala keluar - 20% (tidak kurang 5% daripadanya bukaan tetap) daripada keluasan lantai dapur.
	rumah yang disediakan pendingangan (tempat bakar) perlu memastikan susun atur supaya asap tidak masuk ke dalam kawasan kediaman.	rumah yang disediakan pendingangan (tempat bakar) perlu memastikan susun atur supaya asap tidak masuk ke dalam kawasan kediaman.	rumah yang disediakan pendingangan (tempat bakar) perlu memastikan susun atur supaya asap tidak masuk ke dalam kawasan kediaman.
	Tempat memasak disediakan	<p>Samaada:</p> <p>i. Pendingang yang mempunyai hud asap dan corong asap; atau</p> <p>ii. Meja konkrit dan kompor gas/minyak dengan dua pembakar</p> <p>Nota: Corong asap - suatu garis pusat minimum 21 sentimeter</p>	<p>Samaada:</p> <p>i. Pendingang yang mencukupi dengan hud asap dan corong asap; atau</p> <p>ii. Meja konkrit dan kompor gas/minyak dengan nisbah 1:3 orang</p>
	Meja dan almari	Disediakan: i. meja kerja	Disediakan: i. meja dan bangku mencukupi

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN	
<p>(d) dibina sedemikian rupa supaya asap tidak masuk ke dalam kawasan kediaman;</p> <p>(e) disediakan dengan suatu pendingang atau pendingang-pendingang yang mencukupi dan sesuai dengan hud asap dan corong-corong asap:</p> <p>Dengan syarat bahawa jika pekerja-pekerja memasak sendiri maka hendaklah disediakan suatu meja konkrit dan suatu kompor gas atau minyak bagi tiap-tiap tiga pekerja yang ditempatkan;</p> <p>(f) disediakan dengan meja, bangku, tetingkat dan jejaring penghalang lalat yang mencukupi; dan</p> <p>(g) disediakan dengan kemudahan saliran yang mencukupi.</p> <p>(4) Bumbung sesuatu dapur atau dapur komunal (sama ada berkenaan dengan suatu kediaman atau suatu bilangan kediaman) hendaklah dibuat daripada bahan kalis air dan rintangan api yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p>		<p>ii. almari tetingkat dengan jejaring penghalang lalat</p> <p>ii. almari tetingkat dengan jejaring penghalang lalat</p>
	Saliran	<p>Disediakan mencukupi bagi membolehkan aliran air keluar yang sempurna</p> <p>Disediakan mencukupi bagi membolehkan aliran air keluar yang sempurna</p>
<p>Nota: Mencukupi bermaksud bilangan peralatan yang disediakan bersesuaian dengan bilangan penghuni yang mendiami kediaman tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bumbung <ul style="list-style-type: none"> (a) bahan binaan <ul style="list-style-type: none"> - jenis kalis air dan rintangan api yang sesuai dan diterima oleh Ketua Pengarah. - bagi kediaman sementara (keluarga) dapur perlu disediakan bagi setiap kediaman tetapi tidak semestinya dalam kediaman. - bagi kediaman sementara (bujang), dapur komunal tidak semestinya dalam kediaman. Ia boleh disediakan berasingan dari kediaman untuk satu atau lebih kediaman. 		
Kemudahan-kemudahan membasuh		
<p>28. (1) Maka hendaklah disediakan berkenaan dengan setiap kediaman suatu bilik mandi dengan kemudahan-kemudahan membasuh:</p> <p>Dengan syarat bahawa jika suatu kediaman digunakan untuk menempatkan pekerja-pekerja bujang, suatu blok wuduk komunal bolehlah disediakan bagi suatu bilangan kediaman.</p> <p>(2) Suatu bilik mandi yang disediakan berkenaan dengan suatu kediaman hendaklah —</p> <p>(a) tidak kurang daripada 1.5 m.p. luasnya;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Setiap kediaman perlu disediakan satu bilik mandi dengan kemudahan membasuh. ● Ciri-ciri bilik mandi: <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan 1.5 m.p.; (b) lantai konkrit; (c) alur keluar air ke parit; (d) berdinging bagi memastikan penyendirian (privacy). ● Bagi pekerja bujang boleh disediakan wuduk komunal (bilik mandi dan ruang membasuh). ● Ciri-ciri bilik wuduk komunal: 	

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(b) mempunyai suatu lantai konkrit dengan suatu alir keluar menghala suatu parit atau lurang (lubang serap najis) atau lain-lain punca pembuangan; dan</p> <p>(c) mempunyai dinding-dinding untuk memastikan penyendirian.</p> <p>(3) Berhubungan dengan suatu blok wuduk komunal yang disebut terdahulu peruntukan-peruntukan berikut hendaklah terpakai:</p> <p>(a) ianya hendaklah tidak kurang daripada 7.6 meter ataupun lebih daripada 46 meter jauhnya daripada bangunan-bangunan yang dijadikan blok wuduk; dan</p> <p>(b) ianya hendaklah mempunyai satu ruang membasuh yang tidak kurang daripada 1.5 m.p. bagi tiap-tiap dua kediaman.</p>	<p>(a) keluasan bilik mandi 1.5 m.p. bagi setiap kediaman;</p> <p>(b) keluasan ruang membasuh tidak kurang 1.5 m.p. bagi setiap ruang kediaman;</p> <p>(c) lantai konkrit;</p> <p>(d) alur keluar air ke parit;</p> <p>(e) berdinging bagi memastikan penyendirian (privacy).</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Contoh wuduk komunal bagi 10 kediaman: <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan bilik mandi: 10 x 1.5 m.p. = 15 m.p. (b) keluasan bagi ruang membasuh: 10/2 x 1.5 m.p. = 5 m.p. (c) jumlah keluasan wuduk komunal: 15 m.p. + 5 m.p. = 20 m.p. <p>(Nota: Kedua-dua kemudahan ini boleh disediakan dalam bangunan yang sama atau secara berasingan di tempat kediaman tersebut).</p> ● Kedudukan blok wuduk komunal dari blok kediaman <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang dari 7.6 meter atau tidak lebih 46 meter.
Tandas	
<p>29. (1) Maka hendaklah disediakan berkenaan dengan suatu kediaman, suatu tandas:</p> <p>Dengan syarat bahawa jika suatu kediaman digunakan untuk menempatkan pekerja-pekerja bujang, suatu tandas komunal bolehlah disediakan bagi suatu bilangan kediaman.</p> <p>(2) Suatu tandas yang disediakan berkenaan dengan suatu kediaman hendaklah mempunyai suatu keluasan yang tidak kurang daripada 1.1 m.p.</p> <p>(3) Dalam hal suatu tandas komunal, maka hendaklah disediakan sekurang-kurangnya satu tempat duduk bagi tiap-tiap lima orang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Tandas <ul style="list-style-type: none"> (a) setiap kediaman perlu disediakan tandas. (b) bagi kediaman bujang, tandas komunal boleh disediakan bagi suatu bilangan kediaman. (c) keluasan satu tandas tidak kurang daripada 1.1 m.p. (d) tandas komunal, nisbah satu tempat duduk untuk lima orang (1:5). <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tandas komunal membawa maksud lebih dari satu tempat duduk dalam satu bangunan tandas dan untuk kegunaan sebilangan pengguna pekerja bujang. Walaupun peraturan tidak memperuntukan ukuran bagi setiap tempat duduk, keluasan satu tempat

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(4) Semua tandas yang disebut terdahulu hendaklah daripada jenis tandas curah, tandas tangki septik (mengandungi air), tandas korek atau tandas lubang menepati spesifikasi-spesifikasi yang diperuntukkan oleh peraturan 18 (3).</p>	<p>duduk hendaklah menggunakan asas keluasan tandas iaitu 1.1 m.p.</p> <ul style="list-style-type: none"> - jenis-jenis yang dibenarkan: <ul style="list-style-type: none"> ➤ tandas curah; ➤ tandas tangki septik; ➤ tandas korek; atau ➤ tandas lubang. - spesifikasi-spesifikasi jenis tandas seperti dalam Peraturan 18 (3).
<p>Pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu Bahagian II</p>	
<p>30. (1) Pekerja-pekerja bujang dan pekerja-pekerja yang tidak ditemani oleh keluarga-keluarga bolehlah disediakan dengan kediaman-kediaman yang menepati peruntukan-peruntukan berikut, iaitu, setiap kediaman hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengadakan berkenaan setiap pekerja suatu ruang bertutup sepenuhnya bagi kediaman tidak kurang daripada 4.5 m.p. luasnya; (b) mengadakan pelantar tempat tidur yang menyediakan suatu ruang tidak kurang daripada 1.7 m.p. bagi setiap pekerja; (c) mempunyai tettingkat yang mempunyai kawasan permukaan minimum tidak kurang daripada 2.5 m.p. bagi setiap kediaman; (d) mengadakan kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini; (e) suatu blok kediaman tidak boleh dikongsi oleh pekerja-pekerja bujang yang berlainan jantina. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Kediaman untuk pekerja bujang dan pekerja tidak ditemani keluarga boleh disediakan: <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan ruang tertutup sepenuhnya bagi setiap pekerja tidak kurang 4.5 m.p. (b) keluasan pelantar tempat tidur bagi setiap pekerja tidak kurang 1.7 m.p. (c) almari tettingkat bagi setiap pekerja tidak kurang daripada 2.5 m.p. (d) semua kemudahan di bawah Bahagian 3 terpakai kepada pekerja bujang. (e) setiap blok kediaman tidak boleh dikongsi berlainan jantina.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN																							
Kediaman bagi pekerja-pekerja bujang																								
<p>31. Peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan 5 (2), 6, 7, 9, 12, 14 dan 15 hendaklah terpakai bagi kediaman-kediaman di bawah Bahagian ini sebagaimana ianya terpakai bagi kediaman-kediaman di bawah Bahagian II dengan syarat bahawa peraturan-peraturan 5 (2), 12 dan 15 tidaklah terpakai bagi kediaman-kediaman untuk pekerja-pekerja bujang.</p>	<p>Peruntukan-peruntukan Bahagian II kediaman tetap yang terpakai kepada kediaman sementara:</p>																							
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="791 488 1157 656">Peraturan</th> <th data-bbox="1157 488 1326 656">Kediaman sementara (Keluarga)</th> <th data-bbox="1326 488 1485 656">Kediaman sementara (Bujang)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="791 656 1157 857"> 5(2) - tambahan keluasan 4 m.p. bagi setiap dewasa melebihi 5 orang </td> <td data-bbox="1157 656 1326 857" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 656 1485 857" style="text-align: center;">X</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 857 1157 1059"> 6 - jarak 6 m.p antara kediaman dengan pinggir jalan </td> <td data-bbox="1157 857 1326 1059" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 857 1485 1059" style="text-align: center;">/</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1059 1157 1462"> 7 - jarak antara kediaman dengan kediaman atau blok kediaman - 6 m.p antara mana-mana sisi - 8 m.p antara pintu depan ke pintu depan </td> <td data-bbox="1157 1059 1326 1462" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 1059 1485 1462" style="text-align: center;">/</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1462 1157 1641"> 9 - saliran bagi pembuangan air hujan dan air permukaan </td> <td data-bbox="1157 1462 1326 1641" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 1462 1485 1641" style="text-align: center;">/</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1641 1157 1742"> 12 - saiz setiap bilik tidur </td> <td data-bbox="1157 1641 1326 1742" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 1641 1485 1742" style="text-align: center;">X</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1742 1157 1888"> 14 - cucur atap - pengalihudaraan </td> <td data-bbox="1157 1742 1326 1888" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 1742 1485 1888" style="text-align: center;">/</td> </tr> <tr> <td data-bbox="791 1888 1157 1989"> 15 - katil dan almari </td> <td data-bbox="1157 1888 1326 1989" style="text-align: center;">/</td> <td data-bbox="1326 1888 1485 1989" style="text-align: center;">X</td> </tr> </tbody> </table>	Peraturan	Kediaman sementara (Keluarga)	Kediaman sementara (Bujang)	5(2) - tambahan keluasan 4 m.p. bagi setiap dewasa melebihi 5 orang	/	X	6 - jarak 6 m.p antara kediaman dengan pinggir jalan	/	/	7 - jarak antara kediaman dengan kediaman atau blok kediaman - 6 m.p antara mana-mana sisi - 8 m.p antara pintu depan ke pintu depan	/	/	9 - saliran bagi pembuangan air hujan dan air permukaan	/	/	12 - saiz setiap bilik tidur	/	X	14 - cucur atap - pengalihudaraan	/	/	15 - katil dan almari	/	X
Peraturan	Kediaman sementara (Keluarga)	Kediaman sementara (Bujang)																						
5(2) - tambahan keluasan 4 m.p. bagi setiap dewasa melebihi 5 orang	/	X																						
6 - jarak 6 m.p antara kediaman dengan pinggir jalan	/	/																						
7 - jarak antara kediaman dengan kediaman atau blok kediaman - 6 m.p antara mana-mana sisi - 8 m.p antara pintu depan ke pintu depan	/	/																						
9 - saliran bagi pembuangan air hujan dan air permukaan	/	/																						
12 - saiz setiap bilik tidur	/	X																						
14 - cucur atap - pengalihudaraan	/	/																						
15 - katil dan almari	/	X																						

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>Rujukan</p> <p>Garis Panduan Untuk Menyemak Pelan Bangunan Bagi Rumah Pekerja Tetap Di Bawah Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (R29)</p> <p>Garis Panduan Untuk Menyemak Pelan Bangunan Bagi Rumah Pekerja Sementara Untuk Ahli-Ahli Keluarga/Pekerja-Pekerja Bujang Di Bawah Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (R30)</p> <p>Ringkasan Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (R31)</p>
BAHAGIAN IV	
PROSEDUR BERHUBUNGAN DENGAN PENGEMUKAAN DAN KELULUSAN PELAN-PELAN	
Tafsiran	
<p>32. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—</p> <p>"pelan bangunan", berhubung dengan suatu bangunan baru ertinya suatu pelan yang dilukis dengan sempurnanya menggunakan dakwat—</p> <p>(a) menyatakan nama tempat kerja di mana bangunan itu akan dibina;</p> <p>(b) menyatakan nama majikan yang akan membina bangunan itu; dan</p> <p>(c) menerangkan detail-detail berhubung dengan struktur bangunan itu yang dinyatakan dalam pelan itu, yang diwakili oleh suatu skel minimum 1 hingga 100,</p> <p>dan berhubung dengan sesuatu bangunan yang hendak ditukar, suatu pelan yang dilukis dengan sempurnanya menggunakan dakwat—</p> <p>(i) pelan bangunan yang sedia ada dan tempat di mana ianya boleh didapati; dan</p> <p>(ii) butir-butir berhubung dengan penukaran;</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jenis pelan bangunan <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan baru; (b) bangunan diubahsuai. ● Detail-detail dalam pelan bangunan <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan baru <ul style="list-style-type: none"> i. dilukis dengan dakwat; ii. menyatakan nama tempat kerja; iii. menyatakan nama majikan; dan iv. menerangkan detail struktur bangunan dalam skel minimum 1:100 (detail termasuklah kerja-kerja elektrik, paip, kelengkapan perabot, katil). <p>(skel minimum bermaksud tidak boleh lebih dari 1:100).</p> <p>(b) Bangunan diubahsuai</p> <ul style="list-style-type: none"> i. dilukis dengan dakwat; ii. pelan bangunan sedia ada dan tempat lokasi bangunan tersebut (nama estet); dan iii. butir-butir berhubung dengan penukaran (semua perubahan dalam pelan perlu diwarnakan) (contohnya memasang siling, menaikkan dinding memisahkan bilik ke siling, menambah punca pencahayaan,

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>"pelan tapak" ertinya suatu pelan yang dilukis dengan sempurnanya menggunakan dakwat—</p> <p>(a) menyatakan nama tempat kerja di mana bangunan itu akan dibina;</p> <p>(b) menyatakan nama majikan yang akan membina suatu bangunan di atas tapak itu;</p> <p>(c) menerangkan detail-detail pelan itu, yang diwakili oleh suatu skel minimum 1 hingga 1000, kedudukan semua tandas, tempat membasuh, kilang, pejabat dan lain-lain bangunan yang sedia ada dan jalan-jalan yang terletak dalam jejari 183 meter dari bangunan yang dicadangkan; dan</p> <p>(d) menyatakan jarak-jarak di antara bangunan yang dicadangkan dan lain-lain bangunan dan jalan yang sedia ada yang dalam lingkungan 183 meter dari bangunan-bangunan yang dicadangkan itu, dan menunjukkan kedudukan baru dan sedia ada bagi lorong-lorong, jalanjalan, parit-parit permukaan air, paip-paip dan betung-betung bawah tanah dalam jejari 183 meter dari bangunan-bangunan yang dicadangkan itu.</p>	<p>punca kuasa, meluaskan kediaman dari dua unit menjadi satu unit).</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Detail pelan tapak: <ul style="list-style-type: none"> (a) dilukis menggunakan dakwat; (b) menyatakan nama tempat kerja di mana bangunan dibina; (c) menyatakan nama majikan; dan (d) menerangkan detail-detail kedudukan dalam jejari 183 meter dari bangunan yang dicadangkan dalam skel 1:1000: <ul style="list-style-type: none"> i. kedudukan semua tandas; ii. tempat membasuh; iii. kilang; iv. pejabat; v. jalan-jalan; dan vi. lain-lain bangunan sedia ada. (e) menyatakan: <ul style="list-style-type: none"> i. jarak-jarak antara bangunan yang dicadangkan dengan bangunan sedia ada; ii. jalan sedia ada dalam lingkungan 183 meter; iii. kedudukan baru dan sedia ada bagi lorong-lorong, jalan-jalan, parit-pit permukaan air, paip-paip dan betung-betung bawah tanah dalam jejari 183 meter.
Pengemukakan pelan-pelan	
<p>33. (1) Mana-mana pelan bangunan atau pelan tapak yang dikehendaki supaya dikemukakan bagi kelulusan Ketua Pengarah di bawah peruntukan-peruntukan Peraturah-peraturan ini hendaklah ditandatangani oleh majikan dan hendaklah dikemukakan dalam empat salinan.</p> <p>(2) Jika borang apa-apa pelan yang dikemukakan itu tidak teratur Ketua Pengarah hendaklah dengan serta-merta memulangkannya kepada pemohon itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelan bangunan dan tapak yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan, perlu: <ul style="list-style-type: none"> a) ditandatangani oleh majikan; dan b) dikemukakan dalam empat salinan. ● Jika tidak teratur Ketua Pengarah hendaklah memulangkan dengan serta merta kepada majikan. ● Bagi pelan tangki septik, ia perlu diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan (berdasarkan peraturan 18). Namun begitu, berdasarkan peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), ia juga perlu mendapat kelulusan pihak SPAN (Indah Water Konsortium (IWK)).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>Nota: Teratur bermaksud mengandungi butir-butir yang ditetapkan di bawah Peraturan 32 dan ditandatangani oleh majikan. Tiada kewajipan untuk ditandatangani oleh arkitek yang melukis pelan tersebut.</p>
Pelan tapak	
<p>34. (1) Ketua Pengarah hendaklah dengan seberapa segera yang praktik selepas menerima apa-apa pelan tapak di bawah peraturan 33, dan, jika dia mendapati bahawa pelan itu teratur berhubung dengan borang, mengemukakannya, bersama-sama dengan ulasannya, jika ada, kepada Pegawai Perubatan Kesihatan yang dalam masa dua bulan pelan itu dikemukakan kepadanya hendaklah, jika diluluskannya (dengan atau tanpa syarat), memulangkan tiga salinan pelan itu kepada Ketua Pengarah dan menyimpan satu salinan itu untuk failnya, atau menolaknya.</p> <p>(2) Berkenaan dengan apa-apa pelan yang diluluskan sedemikian itu, Ketua Pengarah hendaklah, selepas menandatangani balas salinan-salinan yang dipulangkan kepadanya, menghantar satu salinan itu kepada orang yang menyerahkan pelan itu untuk kelulusan, dan, berkenaan dengan apa-apa pelan yang ditolak, memulangkannya kepada orang yang mengemukakannya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses kelulusan pelan tapak: <ul style="list-style-type: none"> (a) terima permohonan di bawah peraturan 33. (b) jika teratur dengan seberapa segera praktik kemukakan kepada Pegawai Perubatan Kesihatan (dengan ulasan jika ada). (c) keputusan Pegawai Kesihatan hendaklah dalam masa dua bulan: <ul style="list-style-type: none"> i. jika lulus (dengan atau tanpa syarat): <ul style="list-style-type: none"> - memulangkan tiga salinan pelan kepada Ketua Pengarah dan menyimpan 1 salinan untuk rekod. (pelan-pelan yang diluluskan perlu ditandatangani oleh Pegawai Kesihatan). ii. jika tolak: <ul style="list-style-type: none"> - memulangkan 3 salinan pelan kepada Ketua Pengarah dan menyimpan 1 salinan untuk rekod. (d) keputusan Ketua Pengarah hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> i. jika telah diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan: <ul style="list-style-type: none"> - mengendors dengan menandatangani balas pelan-pelan tersebut dan menghantar satu salinan kepada majikan. ii. jika tidak diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan: <ul style="list-style-type: none"> - memulangkan pelan tersebut kepada majikan (boleh menyimpan 1 salinan untuk rekod). ● Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Perubatan Kesihatan pelan tapak bersama

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>pelan bangunan bagi membolehkan pengaturan kebersihan diluluskan bersama. Rujuk seksyen 7(2)(b) dibaca bersama peraturan 32(d).</p>
Pelan bangunan	
<p>35. (1) Apabila menerima apa-apa pelan bangunan yang dikemukakan kepadanya, Ketua Pengarah hendaklah sama ada meluluskannya (dengan atau tanpa syarat) dengan pengendorsan, atau menolaknya dan kemudian dengan sertamerta memulangkannya kepada orang yang mengemukakan pelan itu untuk kelulusan.</p> <p>(2) Berkenaan dengan apa-apa pelan yang diluluskan di bawah peraturan ini, Ketua Pengarah hendaklah selepas menandatangani balas salinan-salinan itu, memulangkan satu salinan pelan itu kepada orang yang mengemukakan pelan itu untuk kelulusan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses kelulusan pelan bangunan: <ul style="list-style-type: none"> (a) terima permohonan dibawah peraturan 33. (b) ketua Pengarah boleh meluluskan (dengan atau tanpa syarat) atau menolak. <p>Nota: Pematuhan kepada standard-standard minimum yang ditetapkan di bawah peraturan merupakan kriteria dalam meluluskan sesuatu pelan bangunan.</p> <ul style="list-style-type: none"> (c) jika diluluskan, membuat pengendorsan dengan menandatangani balas dan memulangkan 1 salinan pelan kepada majikan.
Orang-orang yang mengemukakan pelan hendaklah diberitahu mengenai keputusan Ketua Pengarah	
<p>36. Ketua Pengarah hendaklah dengan seberapa segera yang praktik selepas menerima apa-apa pelan yang dikemukakan kepadanya di bawah Bahagian ini, memberitahu orang yang mengemukakan pelan itu mengenai keputusannya itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Keputusan permohonan pelan hendaklah diberitahu dengan kadar sesegera mungkin yang praktik. <p>Nota: Undang-undang menetapkan kewajipan ini kepada Ketua Pengarah bagi mengelakkan penafian hak dan kebajikan pekerja yang terlibat dan juga implikasi berkait dengan perintah di bawah Seksyen 5 dan Seksyen 8 yang menghendaki majikan mematuhi perintah dalam masa yang ditetapkan. Disamping itu, kelewatan juga boleh memberi kesan kepada pembinaan rumah kerana majikan terikat dengan perancangan kewangan tahunan.</p>
Permulaan kerja berkenaan dengan pelan yang diluluskan dan perubahan, pindaan atau pembatalan pelan itu	
<p>37. (1) Jika sesuatu pelan telah diluluskan kerja membina bangunan berkenaan dengan pelan yang diluluskan itu hendaklah bermula tidak lewat daripada tiga bulan dari tarikh kelulusan dan kerja itu hendaklah disempurnakan masa yang dinyatakan dalam kelulusan itu:</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kerja - kerja pembinaan: <ul style="list-style-type: none"> (a) hendaklah bermula tidak lewat dari tiga bulan dari tarikh kelulusan (Ketua Pengarah boleh melanjutkan);

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh melanjutkan tempoh tiga bulan itu dan masa yang dinyatakan dalam kelulusan itu setakat apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut.</p> <p>(2) Ketua Pengarah boleh mengubah, meminda atau membatalkan sesuatu pelan yang diluluskan sebagaimana yang disebut terdahulu bagi apa-apa sebab yang difikirkannya patut.</p>	<p>(b) kerja pembinaan hendaklah disempurnakan dalam masa yang ditetapkan. Dalam menetapkan tempoh masa Ketua Pengarah boleh mengambil kira bilangan unit dan jenis rumah dibina contohnya 6 hingga 12 bulan. Ketua Pengarah boleh melanjutkan tempoh penyempurnaan bangunan.</p> <p>(c) Ketua Pengarah diberi kuasa untuk melanjutkan penangguhan permulaan kerja dan penyempurnaan bangunan. Peraturan tidak menetapkan tempoh masa dan bilangan penangguhan yang boleh diberi. Ketua Pengarah hendaklah memberi pelanjutan sebagaimana difikirkan patut.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Dalam meluluskan sesuatu pelan, Ketua Pengarah boleh meminda atau mengubah pelan. ● Ketua Pengarah juga boleh membatalkan pelan yang diluluskan.
Perakuan kelayakan	
<p>38. (1) Sebaik sahaja sesuatu bangunan siap disempurnakan, pemberitahuan dalam Borang 1 dalam Bahagian V Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah yang dengan seberapa segera yang praktik selepas menerima pemberitahuan itu—</p> <p>(a) memberi suatu perakuan kelayakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 2 yang terkandung dalam Bahagian V Peraturan-Peraturan ini atau, dengan hasrat untuk memberi suatu perakuan kelayakan seberapa segera yang boleh, suatu perakuan kelayakan sementara sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 3 Bahagian itu; atau</p> <p>(b) enggan untuk memberi apa-apa perakuan yang disebut terdahulu, melainkan jika apa-apa perubahan sebagaimana yang difikirkannya perlu dibuat kepada bangunan yang disebut terdahulu.</p> <p>(2) Ketua Pengarah tidak boleh dalam apa jua hal memberi suatu perakuan kelayakan selain daripada perakuan sementara melainkan dan sehingga dia telah memeriksa atau menyebabkan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses mengeluarkan Perakuan Kelayakan: <ul style="list-style-type: none"> (a) menerima Pemberitahuan Penyempurnaan Bangunan melalui Borang 1 daripada majikan. (Borang 1 hendaklah ditandatangani oleh majikan yang mengesahkan kerja-kerja telah siap mengikut pelan dan majikan mengambil tanggungjawab sepenuhnya berkaitan dengan bangunan tersebut). (b) Ketua Pengarah hendaklah selepas memeriksa atau menyebabkan bangunan itu diperiksa dan jika: <ul style="list-style-type: none"> - berpuas hati pembinaan bangunan mematuhi pelan yang diluluskan boleh mengeluarkan suatu perakuan kelayakan melalui Borang 2 atau Perakuan Kelayakan Sementara dalam Borang 3. (c) bagi kediaman sementara, perakuan hendaklah diberi dalam Borang 2 dan disyorkan pegawai menyatakan tempoh sah laku dalam perakuan berkenaan. ● Perakuan kelayakan sementara (Borang 3) boleh diberi dalam keadaan bangunan itu belum diperiksa

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>diperiksa bangunan itu dan telah berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini mengenai keperluan-keperluan minimum berkenaan dengan sesuatu kediaman telah dipatuhi.</p> <p>(3) Tiada bangunan di mana pelan-pelannya telah diluluskan di bawah Peraturan-Peraturan ini bolehlah sebaik sahaja disempurnakan didiami melainkan jika disempurnakan mana-mana satu daripada perakuan yang disebut dalam subperaturan (1) telah diberikan berkenaan dengan bangunan itu.</p>	<p>atau yang telah diperiksa tetapi terdapat beberapa peruntukan belum dipatuhi atau disempurnakan. (Contohnya: Bangunan telah siap tetapi bekalan elektrik atau air dalam proses).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Pengarah boleh enggan memberi perakuan melainkan majikan telah membuat perubahan sebagaimana yang diarahkan. • Bangunan yang telah disempurnakan tidak boleh didiami selagi perakuan kelayakan dalam Borang 2 atau perakuan kelayakan sementara dalam Borang 3 diberikan. <p>Rujukan</p> <p>Borang 1 - Pemberitahuan Penyempurnaan Bangunan (R32)</p> <p>Borang 2 - Perakuan Kelayakan (R33)</p> <p>Borang 3 - Perakuan Kelayakan Sementara (R34)</p>
<p>Pengecualian daripada pengemukakan pelan baru bagi pembinaan bangunan berdasarkan pelan yang diluluskan</p>	
<p>39. (1) Seseorang majikan yang berhasrat untuk membina bangunan tetap mungkin tidak perlu dikehendaki untuk mengemukakan apa-apa pelan bangunan kepada Ketua Pengarah sekiranya pelan bangunan itu adalah serupa dengan pelan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan bangunan lain melainkan Ketua Pengarah telah, selepas kelulusan itu, memberitahu majikan bahawa pelan itu tidak menepati peruntukan-peruntukan Akta ini atau Peraturan-Peraturan ini.</p> <p>(2) Seseorang majikan yang berhasrat untuk membina suatu bangunan yang disebut terdahulu hendaklah membuat suatu permohonan bagi maksud itu kepada Ketua Pengarah, mengemukakan bersama dengan permohonan itu suatu pelan tapak di mana bangunan itu dicadangkan hendak dibina.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan tidak perlu mengemukakan pelan bangunan kepada Ketua Pengarah jika bangunan tetap yang hendak dibina serupa dengan bangunan yang pelannya (pelan standard) telah diluluskan oleh Ketua Pengarah sebelum ini. <ul style="list-style-type: none"> - pelan standard yang telah diluluskan tidak lagi boleh digunakan sekiranya Ketua Pengarah memberitahu majikan bahawa pelan tersebut tidak lagi mematuhi peruntukan akta dan peraturan (jika akta dan peraturan dipinda). • Bagi majikan yang menggunakan pelan standard bagi membina bangunan tetap, perlu: <ol style="list-style-type: none"> i. membuat permohonan kepada Ketua Pengarah bagi tujuan tersebut; dan ii. mengemukakan empat salinan pelan tapak. <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Kaedah permohonan tertakluk kepada arahan semasa Ibu Pejabat.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	ii. Majikan perlu kemukakan empat salinan pelan standard bangunan bagi tujuan perolehi kelulusan membina.
Tempoh lanjutan bagi penggunaan kediaman sementara	
<p>40. Ketua Pengarah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat bagi maksud itu, selepas berunding dengan Pegawai Perubatan Kesihatan atau Jurutera Daerah atau kedua-duanya, sebagaimana yang difikirkannya perlu, memberi atau menolak suatu tempoh lanjutan bagi penggunaan sesuatu kediaman sementara. Kelulusan lanjutan itu hendaklah di dalam borang yang ditetapkan dalam Borang 4 yang terkandung dalam Bahagian V Peraturan-Peraturan ini. Pemberian atau penolakan itu hendaklah dibuat tidak lewat daripada dua bulan selepas permohonan itu dibuat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Lanjutan penggunaan bangunan sementara: <ul style="list-style-type: none"> (a) tempoh penggunaan bangunan sementara tidak melebihi tiga tahun (peraturan 3(2)(b)). (b) Ketua Pengarah boleh melanjutkan tempoh penggunaan pada bila-bila satu masa tidak melebihi 12 bulan. ● Proses pelanjutan tempoh penggunaan bangunan sementara: <ul style="list-style-type: none"> (a) atas permohonan majikan; (b) Ketua Pengarah mendapati bangunan tersebut disenggara dan berada dalam keadaan baik (jika perlu Ketua Pengarah boleh berunding dengan Pegawai Kesihatan atau Jurutera Daerah atau kedua-dua sekali); (c) Ketua Pengarah boleh menolak permohonan lanjutan jika bangunan tidak disenggara dengan baik atau keadaan tidak memuaskan; (d) kelulusan diberi dalam Borang 4 (kelulusan bagi penggunaan lanjutan bagi suatu bangunan sementara); (e) kelulusan atau penolakan hendaklah dibuat tidak lewat dari dua bulan dari tarikh permohonan dibuat. <p>Rujukan</p> <p>Borang 4 - Kelulusan Bagi Penggunaan Lanjutan Bagi Suatu Bangunan Sementara (R35)</p>
LAIN-LAIN PERKARA PENTING	
<ul style="list-style-type: none"> ● tiada halangan dalam Akta untuk majikan membina rumah bertingkat. ● jika mana-mana majikan selain estet ingin membina rumah pekerja di bawah akta ini di mana-mana tempat selain tempat pekerjaan di Majlis Perbandaran atau Majlis Bandaraya, Wilayah Persekutuan, tiada halangan untuk majikan membina rumah pekerja tersebut mengikut Akta. 	

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK) 1990 [P.U.(A) 413] BERKUATKUASA PADA 1 DISEMBER 1990	
Nama dan mula berkuatkuasa	
PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 25 Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah Seksyen 25(2)(a) dan (b).
1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1990.	<ul style="list-style-type: none"> ● Berkuat kuasa pada 1 Disember 1990 manakala pindaan pada 1 September 2020. ● Peraturan ini menetapkan kehendak minimum untuk bangunan, kelengkapan dan kakitangan minimum, jenis dan amaun susu, kelengkapan permainan dan program aktiviti permainan PAKK.
Pusat asuhan kanak-kanak hendaklah mematuhi kehendak-kehendak	
2. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 5 (2) Akta tiada majikan boleh menempatkan atau menyebabkan atau membenarkan untuk ditempatkan mana-mana tanggungan dalam mana-mana pusat asuhan kanak-kanak yang tidak mematuhi peruntukan Peraturan-Peraturan ini. (2) Selepas mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini tiada pusat asuhan kanak-kanak boleh didirikan melainkan jika pelan-pelan bagi bangunan dan tapak telah diluluskan oleh Ketua Pengarah. (3) Bagi maksud mendapatkan kelulusan sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 2 (2), Bahagian IV Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 hendaklah terpakai.	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan tidak boleh menempatkan mana-mana tanggungan pekerja dalam mana-mana PAKK yang tidak mematuhi peruntukan akta atau mana-mana peraturan di bawahnya. ● PAKK yang dibina sebelum berkuat kuasa peraturan ini boleh terus digunakan dengan syarat diubahsuai mematuhi peraturan. Nota: PAKK yang dibina sebelum berkuat kuasa peraturan ini boleh terus digunakan dengan syarat diberi kelonggaran oleh Ketua Pengarah untuk digunakan bagi tempoh tertentu. (rujuk seksyen 5(3)) ● Selepas berkuat kuasa peraturan ini, pembinaan PAKK perlu mendapatkan kelulusan pelan bangunan dan pelan tapak dari Ketua Pengarah. ● Prosedur kelulusan pelan PAKK: <ul style="list-style-type: none"> - sama seperti proses kelulusan pelan bangunan kediaman.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> ● Jenis pelan bangunan: <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan PAKK baru; (b) bangunan PAKK diubahsuai. ● Detail-detail dalam pelan bangunan <ul style="list-style-type: none"> (a) bangunan PAKK baru: <ul style="list-style-type: none"> i. dilukis dengan dakwat; ii. menyatakan nama tempat kerja; iii. menyatakan nama majikan; dan iv. menerangkan detail struktur bangunan dalam skel minimum 1:100 (detail termasuklah kerja-kerja elektrik, paip, kelengkapan perabot). <p>(skel minimum bermaksud tidak boleh lebih dari 1:100).</p> (b) bangunan PAKK diubahsuai: <ul style="list-style-type: none"> i. dilukis dengan dakwat; ii. pelan bangunan sedia ada dan tempat lokasi bangunan tersebut (nama estet); dan iii. butir-butir berhubung dengan penukaran (semua perubahan dalam pelan perlu diwarnakan) ● Detail pelan tapak PAKK: <ul style="list-style-type: none"> i. dilukis menggunakan dakwat; ii. menyatakan nama tempat kerja dimana bangunan dibina; iii. menyatakan nama majikan; dan iv. menerangkan detail-detail kedudukan dalam jejari 183 meter dari bangunan yang dicadangkan: <ul style="list-style-type: none"> - kedudukan semua tandas; - tempat membasuh; - kilang; - pejabat; - jalan-jalan; dan - lain-lain bangunan sedia ada. v. menyatakan: <ul style="list-style-type: none"> - jarak-jarak antara bangunan yang dicadangkan dengan bangunan sedia ada; - jalan sedia ada dalam lingkungan 183 meter;

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> - kedudukan baru dan sedia ada bagi lorong-lorong, jalan-jalan, parit-prit permukaan air, paip-paip dan betung-betung bawah tanah dalam jejari 183 meter. • Bagi pelan tangki septik PAKK, ia perlu diluluskan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan (berdasarkan peraturan 18). Namun begitu, berdasarkan peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), ia juga perlu mendapat kelulusan pihak SPAN (Indah Water Konsortium (IWK)).
Pusat asuhan kanak-kanak yang membahayakan kesihatan atau keselamatan	
<p>3. Peruntukan seksyen 8 Akta hendaklah terpakai bagi semua pusat asuhan kanak-kanak yang didapati oleh Ketua Pengarah berkemungkinan akan membahayakan kesihatan atau keselamatan mana-mana orang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya Ketua Pengarah mendapati mana-mana bangunan PAKK membahayakan kesihatan atau keselamatan, Ketua Pengarah boleh mengambil tindakan menurut Seksyen 8 seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) mendapatkan pandangan dari agensi teknikal sebelum tindakan lanjut diambil dengan mengarahkan pemeriksaan oleh: <ul style="list-style-type: none"> i. Pegawai Perubatan Kesihatan - Ancaman kesihatan; ii. Jurutera Daerah - Ancaman keselamatan. (b) menerima laporan pemeriksaan daripada agensi teknikal berkaitan hasil pemeriksaan dan syor berkaitan. (c) memberi sesalinan laporan kepada majikan untuk mendapatkan representasi berhubung hasil pemeriksaan dan syor yang dikemukakan. (d) mengeluarkan perintah kepada majikan menghendaki: <ul style="list-style-type: none"> - roboh dan ganti; atau - ubah atau membaiki; atau - menampung apa-apa kekurangan atau kecacatan; dan boleh - mengenakan syarat untuk mengosongkan bangunan jika perlu. - Jika ada rayuan, rujuk Seksyen 30.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Ruang lantai bertutup pusat asuhan kanak-kanak	
<p>4. (1) Suatu pusat asuhan kanak-kanak hendaklah mempunyai suatu ruang lantai yang bertutup tidak kurang daripada 25 m.p. dengan mana-mana sisi yang tidak kurang daripada 5 meter panjang.</p> <p>(2) Bagi maksud peraturan ini, beranda, dapur, bilik-bilik mandi dan tandas dan ruangan yang bertutupkan cucur atap bukanlah “ruang lantai yang bertutup”.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ukuran ruang lantai bertutup PAKK: <ul style="list-style-type: none"> (a) keluasan : tidak kurang 25 m.p. (b) sisi : tidak kurang 5 meter panjang. ● Ruang lantai bertutup bagi maksud peraturan ini tidak termasuk beranda, dapur, bilik-bilik mandi dan tandas dan cucur atap.
Beranda	
<p>5. Beranda tidak kurang daripada 1.5 meter lebarnya hendaklah disediakan di kedua-dua belah sisi terbuka yang selari dengan pusat asuhan kanak-kanak.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Beranda: kiri dan kanan. ● Lebar : tidak kurang 1.5 meter.
Ketinggian pusat asuhan kanak-kanak	
<p>6. Ketinggian pusat asuhan kanak-kanak dari aras lantai hingga ke plat dinding tidak boleh kurang daripada 2.8 meter.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketinggian PAKK: tidak kurang 2.8 meter dari aras lantai
Ruang lantai minimum bagi lebih daripada sepuluh orang tanggungan	
<p>7. Tiada pusat asuhan kanak-kanak boleh menempatkan lebih daripada sepuluh orang tanggungan melainkan jika terdapat apa-apa tambahan kepada pusat asuhan kanak-kanak itu suatu ruang lantai bertutup tidak kurang daripada 2.5 m.p. bagi menempatkan dan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi tiap-tiap tanggungan yang melebihi sepuluh orang tanggungan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bilangan kanak-kanak yang boleh ditempatkan di PAKK standard (ruang lantai bertutup 25 m.p.:10 orang). ● Bagi setiap tambahan seorang kanak-kanak perlu tambah 2.5 m.p. ruang lantai bertutup dan tambahan kemudahan-kemudahan.
Jarak pusat asuhan kanak-kanak dari jalan dan bangunan lain	
<p>8. (1) Tiada pusat asuhan kanak-kanak boleh terletak lebih dekat daripada 13 meter daripada pinggir mana-mana jalan atau mana-mana bangunan lain.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kedudukan bangunan PAKK: <ul style="list-style-type: none"> (a) dari pinggir mana-mana jalan atau mana-mana bangunan: tidak kurang dari 13 meter. (b) tidak terletak dalam rizab jalan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(2) Tiada pusat asuhan kanak-kanak boleh terletak dalam lingkungan suatu kawasan rizab jalan.</p> <p>(3) Bagi maksud peraturan ini "jalan" ertinya suatu laluan, sama ada daripada permukaan tanah atau permukaan jalan yang berturap, yang biasanya digunakan oleh kenderaan-kenderaan empat roda.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jalan ertinya laluan yang digunakan oleh kenderaan beroda empat.
Saliran	
<p>9. (1) Setiap pusat asuhan kanak-kanak hendaklah disediakan dengan saliran-saliran permukaan konkrit yang mencukupi bagi pembuangan air hujan atau air permukaan lain.</p> <p>(2) Saliran-saliran ini hendaklah ditutup dengan papak kokrit yang boleh alih di mana-mana tempat yang sering dilintasi oleh mana-mana orang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Perlu disediakan saliran di sekeliling bagi tujuan pembuangan air hujan dan air permukaan. ● Keseluruhan saliran perlu ditutup dengan <i>slab</i> konkrit
Lantai	
<p>10. Suatu pusat asuhan kanak-kanak hendaklah mempunyai sama ada—</p> <p>(a) suatu lantai konkrit atau bata tidak kurang daripada 8 sentimeter tebal mempunyai permukaan kemas licin yang tak boleh telap yang hendaklah tidak boleh kurang daripada 16 sentimeter dari aras kawasan sekeliling; atau</p> <p>(b) suatu lantai kayu yang timbul yang dibuat daripada papan tempaan berlidah dan beralur yang tidak kurang daripada 76 sentimeter tinggi dari aras kawasan sekeliling dan ruang di bawah ditutup dengan dawai jaring kekisi dengan bukaan tidak lebih daripada 2.0 sentimeter dalam garis pusat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Lantai PAKK hendaklah sama ada: <ul style="list-style-type: none"> (a) konkrit atau bata <ul style="list-style-type: none"> i. tidak kurang 8 sentimeter tebal; ii. permukaan kemas licin dan tidak telap; iii. ketinggian lantai dari aras permukaan tidak boleh kurang daripada 16 sentimeter. <p>Nota:</p> <p>Jumlah keseluruhan 16 cm.</p> <p>atau</p> <ul style="list-style-type: none"> (b) lantai kayu timbul <ul style="list-style-type: none"> i. diperbuat daripada papan berlidah dan beralur; ii. 76 sentimeter tinggi dari aras tanah; iii. ruang dibawah bertutup dengan dawai jaring dengan bukaan tidak lebih 2.0 sentimeter dalam garis pusat.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Bumbung dan siling	
<p>11. (1) Bumbung suatu pusat asuhan kanak-kanak hendaklah dibuat daripada bahan kalis air yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p> <p>(2) Maka hendaklah ada suatu siling bagi bumbung. Siling itu hendaklah diperbuat daripada bahan yang sesuai yang diterima oleh Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bumbung PAKK diperbuat dari bahan kalis air dan diterima oleh Ketua Pengarah. ● Bumbung hendaklah bersiling termasuk cucur atap.
Dinding	
<p>12 (1) Dinding-dinding suatu pusat asuhan kanak-kanak hendaklah dibuat daripada apa-apa bahan yang sesuai dan rintangan cuaca yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah dan hendaklah, kecuali dalam hal dinding-dinding yang bersebelahan dengan beranda, setinggi plat dinding.</p> <p>(2) Dinding-dinding yang bersempadan dengan beranda hendaklah dibina setinggi tidak kurang daripada 1.2 meter.</p> <p>(3) Suatu jerejak pelepar tidak lebih daripada 5 sentimeter jaraknya atau dinding tertebuk tidak kurang daripada 1.2 meter tinggi hendaklah disediakan di sepanjang pinggir sebelah luar beranda.</p> <p>(4) Suatu pintu yang boleh dikunci dengan kukuhnya hendaklah disediakan di jalan masuk ke pusat asuhan kanak-kanak.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Dinding PAKK: <ul style="list-style-type: none"> (a) bahan binaan: <ul style="list-style-type: none"> - yang sesuai dan rintangan cuaca dan yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah. (b) ketinggian plat dinding <ul style="list-style-type: none"> - sehingga plat dinding kecuali dinding bersebelahan beranda. (c) dinding sebelah beranda <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang 1.2 meter tinggi. (d) dinding sepanjang pinggir sebelah luar beranda <ul style="list-style-type: none"> - tidak kurang 1.2 meter tinggi; - dinding bertebuk atau jerak pelepar tidak lebih lima sentimeter jarak antara satu sama lain. ● Perlu disediakan pintu di jalan masuk ke PAKK.
Cucur atap	
<p>13. (1) Setiap pusat asuhan kanak-kanak hendaklah disediakan dengan cucur atap yang mengunjur kepada suatu jarak mendatar tidak kurang daripada 61 sentimeter dari pinggir sebelah luar beranda.</p> <p>(2) Jika suatu bahagian pusat asuhan kanak-kanak tidak disediakan dengan suatu beranda, cucur atap hendaklah mengunjur secara mendatar</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Cucur atap 61 sentimeter ukuran mendatar dari pinggir luar beranda. ● Cucur atap 46 sentimeter ukuran mendatar bagi bahagian selain dari pinggir beranda.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
kepada suatu jarak tidak kurang daripada 46 sentimeter dari dinding.	
Persediaan tempat tidur, almari-almari, bilik mandi dan tandas	
<p>14. Setiap pusat asuhan kanak-kanak hendaklah disediakan dengan yang berikut:</p> <p>(a) pelantar kayu tempat tidur yang boleh alih dengan kawasan permukaannya yang mencukupi yang tidak lebih daripada 10 sentimeter lebih tinggi dari lantai bagi tanggungan-tanggungan tidur atau berehat melainkan jika lantai itu adalah suatu lantai kayu timbul;</p> <p>(b) bilangan tilam-tilam dan bantal-bantal yang mencukupi;</p> <p>(c) bilangan cangkuk besi yang stabil dan spring-spring buaian yang mencukupi;</p> <p>(d) dua almari setiap satunya berukuran 1.5 meter lebar, 1 meter tinggi dan 0.35 meter dalam dengan setiap unit mengandungi 9 petak ruang yang sama ukurannya; dan</p> <p>(e) suatu bilik mandi berkembar yang dilengkapi dengan tangki simpanan air atas dan suatu jamban pam, pili air dan besin mencuci yang sesuai bagi tiap-tiap 10 orang tanggungan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelantar kayu tempat tidur (bagi lantai konkrit) <ul style="list-style-type: none"> (a) jenis boleh alih; (b) 10 sentimeter lebih tinggi dari lantai; (c) permukaan mencukupi untuk rehat dan tidur. ● Tilam dan bantal <ul style="list-style-type: none"> - mencukupi ● Buaian <ul style="list-style-type: none"> - cangkuk besi stabil; dan - spring-spring mencukupi. ● Almari <ul style="list-style-type: none"> (a) dua unit (b) ukuran setiap unit: <ul style="list-style-type: none"> i. 1.5 meter lebar; ii. Satu meter tinggi; iii. 0.35 meter dalam; iv. Sembilan petak ruang yang sama ukuran. ● Bilik mandi dan tandas <ul style="list-style-type: none"> (a) disediakan dalam PAKK; (b) tangki simpanan air atas; (c) jamban cangkung berpam (1:10) 1 kanak-kanak:10 jamban cangkung berpam; (d) pili air; (e) besin mencuci yang sesuai.
Dapur	
<p>15. Setiap pusat asuhan kanak-kanak hendaklah mempunyai dapur berkembar yang mempunyai pengalirudaraan yang baik yang dilengkapi dengan yang berikut:</p> <p>(a) sink yang dibuat daripada keluli tahan karat, tembikar, terazo atau aluminium dan suatu bekalan air paip yang sesuai untuk diminum;</p> <p>(b) meja kerja dengan lapisan tembikar, terazo, aluminium atau aras papan berlapis</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Dapur <ul style="list-style-type: none"> (a) disediakan dalam PAKK; (b) pengalirudaraan yang baik; (c) dilengkapi dengan: <ul style="list-style-type: none"> i. sink dengan air paip; ii. meja kerja dengan keluasan tidak kurang 1.2 m.p.; iii. almari makanan jejaring dengan keluasan tidak kurang 0.6 meter padu; iv. punca kuasa elektrik di mana praktikal;

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>yang kawasan permukaannya tidak boleh kurang daripada 1.2 m.p.;</p> <p>(c) almari makanan dengan jejaring penghalang lalat yang tidak kurang daripada 0.6 meter padu ruang simpanannya;</p> <p>(d) punca kuasa elektrik (di mana yang praktik);</p> <p>(e) dapur elektrik (di mana yang praktik), atau suatu dapur gas atau dapur minyak;</p> <p>(f) bilangan botol-botol susu, kole dan pinggan-pinggan yang mencukupi;</p> <p>(g) perkakas-perkakas keluli tahan karat atau aluminium daripada saiz yang mencukupi bagi memasak air dan mensterilkan botol-botol susu dan perkakas-perkakas minuman lain;</p> <p>(h) suatu pintu yang kukuh yang menghubungkannya dengan pusat asuhan kanak-kanak; dan</p> <p>(i) bukaan-bukaan yang menghala keluar ke kawasan terbuka yang luasnya adalah bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 20 peratus daripada keluasan lantai (termasuk suatu keluasan yang bersamaan dengan tetapi tidak kurang daripada 5 peratus daripada keluasan lantai tersebut dalam bentuk bukaan-bukaan tetap)</p>	<p>v. dapur elektrik/dapur gas atau dapur minyak;</p> <p>vi. bilangan botol susu, kole dan pinggan mencukupi;</p> <p>vii. perkakas untuk masak air/mensteril botol susu dan peralatan minum;</p> <p>viii. suatu pintu menghubungkan PAKK;</p> <p>ix. bukaan menghala keluar 20% daripada keluasan lantai di mana 5% darinya hendaklah bukaan tetap.</p>
Pusat asuhan kanak-kanak hendaklah dicat	
<p>16. Tiap-tiap pusat asuhan kanak-kanak hendaklah dicat (disebelah dalam dan luar kedua-duanya) supaya kelihatan menarik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● PAKK hendaklah dicat: <ul style="list-style-type: none"> (a) dalam dan luar; (b) kelihatan menarik.
Penyenggaraan pusat asuhan kanak-kanak	
<p>17. Tiap-tiap majikan hendaklah menyenggara pusat asuhan kanak-kanak supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyenggaraan PAKK <ul style="list-style-type: none"> - sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Bekalan susu	
<p>18. (1) Majikan hendaklah atas perbelanjaannya sendiri membekalkan susu dalam kuantiti dan kualiti yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pemakanan setiap tanggungan dalam pusat asuhan kanak-kanak itu.</p> <p>(2) Jenis dan amaun susu yang akan disediakan kepada setiap tanggungan di bawah peraturan ini hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.</p> <p>(3) Kualiti susu yang disediakan hendaklah diluluskan oleh seorang pengamal perubatan berdaftar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bekalan susu disediakan: <ul style="list-style-type: none"> (a) atas perbelanjaan majikan (percuma); (b) dalam kualiti dan kuantiti yang mencukupi; (c) jenis dan amaun susu mengikut jadual (Peraturan 18 (2)); (d) kualiti susu mengikut kelulusan pengamal perubatan berdaftar. <p>Rujukan</p> <p>Jadual - (Peraturan 18 (2)) Jenis Dan Amaun Susu Untuk Disediakan Kepada Kanak-Kanak Tanggungan Yang Ditempatkan Di Pusat Asuhan Kanak-Kanak (R36)</p>
Nisbah pengasuh kanak-kanak berbanding dengan kanak-kanak dan penyenggaraan rekod-rekod	
<p>19. (1) Bagi tiap-tiap 5 orang tanggungan atau kurang dalam pusat asuhan kanak-kanak maka hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang pengasuh kanak-kanak bagi maksud menjaga tanggungan-tanggungan itu.</p> <p>(2) Majikan hendaklah menyenggara di pusat asuhan kanak-kanak berkenaan dengan tiap-tiap tanggungan yang ditempatkan suatu rekod mengandungi butir-butir yang berikut—</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) nama tanggungan; (b) tarikh kelahiran; (c) nama ibubapa/penjaga tanggungan; (d) tarikh mula-mula dimasukkan ke pusat asuhan kanak-kanak; (e) tarikh keluar daripada pusat asuhan kanak-kanak dengan tetap; (f) daftar kehadiran menunjukkan tarikh kehadiran setiap tanggungan; (g) suatu rekod kesihatan tanggungan termasuklah tarikh pengimunan; dan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pengasuh <ul style="list-style-type: none"> - satu pengasuh : lima orang kanak-kanak (rujuk Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak)(Pindaan) 2020). <p>Contoh:</p> <p>1 pengasuh : 0 - 5 orang kanak-kanak</p> <p>2 pengasuh : 6 - 10 orang kanak-kanak</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Penyenggaraan rekod PAKK oleh majikan mengandungi maklumat seperti dalam peraturan 19(2)(a-h).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
(h) nama, umur, alamat dan nombor kad pengenalan setiap pengasuh kanak-kanak.	
Umur minimum dan kelayakan bagi seorang pengasuh kanak-kanak	
<p>20. (1) Seorang pengasuh kanak-kanak di pusat asuhan kanak-kanak tidak boleh berumur kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 55 tahun, dan hendaklah dilatih dalam penjagaan kanak-kanak atau mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam penjagaan kanak-kanak dan hendaklah sihat dari segi perubatan bagi pengajian.</p> <p>(2) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa peruntukan-peruntukan subperaturan (1) telah tidak dipatuhi dia boleh menghendaki majikan mengambil tindakan remedi yang sesuai.</p> <p>(3) Pengasuh kanak-kanak hendaklah pada setiap masa berhubung dengan ibubapa atau penjaga tanggungan dalam penjagaan mereka dan hendaklah berusaha untuk mendapatkan kesefahaman dan kerjasama mereka mengenai kesihatan kebersihan, pemakanan dan kelakuan seorang tanggungan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Umur dan kelayakan pengasuh <ul style="list-style-type: none"> (a) tidak kurang 18 tahun, tidak lebih 55 tahun; (b) telah dilatih dalam penjagaan kanak-kanak/berpengalaman; (c) sihat dari segi perubatan. ● Ketua Pengarah boleh mengarahkan tindakan pembetulan jika majikan tidak patuhi peruntukan subperaturan (1). ● Pengasuh bertanggungjawab untuk: <ul style="list-style-type: none"> (a) berhubung rapat dengan ibubapa; (b) berusaha mendapatkan kesefahaman dan kerjasama ibubapa mengenai kesihatan, kebersihan dan pemakanan dan kelakuan seseorang tanggungan di bawahnya.
Program aktiviti-aktiviti harian	
<p>21. Tiap-tiap majikan hendaklah menyediakan suatu program aktiviti-aktiviti harian yang memuaskannya hati Ketua Pengarah bagi tanggungan-tanggungan yang hendaklah-</p> <p>(a) dipermudahkan oleh pengasuh kanak-kanak atau mana-mana orang lain yang sesuai;</p> <p>(b) sesuai dengan umur dan hal keadaan tanggungan-tanggungan yang menghadiri pusat asuhan kanak-kanak;</p> <p>(c) memasukkan peluang-peluang bagi masa aktiviti di dalam atau di luar dan masa-masa rehat; dan</p> <p>(d) mengadakan peluang-peluang bagi kemajuan keseluruhan setiap tanggungan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Program dan aktiviti harian di PAKK: <ul style="list-style-type: none"> (a) majikan bertanggungjawab menyediakan program dan aktiviti harian di PAKK bagi pembangunan fizikal dan minda kanak-kanak. (b) aktiviti-aktiviti tersebut hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> i. dibimbing oleh pengasuh atau orang lain; ii. sesuai dengan umur dan hal keadaan kanak-kanak (keupayaan fizikal dan mental); iii. meliputi di dalam atau di luar PAKK dan masa rehat; iv. menyumbang kepada pembangunan kanak-kanak.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Alat permainan	
<p>22. (1) Dalam tiap-tiap pusat asuhan kanak-kanak hendaklah disediakan dan disenggarakan dalam keadaan yang baik alat permainan daripada jenis dan kuantiti dan kepelbagaian yang dianggap oleh Ketua Pengarah adalah mencukupi dan sesuai dalam hal mengadakan peluang-peluang bagi imaginasi, pengalaman, ciptaan, penyelarasan dan manipulasi dalam aktiviti permainan;</p> <p>(2) Perabot, kelengkapan perabot, pemasangan, alat permainan dan bahan-bahan yang tanggungan-tanggungan mempunyai akses hendaklah disenggarakan dalam keadaan yang selamat, suci dan bersih.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan perlu sediakan alat permainan di PAKK mengikut anggapan Ketua Pengarah yang mencukupi dan sesuai untuk pembangunan imaginasi, pengalaman, ciptaan, penyelarasan dan manipulasi kanak-kanak dan disediakan serta disenggara dalam keadaan baik. ● Kesemua perabot, kelengkapan, alat permainan dan semua barangan yang boleh dicapai oleh kanak-kanak disenggarakan dalam keadaan selamat, suci dan bersih.
Pemeriksaan oleh pengamal perubatan berdaftar	
<p>23. (1) Pusat asuhan kanak-kanak hendaklah diperiksa sekurang-kurang sekali dalam masa dua minggu oleh pengamal perubatan pengamal berdaftar yang hendaklah—</p> <p>(a) meneliti pengasuh kanak-kanak dan tiap-tiap tanggungan di dalamnya; dan</p> <p>(b) memeriksa susu yang disediakan kepada tanggungan-tanggungan di dalamnya.</p> <p>(2) Pengamal perubatan berdaftar hendaklah, jika difikirkannya patut merujuk tanggungan-tanggungan atau pengasuh kanak-kanak ke pusat kesihatan yang terdekat sekali bagi pengimunan terhadap apa-apa penyakit berjangkit.</p> <p>(3) Suatu buku hendaklah disimpan dan disenggara oleh majikan bagi maksud membolehkan pengamal perubatan berdaftar merekod—</p> <p>(a) tarikh-tarikh dan masa-masa penelitian dan pemeriksaan;</p> <p>(b) kesimpulan penelitian dan pemeriksaan; dan</p> <p>(c) syor-syor dan arahan-arahannya yang majikan adalah terikat untuk mematuhi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemeriksaan PAKK oleh Pengamal Perubatan Berdaftar: <ul style="list-style-type: none"> (a) sekurang-kurangnya sekali dalam dua minggu; (b) memeriksa pengasuh dan tiap-tiap tanggungan; dan (c) memeriksa susu yang disediakan kepada tanggungan. ● Pengamal perubatan boleh merujuk tanggungan-tanggungan atau pengasuh untuk imunisasi penyakit berjangkit ke pusat kesihatan terdekat jika difikirkan perlu. ● Majikan perlu menyimpan buku rekod untuk membolehkan pengamal perubatan merekod: <ul style="list-style-type: none"> (a) tarikh dan masa pemeriksaan; (b) hasil pemeriksaan; dan (c) syor dan arahan-arahan yang perlu dipatuhi oleh majikan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Takrif tanggungan	
<p>24. Dalam Peraturan-Peraturan ini, "tanggungan" ertinya seorang tanggungan di bawah umur empat tahun sebagaimana yang tersebut di dalam seksyen 10 Akta.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bagi maksud peraturan ini, tanggungan bermaksud seorang tanggungan pekerja di bawah umur empat tahun. <p>Rujukan</p> <p>Garis Panduan Untuk Menyemak Pelan Bangunan Bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak Di Bawah Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) 1990 (R37)</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK) (PINDAAN) 2020 [P.U.(A) 247]	
Nama dan permulaan kuat kuasa	
<p>1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) (Pindaan) 2020.</p> <p>(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2020.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah Seksyen 25(2)(a) dan (b). ● Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2020.
Pindaan peraturan 1	
<p>2. Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-Kanak) 1990 [P.U (A) 413/1990], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 1 dengan menggantikan perkataan "Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja" dengan perkataan "Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja"</p>	
Pindaan peraturan 19	
<p>3. Subperaturan 19(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "10" dengan perkataan "lima".</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat untuk meminda bilangan kanak-kanak dari 10 orang ke 5 orang.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (FI PEMROSESAN BAGI PERMOHONAN PERAKUAN PENGINAPAN) 2020 [P.U.(A) 248]	
Nama dan permulaan kuat kuasa	
<p>PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 24D(2) dan perenggan 25(2)(f) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]. Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 24D(2) dan 25(2)(f). ● Peraturan ini bertujuan menetapkan fi pemprosesan bagi permohonan perakuan penginapan.
<p>1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Fi Pemprosesan bagi permohonan Perakuan Penginapan) 2020.</p> <p>(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2020.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2020.
Fi pemprosesan	
<p>2. (1) Fi pemprosesan yang kena dibayar untuk suatu permohonan bagi Perakuan Penginapan di bawah subseksyen 24D(2) Akta adalah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual.</p> <p>(2) Fi pemprosesan yang telah dibayar menurut subperaturan (1) tidak boleh dibayar balik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jumlah fi yang dibayar untuk suatu permohonan perakuan penginapan di bawah Jadual [Subperaturan 2(1)] Fi Pemprosesan Bagi Permohonan Perakuan Penginapan. ● Fi pemprosesan yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan. ● Fi ditetapkan berdasarkan kapasiti penginapan adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> - penginapan <ul style="list-style-type: none"> i. tidak lebih 10 orang = RM100.00 ii. lebih 10 orang = RM300.00 - penginapan berpusat <ul style="list-style-type: none"> i. tidak lebih 500 orang = RM2,000.00 ii. lebih 500 orang = RM5,000.00

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
	<p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penentuan kepada kapasiti penginapan berdasarkan kepada keluasan ruang tidur/tandas/bilik mandi. - Fi yang ditetapkan berdasarkan kapasiti maksimum penginapan tanpa mengira bilangan pekerja yang dipohon. <p>Rujukan</p> <p>Jadual Peraturan P.U (A) 248 [Subperaturan 2(1)] Fi Pemprosesan Bagi Permohonan Perakuan Penginapan (R21)</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (KADAR SEWA ATAU CAJ MAKSIMUM BAGI PENGINAPAN) 2020 [P.U.(A) 249]	
Nama dan permulaan kuat kuasa	
PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 25(2)(ac) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 25(2)(ac). ● Peraturan ini bertujuan menetapkan kadar sewa atau caj maksimum bagi penginapan.
1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Kadar Sewa atau Caj Maksimum bagi Penginapan) 2020. (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2020.	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2020.
Kadar sewa atau caj maksimum bagi penginapan	
2. (1) Kadar sewa atau caj maksimum bagi penginapan yang boleh dipungut di bawah subseksyen 24G(1) Akta oleh seseorang majikan daripada seseorang pekerja ialah satu ratus ringgit. (2) Mana-mana majikan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Kadar sewa atau caj maksimum untuk penginapan ialah RM100.00 sebulan. <p>Nota: Seksyen 24G Akta ini membenarkan majikan memungut sewa melalui potongan gaji. Berdasarkan ini, majikan boleh membuat potongan dari gaji pekerja sebagaimana seksyen 24(2)(d) Akta Kerja 1955.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Sekiranya majikan gagal patuh: <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan dan hukuman di bawah Seksyen 33 Akta ini. - denda tidak melebihi RM50,000.00 dan RM1,000.00 bagi setiap hari kesalahan berterusan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PENGINAPAN DAN PENGINAPAN BERPUSAT) 2020 [P.U.(A) 250]	
Nama dan Permulaan Kuat Kuasa	
PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 25(2)(aa) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 25(2)(aa). ● Peraturan ini bertujuan menetapkan standard minimum dan kemudahan bagi penginapan pekerja yang disediakan oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat.
1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Penginapan dan Penginapan Berpusat) 2020. (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2020.	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini berkuat kuasa pada 1 September 2020.
Pemakaian	
2. Peraturan-peraturan ini terpakai bagi semua majikan dan penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan atau penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Bahagian IIIA Akta.	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemakaian peraturan di bawah Bahagian IIIA Akta: <ol style="list-style-type: none"> a) majikan; b) penyedia penginapan berpusat.
Kehendak minimum	
3. (1) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan penginapan atau penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut kehendak minimum untuk kelas bangunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual. (2) Mana-mana majikan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah mengikut kehendak minimum di bawah Jadual [Subperaturan 3(1)] Kehendak Minimum Untuk Kelas Bangunan. ● Sekiranya gagal patuh: <ol style="list-style-type: none"> (a) majikan <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan - Peraturan 3(2) - hukuman - Seksyen 33 (denda tidak melebihi RM50,000.00 dan RM1,000.00 bagi setiap hari kesalahan berterusan).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(3) Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p>	<p>(b) penyedia penginapan berpusat</p> <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan dan hukuman - Peraturan 3(3) (denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya). <p>Rujukan</p> <p>Jadual - [Subperaturan 3(1)] Kehendak Minimum Untuk Kelas Bangunan (R38)</p>
Kemudahan asas yang tidak boleh dikongsi	
<p>4. (1) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan penginapan atau penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan kemudahan asas yang tidak boleh dikongsi antara pekerja yang berikut—</p> <p>(a) Katil bujang dengan ukuran tidak kurang daripada 1.7 m.p., dan sekiranya katil dua tingkat disediakan, ruang antara dua katil hendaklah tidak kurang daripada 0.7 meter;</p> <p>(b) tilam dengan ketebalan minimum tidak kurang daripada 4 inci, bantal dan selimut; dan</p> <p>(c) almari yang berkunci yang tidak kurang daripada 0.35 meter panjang, 0.35 meter lebar dan 0.9 meter tinggi, untuk penyimpanan selamat barangan berharga pekerja termasuk passport yang boleh diakses oleh pekerja pada bila-bila masa.</p> <p>(2) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan sama ada katil bujang atau katil dua tingkat, dalam sesuatu</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan dan penyedia penginapan berpusat perlu menyediakan kemudahan asas berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) katil bujang atau katil 2 tingkat; (b) tilam tidak kurang 4 inci tebal, bantal dan selimut; (c) almari berkunci tidak kurang 0.35 meter panjang x 0.35 meter lebar x 0.9 meter tinggi. • Kemudahan di atas hendaklah disediakan kepada setiap pekerja dan tidak boleh dikongsi. • Jika katil bertingkat disediakan, ruang antara dua katil tidak kurang dari 0.7 meter • Almari adalah bertujuan untuk menyimpan barangan pekerja seperti passport dan boleh diakses oleh pekerja pada bila-bila masa dan almari adalah jenis yang kukuh. • Sekiranya gagal patuh: <ul style="list-style-type: none"> (a) majikan <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan - Peraturan 4(3) - hukuman - Seksyen 33 (denda tidak melebihi RM50,000.00 dan RM1,000.00 bagi setiap hari kesalahan berterusan). (b) penyedia penginapan berpusat <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan dan hukuman - Peraturan 4(4) (denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>penginapan atau penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p> <p>(3) Mana-mana majikan yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.</p> <p>(4) Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p>	
Saiz keluasan lantai bagi bilik tidur dan ruang tidur	
<p>5. (1) Bagi maksud suatu penginapan atau penginapan berpusat yang bukan berbentuk dormitori, mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan bilik tidur dengan keluasan lantai yang tidak kurang daripada 3.6 m.p. bagi setiap pekerja.</p> <p>(2) Bagi maksud suatu penginapan atau penginapan berpusat yang berbentuk dormitori, mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan ruang tidur dengan keluasan lantai yang tidak kurang daripada 3 m.p. bagi setiap pekerja.</p> <p>(3) Mana-mana majikan yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.</p> <p>(4) Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang melanggar subperaturan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Keluasan lantai bilik tidur dan ruang tidur bagi setiap pekerja: <ul style="list-style-type: none"> i. penginapan bentuk dormitori: <ul style="list-style-type: none"> - 3.0 m.p. setiap pekerja ii. penginapan bukan bentuk dormitori: <ul style="list-style-type: none"> - 3.6 m.p. setiap pekerja ● Sekiranya gagal patuh: <ul style="list-style-type: none"> (a) majikan <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan - Peraturan 5(3) - hukuman - Seksyen 33 (denda tidak melebihi RM50,000.00 dan RM1,000.00 bagi setiap hari kesalahan berterusan). (b) penyedia penginapan berpusat <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan dan hukuman - Peraturan 5(4) (denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Bekalan air dan bekalan elektrik	
<p>6. (1) Mana-mana majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah memastikan terdapatnya bekalan air dan bekalan elektrik dalam penginapan atau penginapan berpusat, mengikut mana-mana yang berkenaan.</p> <p>(2) Mana-mana majikan yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.</p> <p>(3) Mana-mana penyedia penginapan berpusat yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bekalan air dan elektrik perlu disediakan bagi penginapan. ● Sekiranya gagal patuh: <ul style="list-style-type: none"> (a) majikan <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan - Peraturan 6(2) - hukuman - Seksyen 33 (denda tidak melebihi RM50,000.00 dan RM1,000.00 bagi setiap hari kesalahan berterusan). (b) penyedia penginapan berpusat <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan dan hukuman - Peraturan 6(3) (denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya).

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PEKERJA YANG DIKEHENDAKI UNTUK DISEDIAKAN DENGAN PENGINAPAN) 2021 [P.U.(A) 81]	
Nama dan permulaan kuat kuasa	
<p>PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh perenggan 25(2)(ab) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 25(2)(ab). ● Peraturan ini bertujuan menetapkan kewajipan majikan untuk menyediakan penginapan kepada mana-mana kelas pekerja tertentu.
<p>1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pekerja yang Dikehendaki untuk Disediakan dengan Penginapan) 2021.</p> <p>(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 Februari 2021.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini berkuat kuasa pada 25 Februari 2021.
Pekerja yang dikehendaki untuk disediakan dengan penginapan	
<p>2. (1) Seseorang pekerja asing hendaklah dikehendaki untuk disediakan dengan penginapan di bawah Bahagian IIIA Akta.</p> <p>(2) Bagi maksud peraturan ini, “pekerja asing” ertinya seorang pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang dikeluarkan di bawah peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [F.L.N. 228/1963], tetapi tidak termasuk pekhidmat domestik.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Majikan diwajibkan menyediakan penginapan kepada pekerja asing yang digajikan. ● Pekerja asing bermaksud: <ul style="list-style-type: none"> - seorang pekerja asing yang memegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang dikeluarkan di bawah peraturan 11 Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [F.L.N. 228/1963], tetapi tidak termasuk pekerja domestik.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
PERATURAN-PERATURAN STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PENKOMPANUNAN KESALAHAN) 2021 [P.U.(A) 82]	
Nama dan permulaan kuat kuasa	
<p>PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 28A(1) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446], Menteri dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 28A(1). ● Peraturan ini menetapkan perkara berhubung kompaun <ul style="list-style-type: none"> - kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun; - kriteria bagi mengkompaun; dan - kaedah dan tatacara.
<p>1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Pengkompunan Kesalahan) 2021.</p> <p>(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 25 Februari 2021.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Peraturan ini berkuat kuasa pada 25 Februari 2021.
Kesalahan yang boleh dikompaun	
<p>2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.</p> <p>(2) Kesalahan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dikompaun dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kesalahan yang boleh dikompaun seperti disenaraikan dalam Jadual Pertama [Subperaturan 2(1)] iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. semua kesalahan di bawah Akta ii. semua kesalahan di bawah peraturan-peraturan di buat di bawah Akta <p>Rujukan</p> <p>Jadual Pertama - [Subperaturan 2(1)] Kesalahan Yang Boleh Dikompaun (R39)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Setiap kompaun yang dikeluarkan perlu mendapat keizinan Pendakwa Raya secara bertulis <p>Jadual Kedua - [Subperaturan 2(2) Dan 3(1) Dan Peraturan 4] BORANG 1 [Subperaturan 2(2)] Keizinan Untuk Mengkompaun Kesalahan (R40)</p>

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
Tatacara mengkompoun	
<p>3. (1) Apabila menerima apa-apa maklumat atau aduan bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompoun telah dilakukan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan tawaran untuk mengkompoun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua.</p> <p>(2) Suatu tawaran untuk mengkompoun suatu kesalahan sah bagi tempoh empat belas hari bermula dari tarikh tawaran itu diterima oleh orang yang tawaran itu dibuat atau apa-apa tempoh lanjutan yang boleh diberikan oleh Ketua Pengarah dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Ketua Pengarah membuat tawaran kompoun dalam Borang 2 [Subperaturan 3(1)] ● Tempoh tawaran kompoun: <ul style="list-style-type: none"> (a) 14 hari bermula dari tarikh tawaran diterima. (b) boleh dilanjutkan oleh Ketua Pengarah sebagaimana difikirkan patut. ● Tiada prosiding pendakwaan boleh diambil terhadap orang yang telah membayar sepenuhnya kompoun dalam tempoh tawaran. <p>Rujukan</p> <p>Jadual Kedua - [Subperaturan 2(2) Dan 3(1) Dan Peraturan 4] BORANG 2 [Subperaturan 3(1)] Tawaran Untuk Mengkompoun Kesalahan (R41)</p>
Penyetujuterimaan kompoun	
<p>4. (1) Seseorang yang menyetujui terima suatu tawaran untuk mengkompoun suatu kesalahan yang boleh dikompoun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua dan mengembalikan Borang 3 itu kepada Ketua Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Jika orang yang ditawarkan kompoun bersetuju menerima tawaran tersebut perlu, mengisi Borang 3 dan mengembalikan kepada Ketua Pengarah. <p>Rujukan</p> <p>Jadual Kedua - [Subperaturan 2(2) Dan 3(1) Dan Peraturan 4] BORANG 3 [Peraturan 4] Penyetujuterimaan Tawaran Untuk Mengkompoun Kesalahan (R42)</p>
Pembayaran kompoun	
<p>5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompoun suatu kesalahan disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membayar kompoun itu-</p> <p>(a) secara wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah; atau</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Kompoun hendaklah dibayar atas nama Ketua Pengarah Tenaga Kerja melalui: <ul style="list-style-type: none"> i. wang pos, perintah juruwang, arahan bank atau draf bank dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”; atau ii. pemindahan wang secara elektronik ke akaun yang ditentukan.

KANDUNGAN DAN SEKSYEN BERKAITAN	PENERANGAN
<p>(b) melalui pemindahan wang secara elektronik ke akaun yang ditentukan.</p> <p>(2) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi untuk tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.</p>	<p>Nota: Bayaran hendaklah dibuat di Pejabat Tenaga Kerja yang mengeluarkan tawaran kompaun tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Setiap bayaran hendaklah dikeluarkan resit rasmi.
<p>Pendakwaan boleh dimulakan jika tiada pembayaran dibuat</p>	
<p>6. Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 3(2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pendakwaan boleh dijalankan tanpa notis sekiranya kompaun tidak dibayar sepenuhnya.

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1604	Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019	01-06-2020

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk panjang	Akta A1604	01-06-2020
1	Akta A1604	01-06-2020
2	Akta A1604	01-06-2020
3	Akta A1604	01-06-2020
10	Akta A1604	01-06-2020
11	Akta A1604	01-06-2020
12	Akta A1604	01-06-2020
13	Akta A1604	01-06-2020
14	Akta A1604	01-06-2020
24A-24N	Akta A1604	01-06-2020
25	Akta A1604	01-06-2020
26A	Akta A1604	01-06-2020
28	Akta A1604	01-06-2020
28A-28B	Akta A1604	01-06-2020
29A	Akta A1604	01-06-2020
31	Akta A1604	01-06-2020
32	Akta A1604	01-06-2020
Keseluruhan Akta	Akta A1604	01-06-2020

SENARAI AKTA

1. Akta Kerja 1955 (Akta 265)
2. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
3. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 [Akta 133]
4. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
5. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
6. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586)
7. Kanun Keseksaan [Akta 574], Bab 10, Seksyen 172 – 190, Menghinakan kuasa yang sah di sisi undang-undang bagi penjawat awam
8. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)
9. Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654)
10. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]
11. Akta Perubatan 1971 (Akta 50)

SENARAI RUJUKAN

No. Rujukan	Nama Kes/Pekeliling/Garis Panduan/Artikel/Memo/Borang/Jadual
R1	Perwaja Steel Sdn. Bhd. & Lagi Lwn. Majlis Daerah Kemaman, Terengganu [1994] 2 CLJ 504.
R2	Kumpulan Guthrie Sdn Bhd v. Valaithan Raman Nair & Ors (1990) 2 CLJ (rep.) 299
R3	Chin Well Fasterners lwn. Sampath Kumar Velinggiri & Anor. (2005) 4 CLJ 394
R4	Mashyur Mutiara Sdn Bhd lwn. Abdul Samat Bin Ishak & Ors. (2019) 1 LNS 1394
R5	Jadual Pertama Akta Kerja 1955
R6	Perintah Menteri di bawah Seksyen 2(3) atau Seksyen 2A Akta Kerja 1955
R7	<i>Worker's Minimum Standard of Housing and Amenities (Exemption) order 1996</i> PU(A) 243/1996
R8	Notis Perobohan Dan Penggantian / Pengubahan / Pembaikan Atau Penampungan Apa-Apa Kekurangan Atau Kecacatan Bangunan Kediaman / Dewan Komuniti / Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK)
R9	Perintah di bawah Seksyen 5(5) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990
R10	Pekeliling Bahagian Standard Perburuhan Bil. 4/2008 berkaitan prosedur kelulusan bekalan air selain sumber awam.
R11	Permit Kebenaran Menggunakan Bekalan Air Persendirian di bawah Seksyen 6(1)(a)
R12	Minit Mesyuarat Mengenai Penentuan Kualiti Air di Ladang-ladang di antara Jabatan Buruh, Pegawai NUPW dan Pegawai-pegawai UPAM
R13	Notis Perobohan Apa-Apa Tambahan Atau Perubahan Struktur Pada Bangunan Kediaman / Dewan Komuniti/ Pusat Asuhan Kanak-Kanak
R14	Bangunan Yang Mengancam Kesihatan Atau Keselamatan
R15	Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (Perintah Di Bawah Seksyen 8(3) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990)
R16	Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (Perintah Di Bawah Seksyen 10(1) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990)

R17	Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (Perintah Di Bawah Seksyen 12(1) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 1990)
R18	P.U (B) 204/1995
R19	P.U (B) 274/2004
R20	FAQ Akta 446
R21	JADUAL [Subperaturan 2(1)]: Fi Pemprosesan Bagi Permohonan Perakuan Penginapan
R22	Perakuan Kendiri
R23	Borang Saman Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990.
R24	Kanun Keseksaan [Akta 574], Bab 10, Seksyen 172 - 190, Menghinakan kuasa yang sah di sisi undang-undang bagi penjawat awam
R25	Jadual Pemansuhan
R26	Ilustrasi tandas curah
R27	Ilustrasi tandas korek
R28	Ilustrasi tandas lubang
R29	Garis Panduan Untuk Menyemak Pelan Bangunan Bagi Rumah Pekerja Tetap Di Bawah Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990
R30	Garis Panduan Untuk Menyemak Pelan Bangunan Bagi Rumah Pekerja Sementara Untuk Ahli-Ahli Keluarga/Pekerja-Pekerja Bujang Di Bawah Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990
R31	Ringkasan Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990
R32	Borang 1: Pemberitahuan Penyempurnaan Bangunan
R33	Borang 2: Perakuan Kelayakan

R34	Borang 3: Perakuan Kelayakan Sementara
R35	Borang 4: Kelulusan Bagi Penggunaan Lanjutan Bagi Suatu Bangunan Sementara
R36	JADUAL (Peraturan 18 (2)): Jenis dan Amaun Susu Untuk Disediakan Kepada Kanak-Kanak Tanggungan Yang Ditempatkan di Pusat Asuhan Kanak-Kanak
R37	Garis Panduan Untuk Menyemak Pelan Bangunan Bagi Pusat Asuhan Kanak-Kanak Di Bawah Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990
R38	JADUAL [Subperaturan 3(1)]: Kehendak Minimum Untuk Kelas Bangunan
R39	JADUAL PERTAMA [Subperaturan 2(1)]: Kesalahan Yang Boleh Dikompaun
R40	JADUAL KEDUA [Subperaturan 2(2) dan 3(1) dan peraturan 4] BORANG 1 [Subperaturan 2(2)] – Keizinan Untuk Mengkompaun Kesalahan
R41	JADUAL KEDUA [Subperaturan 2(2) dan 3(1) dan peraturan 4] BORANG 2 [Subperaturan 3(1)] – Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan
R42	JADUAL KEDUA [Subperaturan 2(2) dan 3(1) dan peraturan 4] BORANG 3 [Peraturan 4] – Penyetujuan Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan

SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Hj. Asri bin Ab. Rahman
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Penasihat

Tuan Hj. Mohd. Asri bin Abd. Wahab
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

Encik Shanmugam a/l Thiagarajan
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Pembangunan)

Koordinator

Tuan Hj. Yusoff bin Harun
Pengarah, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik

Ketua Pengarang

Encik Pezman Bin Che Hussin
Pengarah, Jabatan Tenaga Kerja Pahang

Sidang Pengarang

1. Encik S. Tharu Marajan
2. Dr. Aida binti Bakar
3. Encik Chuinh Kim Chian
4. Encik Aznan bin Salleh
5. Encik Mohd Faizal bin Mohammad
6. Puan Nisbah Awatif binti Md Noh
7. Puan Afeza binti Jaafar
8. Puan Zahrahtul Najihah binti Haji Razi
9. Puan Azlina binti Abd Aziz

Penyunting

1. Cik Norlia Anak Jawor
2. Encik Muzzaffar bin Awang@Awang Mukhtar

Sekalung penghargaan kepada semua Pengarah Ibu Pejabat, JTK Negeri dan semua pegawai serta kakitangan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan *handbook* ini.